

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 23**

**Khamis**

**15 Disember 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 27)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 15 Disember 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan sudah membuat keputusan untuk memberi subsidi minyak kepada semua pengusaha pengangkutan awam termasuk teksi sebagai langkah mengurangkan beban operasi ekoran kenaikan bahan tersebut; dan
- (b) apakah jaminan Kerajaan agar harga tambang bagi pengangkutan awam tidak naik dalam tempoh dua tahun akan datang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan masih lagi menimbang pemberian subsidi diesel kepada semua pengusaha pengangkutan awam. Sebaik sahaja keputusan dibuat kerajaan akan mengumumkan pemberian subsidi tersebut.

Sementara itu kerajaan telah menetapkan bahawa penyemakan semula kadar tambang pengangkutan awam hanya dibuat setiap lima tahun sekali. Pengusaha-pengusaha pengangkutan awam tidak boleh sewenang-wenang menaikkan tambang tanpa kelulusan kerajaan. Sekiranya pengusaha-pengusaha tidak mematuhi ketetapan tersebut Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka termasuk tindakan menggantung dan membatalkan lesen.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah pemantauan dibuat oleh pihak kerajaan supaya pemandu-pemandu teksi yang tidak memakai meter mengambil kesempatan di atas kenaikan harga minyak ini untuk menaikkan harga tambang. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, kita memang pun pada masa mula menambah pegawai penguat kuasa. Jika masih terdapat pemandu-pemandu teksi yang enggan menggunakan meter, kita akan menggantung lesen mereka dan mereka tidak akan boleh lagi membawa teksi dan akan diberi tempoh sehingga mereka boleh memasang ataupun akan diberi pada tempoh yang tertentu. Terima kasih.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa harga tambang ni tak akan naik selama tempoh dua tahun ya. Sekiranya sekarang ini, kita tengok permintaan minyak mentah begitu tinggi di negeri-negeri seperti negara-negara seperti China, India dan sebagainya ya. Kalau tak salah saya 11.1 juta metrik tan. Pada bulan Julai sahaja China *demand* untuk minyak mentah ini. Jadi, kalau sekiranya minyak mentah ini mempunyai *demand* yang tinggi maka sudah tentulah harga minyak akan naik. Kalaulah harga minyak ini naik juga saya rasa pemandu-pemandu teksi ini tak ada pilihan kecuali ada insentif-insentif lain. Jadi, saya nak tanya Yang Berhormat adakah ada insentif-insentif lain yang disediakan supaya sekiranya minyak ini naik, harga-harga tambang teksi ini masih dikekalkan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita kerajaan Barisan adalah kerajaan prihatin. Selama ini pun kerajaan sememangnya telah pun memberi subsidi kepada kenderaan darat. Contohnya, kita pun telah memberi subsidi walau harga tambang naik iaitu pada tahun 2003 kerajaan telah pun memberi subsidi diesel sebanyak RM72 juta, tahun 2004 kita beri RM1,122 juta dan pada tahun 2005 RM122.2 juta dan jaminan yang saya boleh beri insya-Allah Yang Berhormat tanya, Yang Berhormat yang menanya tadi dua tahun jika ada jaminan dan jaminan yang boleh saya - keputusan yang dibuat tahun depan kita tidak akan naik sebarang kenaikan tambang teksi kerana ini memikirkan kerana perkhidmatan awam begitu penting kepada rakyat di negara ini. Terima kasih.

2. **Tuan Tay Puay Chuan** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di luar negara atas biasiswa Kerajaan yang tidak kembali ke tanah air untuk melaksanakan tanggungjawab 'Bond' dan gagal membayar balik pinjaman kepada Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan ke atas perkara ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar tajaan biasiswa JPA dikenakan ikatan kontrak bagi tempoh tertentu mengikut bidang pengajian

yang dikuti. Sekiranya pelajar-pelajar yang menerima biasiswa ini gagal untuk kembali ke tanah air setelah tamat pengajian, mereka akan dikenakan tuntutan ganti rugi kos sebenar yang merangkumi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan termasuk segala jenis yuran, elaun dan tiket kapal terbang.

Buat masa ini terdapat 264 orang pelajar dalam bidang perubatan yang tidak kembali ke tanah air untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan telah pun bersetuju supaya pelajar-pelajar perubatan tajaan JPA yang sedang mengikuti latihan kepakaran atau sedang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah lanjutan atau yang sedang menunggu pasangan menamatkan latihan pengajian menanggungkan kepulangan mereka antara satu hingga empat tahun bagi memberi peluang kepada mereka menamatkan pengajian latihan kepakaran yang diikuti dengan persetujuan JPA.

Sekiranya permohonan diluluskan pelajar boleh menanggungkan kepulangan dan selepas menamatkan peringkat kepakaran tersebut mereka hendaklah kembali segera ke Malaysia dan melaporkan di JPA, mendaftar dengan SPA serta Majlis Perubatan Malaysia bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan kerajaan. Kes pelajar yang tidak lulus adalah, yang tidak diluluskan adalah sebanyak 165 orang dan pelajar-pelajar yang tidak memohon penangguhan seramai 44 orang dan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya masih berkitar berkaitan dengan penuntut Malaysia yang belajar di luar negara. Boleh tak, Yang Berhormat nyatakan berapakah jumlah pelajar kita yang belajar di luar negara, ini fakta kalau dapatlah dan sejauh mana pihak kerajaan berjaya memantau pelajar-pelajar yang dipengaruhi oleh unsur-unsur subversif di luar negara yang menentang kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau boleh bahagian pertama tadi, tentang statistik. Bahagian kedua itu ada terkeluar sikit daripada soalan asallah.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya ingat statistik itu, oleh kerana benda ini agak spesifik saya boleh bagi kemudianlah, secara bertulis. Berkenaan dengan elemen subversif dan sebagainya ini adalah di bawah tanggungjawab - bukan JPA, ialah tanggungjawab Pusat Pengajian Tinggi, jadi - di bawah majlis pelajar MSDI. Jadi, kerja-kerja ini tidak melibatkan JPA. Terima kasih.

**Tuan Pay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah JPA bercadang untuk mengenakan syarat yang lebih ketat agar mereka yang benar-benar perlu dan boleh dipercayai hanya mereka sahaja diberi biasiswa.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya memanglah syarat kita memang ketat. Kita sebelum ini, sebelum 2003 pelajar-pelajar yang ingkar yang tidak baliklah yang telah menggunakan wang daripada JPA, kita hanya mengenakan *token* sebanyak RM160 ribu iaitu mereka bayarlah. Sekarang ini mereka terpaksa membayar seperti mana yang saya maklum tadi ialah jumlah sebenar termasuk elaun yang dipakai dan sebagainya.

Kadang-kadang kalau umpamanya doktorlah, dulu kalau hanya bayar RM160 ribu, sekarang kalau di *Ireland* mereka terpaksa membayar lebih kurang satu jutalah sekarang ini kalau mereka *breach of contract* lah dengan izin, untuk mereka kena bayar jumlah yang sebenar. Jadi, saya rasa sekarang ini sudah ketat. Walau bagaimanapun ketat kita buat, masih terdapat 44 orang yang gagal ikut kehendak JPA dan surat saman telah kita keluarkan. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum tu kita mengalu-alukan kedatangan adik-adik Majlis Perwakilan Pelajar daripada Universiti Putera Malaysia [*Tepuk*] yang bersama-sama dengan kita pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tindakan adik-adik pelajar ini membawa kemudaran kepada penjamin yang saya rasa terdiri daripada kalangan ahli-ahli keluarga terdekat.

Jadi, kalau tindakan mahkamah diambil, bermakna kata keluarga memang terlibat dan menanggung beban yang cukup berat, apa tah lagi dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi jumlah pinjaman yang perlu dibayar untuk menjadi seorang doktor menghampiri RM1 juta. Sudah tentulah di luar kemampuan ahli-ahli keluarga yang kebanyakan saya rasa terdiri daripada kalangan mereka yang memang tidak ada kemampuan langsung untuk membuat bayaran. Jadi, apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya ingat selalunya penjamin ini kena berhati-hatilah sebelum kita menjamin. Dan penjamin ini ialah salah satu kita hendak mengikat pelajar tersebut, kalau sekiranya tidak ada satu jaminan susahlah bagi kita untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi sekarang ini. Jadi, kalau tuan-tuan lihat kalau macam kita hantar ke *Ireland* dengan UK seorang pelajar sampai satu juta. Jadi,

maknanya kalau sekarang ini 44 orang, RM44 juta iaitu satu melibatkan duit yang banyak.

Jadi, kita haraplah kepada keluarga yang menjadi penjamin tu, mereka terpaksa menasihatlh, panggil nasihat balik, supaya mereka ini kembali ke tanah air untuk bertugas. Kerana saya rasa di Malaysia pun peluang-peluang pekerjaan adalah baik walau pun kita mungkin, kita punya gaji, tangga gaji agak rendah sikit, tapi kalau dari segi kos kita punya *cost of living* lebih rendah daripada setengah-tengah tempat di luar negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawatanteh [Tuan Yang di-Pertua]:** Yang Berhormat, tertib mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran bersama kita rombongan dari Dewan Undangan Negeri Sabah. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Bagi pihak Dewan Negara dan semua Ahli Dewan, kami juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas kehadiran semua Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Akaun Kira-kira Negeri Sabah ke Dewan Negara. Terima kasih. *[Tepuk]*

3. **Datuk Jins Shamsudin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kerajaan sedar Malaysia telah dianggap sebagai negara yang terbesar mencetak dan mengedarkan VCD/CD haram dan lucah. Apakah tindakan kerajaan untuk menghapuskan anggapan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan juga dari Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin bertarikh 19 Disember 2005 kerana soalan tersebut menyentuh isu yang hampir sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa aktiviti-aktiviti cetak rompak ini berlaku di mana-mana negara termasuk negara kita. Tetapi adalah tidak tepat mengatakan Malaysia sebagai negara terbesar mengeluarkan VCD/CD/DVD haram di dunia. Walau bagaimanapun kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

mengambil berat tentang perkara ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini. Dengan kata lain, apa yang penting bagi kami di kementerian ialah usaha yang berterusan bagi membanteras kegiatan tersebut iaitu selain daripada penguatkuasaan juga dari segi melahirkan kesedaran serta pendidikan di kalangan peniaga dan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpendapat peraturan-peraturan pelesenan sedia ada memang mencukupi dan tidak bercadang untuk menempatkan kilang-kilang mencetak VCD dan DVD dalam suatu kawasan yang dinamakan kawasan *custom bounded area*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerana harga bahan-bahan asal ini terlalu mahal dan ini adalah sebab utama kenapa pencetak ini mendapat satu pasaran. Apakah tindakan kerajaan sebagai satu jangka masa panjang untuk mengadakan perundingan dengan pihak-pihak ini yang mengeluarkan bahan-bahan ini supaya menetapkan satu harga yang lebih realistik supaya tidak perlu lagi orang ramai membeli bahan cetak rompak. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan barangan tiruan dengan barangan tulen ini memang harganya berbeza, tidak mengira barang apa pun. Dari segi harga VCD/CD tulen ini, memang kementerian ada berbincang dengan pihak pengusaha. Selain daripada kita berharap mengadakan satu harga yang lebih munasabah, pada satu ketika kita bercadang hendak menetapkan harga siling, tetapi akhirnya kita lihat dari beberapa sudut adalah tidak wajar untuk kita menetapkan satu harga siling dengan usaha untuk mengadakan *mega sale*. Kementerian menasihatkan supaya pengusaha mengadakan *mega sale* setahun mungkin dua kali untuk menawarkan satu harga yang lebih rendah supaya pengguna dapat menghormati IP dan dalam waktu yang sama menyokong industri bagi mengadakan jualan lebih murah untuk menyokong mereka. Maka dengan usaha ini dapat kita mengadakan satu harga yang lebih munasabah bagi pihak pengguna.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dengan berleluasanya cetak rompak ini mungkin disebabkan oleh denda yang terlalu ringan. Jadi saya ingin tahu, apakah bentuk denda yang dikenakan ke atas pengusaha-pengusaha apabila premis mereka diselongkar dan didapati bersalah? Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat dari segi hukuman setakat ini kementerian rasa memang cukup berat iaitu kalau dilihat dari segi Akta Cakera Optik 2000 dan juga Akta Hak Cipta 1987, kita ada kuasa untuk menahan dan menahan reman suspek-suspek. Selain daripada itu, kita letakkan saman minimum sejumlah RM2,000 dan maksimum RM20,000 bagi setiap salinan yang melanggar peraturan ini. Kalau dilihat dari segi peraturan dan hukum ini memang berat. Tapi bagi kementerian selain daripada penguatkuasaan yang saya sebutkan tadi kita pun mengadakan banyak seminar. Saya rasa pendidikan dan juga melahirkan kesedaran adalah penting. Tetapi dari segi hukuman memang sudah cukup berat untuk setakat ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi mengurangkan penggunaan VCD cetak rompak ini tidakkah kerajaan bercadang untuk mengarahkan pengeluaran VCD ini dalam dua versi iaitu versi mahal dan versi sederhana.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini salah satu cadangan yang baru. Kalau kita lihat dari segi harga yang ditetapkan ini, kalau kita harapkan pengusaha mengadakan dua jenis harga mungkin pengusaha kurang bersetuju. Apa yang penting ialah seperti yang saya sebutkan tadi, kita galakkan supaya pengusaha mengadakan *mega sale*. Mungkin dari segi musim untuk mengadakan harga yang murah iaitu sepanjang tahun ini mungkin kita adakan dua kali ataupun tiga kali. Buat sementara ini ada dua kali. Untuk *mega sale* kita tawarkan satu harga yang lebih murah, mungkin ini sampailah hasrat kita untuk mengadakan dua jenis harga. Tetapi untuk mengadakan dua harga sepanjang tahun mungkin ini satu cadangan baru, saya tidak tahu sama ada pengusaha dapat terima ataupun tidak. Tetapi sekurang-kurangnya ada *mega sale* untuk mendapatkan harga yang lebih murah.

4. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah strategi kementerian untuk merealisasikan pembinaan sebuah hospital kanak-kanak bertaraf antarabangsa dengan memiliki pelbagai kepakaran dalam perawatannya serta kos perawatan yang mampu dibiayai oleh semua golongan masyarakat dan nyatakan jumlah kanak-kanak di bawah peringkat umur 12 tahun yang telah menerima rawatan dan dimasukkan ke wad-wad hospital di seluruh negara sejak tahun 1999 hingga Jun 2005.



**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, negara mempunyai sebuah Institut Pediatrik di Hospital Kuala Lumpur yang menjadi pusat rujukan negara dalam bidang pediatrik buat masa kini. Institut ini mempunyai 445 katil dibina untuk memberi perkhidmatan serta rawatan terkini dalam penyakit kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun dalam suasana selesa dan dengan izin *child friendly*, mengikut keperluan semasa. Terdapat sembilan perkhidmatan subkepakaran dalam disiplin *pediatric medical* yang ditawarkan selain daripada tiga subkepakaran dalam *pediatric surgery*.

Selain daripada itu institut juga mempunyai perkhidmatan seperti *child psychiatry*, *dental* dan perkhidmatan sokongan. Ia juga merupakan pusat pembelajaran dan latihan bagi *undergraduate*, kepakaran dan juga *post basic* untuk jururawat dan paramedik.

Sukacita dimaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses mewujudkan satu hospital wanita dan kanak-kanak yang baru, yang boleh menempatkan lebih kurang 800 buah katil dan dengan ini dapat menyediakan satu perkhidmatan kepakaran pediatrik dan wanita yang meluas dan menepati keperluan generasi masa kini dan akan datang.

Untuk bahagian kedua iaitu jumlah kanak-kanak di peringkat bawah 12 tahun yang telah menerima rawatan di wad-wad hospital seluruh negara adalah seperti berikut:-

| TAHUN | JUMLAH KANAK-KANAK DIRAWAT DI WAD-WAD HOSPITAL |
|-------|--|
| 1999  | 291,338  |
| 2000  | 307,305  |
| 2001  | 315,000  |
| 2002  | 330,151  |
| 2003  | 337,293  |
| 2004  | 352,516  |

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hospital Pediatrik ini Yang Berhormat, adalah hospital yang berkaitan dengan bidang kanak-kanak, ya?

**Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta maaf kerana saya bukan doktor. Silakan Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan adalah menjadi impian, hasrat dan harapan Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon untuk merealisasikan perubahan hospital kanak-kanak seperti yang dinyatakan itu. Tapi apakah daripada jumlah yang dinyatakan dalam Dewan ini memperlihatkan jumlahnya begitu besar, dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan hospital sebagaimana yang dinyatakan tadi mengikut zon ataupun mengikut negeri memandangkan kepada keprihatinan kita untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Datuk Yaakob itu memang baik. Cuma dalam membina kekuatan perkhidmatan kesihatan dan dalam memastikan sistem *delivery* dapat sampai kepada rakyat dengan cepat dan baik, kementerian sebenarnya sudah pun menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan di peringkat negeri dahulu dan di peringkat Pusat. Sebagai contoh, Hospital Kuala Lumpur adalah sebuah hospital yang agak padat mempunyai lebih kurang 2,500 katil. Ekoran daripada itu, bangunannya sudah agak lama. Tapi mulai Rancangan Malaysia Kelapan kita agihkan *traffic flow* pesakit dengan izin, ke hospital-hospital berdekatan. Dengan itu wujudlah Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Putrajaya dan Hospital Sungai Buloh. Dengan demikian kita hanya pastikan Hospital Kuala Lumpur betul-betul memainkan peranan sebagai hospital *tertiary* dan merupakan pusat rujukan negara.

Dengan demikian, kita juga memperbanyakkan perkhidmatan *subspecialty*, umpamanya dalam bidang *cardio thoracic*, bukan hanya di IJN tetapi di Pulau Pinang, Sarawak dan Johor Bharu, dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan tubuhkan di Pantai Timur satu dan juga di Ipoh. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan saya, selain daripada keperluan hospital dan wad kanak-kanak,

adakah negara kita ini mempunyai doktor pakar kanak-kanak yang mencukupi untuk keperluan negara seluruhnya.

**Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada negara yang cukup doktor dalam dunia ini termasuk negara kita. Sebab itu dalam kita membina bangunan hospital, kita juga pastikan mempunyai pegawai yang terlatih dalam pelbagai dan bidang perubatan sekarang bertambah kompleks, bukan sahaja ia ada kepakaran tetapi ada subkepakaran.

5. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana dapat dikawal harga rumah-rumah yang dibina oleh swasta daripada menjadi terlalu mahal disebabkan kegiatan spekulasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, harga rumah bagi sesuatu skim perumahan ditetapkan oleh pemaju berdasarkan pasaran semasa kecuali harga rumah kos rendah ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian. Kelulusan permit iklan dan jualan oleh kementerian adalah berdasarkan harga tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan harga rumah daripada permit iklan dan jualan peruntukan perlu mendapat kelulusan daripada pengawal perumahan mengikut Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Terima kasih.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang mengadakan satu undang-undang supaya semua rumah murah yang diwajibkan dalam sesuatu projek itu dijual oleh kerajaan negeri untuk mengelakkan kegiatan spekulasi pihak swasta seperti bayaran tambahan *under counter*. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Pada masa sekarang, rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta, pengagihan rumah-rumah tersebut biasanya mengikut senarai yang diberi oleh pihak berkuasa negeri dan mereka mesti mengikut harga yang ditetapkan oleh kerajaan negeri mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebarang harga tambahan atau *under counter* itu memanglah haram dan kalau ada kes-kes tertentu, pembeli boleh membuat aduan kepada kementerian supaya tindakan boleh diambil di bawah Akta Pemaju Perumahan. Pada masa sekarang kita

tidak mempunyai apa-apa syarat untuk memastikan pihak swasta menyerahkan semua rumah yang dibina oleh mereka kepada kerajaan negeri supaya kerajaan negeri boleh membuat penjualan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya mengenai konsep bina dan jual yang sedang dibincangkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan *Real Estate and Housing Developers' Association* (REHDA). Saya difahamkan bahawa model 10-90 iaitu 10% bayaran muka dan 90% setelah siap yang dicadangkan adalah model dari Australia bertujuan untuk melindungi pembeli-pembeli rumah tetapi sekiranya model ini diambil pakai, saya khuatiri bahawa institusi kewangan tidak akan menyokong pemaju-pemaju perumahan bersaiz kecil dan sederhana.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan, Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Ini adalah kerana risiko pinjaman kepada pemaju sedemikian akan menjadi lebih tinggi disebabkan penilaian kredit berdasarkan kepada keadaan kewangan dan pasaran perumahan. Di bawah sistem ini mereka melihat kepada jumlah unit yang dijual ataupun pre sale semasa pelancaran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya?

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Soalan tambahannya, apakah tidak ada model dari negara-negara lain? Saya minta penjelasan daripada kementerian.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tujuan kementerian telah dibincangkan dan wujud satu konsep untuk memastikan rumah dibina sebelum dijual ialah untuk menjaga kepentingan pembeli kerana ada beberapa tempat di mana pembeli telah membuat bayaran tetapi rumah tidak disiapkan selama beberapa tahun, maka kerajaan mesti mengambil satu tindakan untuk memastikan kebaikan pembeli dikawal.

Salah satu daripada cadangan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri ialah untuk mengkaji kalau boleh kita boleh mewujudkan satu sistem di mana rumah dibina sebelum dijual. Memang saya sedar dan menerima pandangan daripada Yang Berhormat, ada beberapa masalah terhadap pelaksanaan konsep ini dan pada masa sekarang kita masih sedang berbincang dengan semua pihak untuk menetapkan satu sistem yang boleh menjaga kepentingan pembeli di samping menjaga kepentingan pemaju-pemaju besar dan pemaju-pemaju kecil seperti yang diberitahu..

Ini ada kebaikan dan keburukan di mana-mana pilihan yang akan dibuat tetapi semasa kita membuat satu keputusan yang muktamad, memang kepentingan semua pihak akan diberi perhatian. Terima kasih.

6. **Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah masih terdapat warga asing yang masih menjadikan kawasan di negara ini sebagai 'perkampungan' mereka sehingga menyebabkan rasa tidak selesa di kalangan penduduk tempatan seperti yang dilaporkan di akhbar harian baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, setiap pekerja asing mesti disediakan tempat tinggal oleh majikan mereka. Memang ada 'perkampungan' yang wujud merupakan perkampungan sah yang diduduki oleh warga asing yang telah memperolehi tahap penduduk tetap di negara ini. Walau bagaimanapun, 'perkampungan' ini dijadikan tempat bersembunyi oleh PATI atau pekerja asing tanpa izin yang memasuki negara ini secara haram dan telah tinggal lebih masa, telah tamat tempoh pas lawatan atau permit kerja juga pekerja asing yang telah tamat tempoh kontrak dengan majikan tetapi enggan pulang ke negara asal mereka.

Mereka menyembunyikan diri di 'perkampungan' ini supaya sukar dikesan oleh pihak berkuasa apabila menjalankan operasi. Pihak kerajaan, khususnya agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan RELA mengadakan operasi penguatkuasaan secara berkala atau apabila menerima aduan daripada orang ramai di 'perkampungan' ini.

Operasi-operasi ini bertujuan untuk membersihkan perkampungan-perkampungan seperti ini daripada PATI dan juga untuk menjaga keselamatan penduduk tempatan yang tinggal berhampiran dengan mereka. Kerajaan-kerajaan tempatan juga mengambil tindakan yang tegas terhadap perkampungan yang didirikan secara haram di mana terdapat kes-kes 'perkampungan' seperti ini pernah dirobuhkan oleh kerajaan tempatan. Semua langkah seperti ini diambil untuk menjamin keselesaan dan keselamatan penduduk tempatan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan. Tetapi saya rasa tindakan yang telah diambil oleh pihak penguatkuasaan tidak begitu berjaya, kalau tidak soalan seperti ini tidak dikemukakan dan perkara yang sedemikian tidak berlaku. Saya ingin bertanya, oleh kerana negara kita ini begitu luas dan apabila kita robohkan satu koloni perkampungan

yang boleh dikatakan diduduki oleh orang yang bukan tempatan iaitu PATI dan sebagainya, ia akan beralih ke kawasan yang lain. Tidakkah kementerian mempunyai kaedah yang lain supaya usaha ini tidak dilihat sebagai usaha yang sementara dan tidak berkesan.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa melalui operasi tangkapan pekerja asing tanpa izin, setakat ini atau sehingga 31 Ogos 2005, seramai 16,820 orang telah ditangkap dan penguat kuasa Imigresen, RELA dan pihak polis telah meningkatkan penguatkuasaan supaya kita boleh pastikan tidak ada pekerja asing tanpa izin di negara ini.

Di samping itu kita memerlukan kerjasama daripada orang ramai supaya kita boleh dapat maklumat yang tepat untuk menjalankan operasi penangkapan pekerja asing tanpa izin. Pihak kerajaan tempatan, tadi saya sebut, mereka pun telah ambil tindakan yang tegas supaya tidak mengizinkan pekerja asing tanpa izin mewujudkan dan membina kawasan perkampungan di mana-mana tempat. Semua langkah ini pun telah diambil untuk memastikan tidak ada pekerja asing tanpa izin beramai-ramai mendirikan perkampungan di negara kita.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya kepada pihak kementerian, apakah statistik perkampungan ini setelah kawalan dibuat, menurun ataupun kian meningkat? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat statistik umpamanya berapa buah perkampungan yang telah diwujudkan kerana tadi saya sebut kewujudan perkampungan ini adalah di bawah kawalan dan bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tentang kemerosotan mutu sukan di negara kita. Walaupun pelbagai kemudahan latihan dan imbuhan diberikan kepada atlet tetapi mutu sukan masih di tahap yang menyedihkan. Apakah tiada sebarang usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi meningkatkan prestasi atlet-atlet kita sedangkan wang banyak dilaburkan untuk mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa dakwaan dan mutu pencapaian atlet kebangsaan ini semakin menurun tidak menunjukkan penambahbaikan agak kurang tepat. Adalah

benar terdapat sukan-sukan yang merosot prestasinya, tetapi tidak adil kita mengukur kemajuan atau kemerosotan sukan negara berpandukan prestasi sukan-sukan popular sahaja, khususnya bola sepak, sepak takraw, hoki dan badminton.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sukan-sukan lain telah meningkat prestasi mereka dalam kejohanan antarabangsa masing-masing seperti skuasy, boling, boling padang, terjun, gimnastik, bina badan, karate dan wushu.

Kejayaan Nicol David menjadi pemain nombor satu dunia dalam Kejohanan Skuasy Dunia di Hong Kong yang baru-baru lalu, Juara Terbuka British, Terbuka Kuwait, Dutch Open, Natherland dan World Games. Atlet-atlet boling yang meraih kejayaan cemerlang adalah seperti Shalin Zulkifli yang menjadi juara perseorangan 2nd Commenwealth Championship di Cyprus, Alex Liew menjuarai acara Masters di Kejohanan H.H Amer Cup di Doha, Qatar, Wendy Chai menjuarai acara Masters di Kejohanan Sinai International Open di Egypt dan Ester Chia menjuarai perseorangan wanita di Woman World Championship di Denmark.

Sukan karate pula telah berjaya meraih satu emas, empat perak dan tiga gangsa dalam 7th ASEAN Senior and Junior Cadet Championship di Macau. Sukan menembak telah meraih dua pingat perak dan tiga gangsa di Kejohanan 5th Commenwealth Shooting Championship di Melbourne dan sukan pencak silat telah meraih lima pingat emas, lima pingat perak dan satu gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat Terbuka Swiss di Switzerland juga telah menyumbang lagi kepada kecemerlangan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sukan badminton walaupun tidak berjaya meraih sebarang pingat di Sukan Olimpik 2000 dan 2004, namun dalam kejohanan-kejohanan individu antarabangsa, pemain-pemain negara masih boleh memberi saingan, malah berjaya meraih kejuaraan seperti Mohd. Hafiz, Juara Perseorangan Terbuka Swiss di Switzerland, Lee Chong Wei, Juara Perseorangan Denmark dan Chan Chong Min, Khoo Keng Kiat, Juara Beregu Denmark.

Bagi mencipta juara-juara di arena antarabangsa, usaha dan bantuan berterusan perlu diberikan termasuk kemudahan latihan dan program latihan jangka panjang. Menyedari hakikat ini kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah menyediakan program-program latihan jangka panjang bermula dari Program Jaya 1998 iaitu program latihan atlet untuk menghadapi Sukan Komanwel kepada Program Gemilang 2001 dan Program Gemilang 2006. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin membuat kenyataan di sini bahawa saya memang amat menyokong bahawa sukan negara kita sekarang ini sudah menunjukkan peningkatannya, tahniah!

Soalan tambahan saya ialah satu daripada masalah yang timbul kepada ahli-ahli sukan kita ini ialah kerana kebanyakan daripada mereka ini sedang bersekolah, belajar dalam negeri dan luar negeri, universiti dan sebagainya dan ini menimbulkan masalah kepada mereka dari segi kuliah, terutamanya ketika untuk menghadapi peperiksaan. Apakah sebenarnya yang dilakukan oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah atlet-atlet kita ini yang masih dalam pengajian dan apakah sudah ada perbincangan dengan Kementerian Pelajaran atau Kementerian Pengajian Tinggi supaya ada sedikit pengecualian kepada mereka ini. Terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sukan memang menyedari, hakikat pelajar-pelajar yang aktif dalam sukan dan ini memanglah masalah yang sedang diteliti oleh kementerian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran. Mudah-mudahan pada tahun yang akan datang, Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan supaya masalah ini akan diatasi.. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita difahamkan bahawa Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sukan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM10 juta bagi melaksanakan program pembangunan sukan sekolah-sekolah melalui Kementerian Pelajaran. Soalan saya, bagaimanakah Kementerian Belia dan Sukan main peranan dengan berkesan dalam pembangunan sukan dalam peringkat akar umbi, itu sekolah-sekolah kerana sekolah-sekolah adalah di bawah Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini program-program sukan di akar umbi ini walaupun dibincangkan di peringkat di Jawatankuasa Kabinet tetapi bidang kuasa itu terletak di bawah Kementerian Pelajaran dan buat masa ini perbincangan sedang berjalan dengan Kementerian Pelajaran supaya apa juga yang diminta oleh Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Belia dan Sukan dan kita *confident* dengan izin bahawa kita akan bekerjasama dengan mereka di peringkat akar umbi kerana Kementerian Belia dan



Sukan boleh memantapkan kesukanan melalui persatuan-persatuan belia tetapi kepada murid-murid itu dalam bidang kuasa Kementerian Pelajaran.

*[Soalan No. 8 – Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid tidak hadir]*

**Encik Chua Kim Chuan:** Tuan Yang di-Pertua, dia telah maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua semalam lagi, dia pergi ke Istana.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

9. **Tuan Munusamy al Mareemuthu** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan bilangan kakitangan awam bukan bumiputera dalam sektor awam.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, SPA, adalah salah satu pihak berkuasa yang melantik untuk memasuki perkhidmatan awam di peringkat persekutuan.

Statistik bilangan yang memohon pada tahun 2002, 2003 dan 2004 menunjukkan bahawa jumlah permohonan daripada kalangan kaum bukan Melayu khususnya Cina dan India adalah kecil. Sebagai contoh bagi tahun 2004, SPA telah menerima 403,631 permohonan dengan kaum Melayu mewakili 78.43% iaitu sebanyak 316,000 orang, manakala kaum Cina ialah seramai 8,067 orang iaitu lebih kurang 2% dan kaum India ialah 9,562 orang atau 2.3% dan lain-lain kaum sebanyak 69,000 iaitu 17%. Walau bagaimana pun, dari segi lantikan terdapat sedikit peningkatan bagi kaum bukan Melayu dalam tahun 2004 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Dalam tempoh 2004 jumlah lantikan kaum bukan Melayu telah meningkat kepada 20% berbanding dengan 19.4% dalam tahun 2003. Ini bermakna, walau pun jumlah permohonan bukan Melayu adalah kecil tetapi jumlah yang dilantik adalah besar berdasarkan kepada peratus permohonan.

Untuk memasuki perkhidmatan awam, semua permohonan perlu melalui syarat dan proses tapisan yang sama tanpa mengira kaum kerana sistem merit digunakan sebagai asas tapisan pemilihan oleh SPA. Beberapa kelonggaran adalah diberi kepada kelompok masyarakat yang daif sahaja seperti Orang Asli dan orang kurang upaya dan mereka yang termasuk dalam kategori penduduk miskin.

Namun demikian, sebagai sebuah agensi yang prihatin, SPA telah mengambil beberapa langkah yang sesuai dengan berfungsi bagi bidang kuasanya untuk

membantu kerajaan mengurangkan masalah ketidakseimbangan kaum dalam perkhidmatan awam. Di antara langkah-langkahnya ialah menyiarkan iklan pengambilan sepanjang masa, promosi dan menyebarkan maklumat secara berkala mengenai peluang pekerjaan melalui media elektronik, mengadakan dialog dengan Pengerusi SPA, mengadakan Hari SPA Bersama Pelanggan, Hari Kerjaya dan berbagai-bagai lagi promosi yang telah dibuat. Namun demikian, masih didapati kurang sambutan daripada kalangan orang bukan Melayu. Jadi itulah di antara perkara-perkara yang saya sentuh.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan yang telah diberi. Saya nampak pada tahun 2004 ada penambahan pengambilan bukan bumiputera dalam sistem kerajaan. Mungkin ini adalah sebab langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat am. Adakah kerajaan juga bercadang supaya iklan-iklan dikeluarkan di dalam surat-surat khabar bahasa lain, seperti bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Cina. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Mengenai iklan itu, memang sedia adalah Yang Berhormat sebenarnya, tiap-tiap tahun kita ada. Sebenarnya selain daripada iklan kita ada website, boleh kita hubungi bila-bila masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dalam akhbar semua bahasa Yang Berhormat. Ya, Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya masih berkaitan pengambilan tenaga kerja. Cuma, apabila pertanyaan yang sering kali ditanyakan dan dijawab, antara bumiputera dan bukan bumiputera, seolah-olah wujud ketidakadilan dalam sektor awam. Umpamanya, jawatan yang dipegang oleh bumiputera agak ramai. Soalan tambahan saya dan saya minta pandanganlah, tak perlu notis saya kira, apa pandangan Yang Berhormat Dato' tentang di pihak swasta pula, bagaimana cara atau strategi kerajaan untuk membenarkan atau pun membolehkan pihak swasta mengambil kakitangan bumiputera khususnya di peringkat pengurusan kerana ia terlalu dingin daripada pihak swasta. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat sebenarnya soalan ini selalu dikeluarkan, selalu, saya pun dah menjawab, saya ingat kali yang kedua dah. Jadi sebenarnya perkhidmatan awam, kita hanya bagi lebih kurang 10% daripada jumlah peluang pekerjaan yang ada di tanah air, makannya 90% lagi adalah daripada

swasta. Jadi, saya rasa bidang swasta ini, saya tak dapat nak memberi satu jawapan yang tepat tetapi saya rasa terpulanglah kepada pihak-pihak yang terlibat iaitu swasta atau syarikat, kadang-kadang dipohon jawatan-jawatan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang mereka. Tetapi dalam perkhidmatan awam kita tidak mempunyai diskriminasi dalam pengambilan pegawai-pegawai kerajaan. Kita tidak pernah ada kuota untuk kaum-kaum, terbuka seluas-luasnya, terpulang kepada individu. Tetapi kita lihat kebanyakan daripada permohonan daripada bukan bumiputeralah terutamanya selain daripada orang Melayu, mereka lebih suka bekerja sendiri, ada kala setengah-setengahnya mereka tidak sesuai bagi mereka seperti pasukan keselamatan, polis dan sebagainya kerana mempunyai disiplin yang tinggi dan sebagainya. Jadi mereka lebih sesuai, lebih suka dengan kerja-kerja swasta atau kerja sendiri. Itulah sebabnya tidak ramai bukan bumiputera yang bekerja dalam sektor awam.

10. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah dirangka dalam Rancangan Malaysia ke-9 untuk golongan ibu tunggal. Nyatakan juga banci yang terkini bilangan ibu tunggal untuk setiap negeri di seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Rancangan Malaysia ke-9, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan memberikan tumpuan untuk memperkasa wanita menerusi program peningkatan kapasiti golongan berkenaan.

Kita sedang merangka untuk melaksanakan dua program khusus selain daripada meneruskan program-program sedia ada bagi membantu ibu-ibu tunggal yang kurang berkemampuan meningkatkan kualiti hidup mereka. Program-program tersebut adalah program IQ iaitu Inisiatif Kemajuan Wanita dan Program IK atau Inkubator Kemajuan Wanita.

Program IQ diwujudkan bagi memberikan kemahiran kepada golongan wanita, termasuk ibu tunggal berserta anak yang ditanggung dan siswazah wanita yang menganggur. Program ini menyediakan latihan yang melibatkan tujuh bidang kemahiran iaitu Peradaban sosial, etika sosial, penampilan diri; pengurusan restoran dan perhotelan; jahitan dan pembuatan pakaian; pengurusan dan kepimpinan, perancangan kewangan; kemahiran pemasaran dan persolekan serta dandanan. Program ini dijalankan secara kerjasama antara kementerian dengan syarikat-syarikat dari sektor

swasta seperti *Clara International Beauty Group, Yong Tiong Lay, Mosuel Sdn.Bhd., Protex and Gamble PNG, Puppy Wings Sdn. Bhd.* dan MayBank. Pelaksanaan program ini dijangka akan bermula pada awal tahun 2006. Buat permulaan, peserta-peserta kurus akan dipilih daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Program IK pula dicadang untuk memberi latihan kemahiran khusus untuk ibu tunggal yang menyediakan tiga bidang kemahiran iaitu kurus jahitan, kursus terapi kecantikan dan kursus asas asuhan kanak-kanak. Untuk peringkat permulaan, program ini akan dijalankan secara perintis dengan lima buah kerajaan negeri, iaitu Selangor, Pahang, Perak, Melaka dan Kelantan. Ia akan dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan "*Hold My Hand*" iaitu Latih dan Bimbing. Dari peringkat awal, peserta akan menjalani latihan sehingga mereka berjaya mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan. Ia turut menggunakan pendekatan '*Smart Partnership*' dengan institusi latihan swasta yang ditauliahkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan Malaysia atau MLVK dan Institut milik Persatuan Taska yang mendapat akreditasi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program ini dijadualkan akan dilaksanakan pada awal tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kementerian turut menyediakan bantuan kepada ibu tunggal di bawah Skim Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Am dan Bantuan Sekolah bagi membiayai perbelanjaan anak-anak termasuk perbelanjaan persekolahan.

Melalui Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Am, ibu tunggal atau ibu yang berpendapatan kurang daripada RM400 sebulan layak dipertimbangkan salah satu bantuan sama ada bantuan kanak-kanak iaitu sebanyak RM100 hingga RM450 sebulan atau bantuan am sebanyak RM80 hingga RM350 sebulan.

Sementara bagi bantuan sekolah, ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM500 layak dipertimbangkan bantuan mengikut kadar sebenar yuran sekolah, yuran peperiksaan, buku, tambang pengangkutan dan pakaian seragam yang dibeli setahun sekali. Ibu tunggal yang menerima bantuan kanak-kanak atau bantuan am boleh turut menerima bantuan sekolah ini.

Usaha terbaru yang diambil oleh kementerian ialah membantu meringankan beban ibu tunggal menyara persekolahan anak-anak mereka di mana kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan program anak angkat anak ibu tunggal. Di bawah program ini, syarikat-syarikat swasta yang bersetuju mengambil anak ibu tunggal

sebagai anak angkat dan membiayai persekolahan anak tersebut akan diberi insentif dalam bentuk pengurangan pendapatan dikenakan cukai atau *taxable income* dengan izin, sehingga maksimum RM200,000 setahun.

Syarikat swasta yang menyertai program ini akan membiayai persekolahan anak ibu tunggal berkenaan sehingga ke Tingkatan 5. Dengan cara ini anak-anak ibu tunggal yang tidak berkemampuan hutan meneruskan persekolahan kerana tiada mempunyai sumber kewangan dapat meneruskan persekolahan mereka seperti kanak-kanak lain.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan keadaan bancian penduduk dan perumahan Malaysia tahun 2000, bilangan ibu tunggal di Malaysia ialah 126,810 orang atau kira-kira 15.9% daripada 795,500 ketua isi rumah wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan ibu tunggal mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <b>NEGERI</b>     | <b>JUMLAH</b>  |
|-------------------|----------------|
| Johor             | 14,790         |
| Kedah             | 11,694         |
| Kelantan          | 9,767          |
| Melaka            | 4,638          |
| Negeri Sembilan   | 5,521          |
| Pahang            | 7,343          |
| Perak             | 15,969         |
| Perlis            | 1,332          |
| Pulau Pinang      | 8,350          |
| Sabah             | 7,126          |
| Sarawak           | 7,929          |
| Selangor          | 16,748         |
| Terengganu        | 6,905          |
| W.P. Kuala Lumpur | 8,536          |
| W.P. Labuan       | 162            |
| <b>Jumlah</b>     | <b>126,810</b> |

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan yang begitu komprehensif dan terperinci.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal bukan sahaja masalah kewangan ataupun pekerjaan. Ada masalah-masalah lain seperti masalah sosial ataupun masalah emosi atau mungkin pun masalah mencari jodoh. Tetapi apakah bentuk bantuan yang kerajaan mampu berikan kepada golongan ini dalam aspek ini. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah pun menjawab semua soalan tetapi kalau mengenai masalah yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal adalah banyak iaitu termasuk masalah emosi. Mengenai masalah emosi ini kita telah sediakan perkhidmatan kaunseling di semua Rumah Nur di seluruh negara yang mana kita ada 15 buah Rumah Nur di seluruh negara. Mereka juga boleh menghubungi pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang mana kita ada kaunselor untuk memberi perkhidmatan seperti apa yang saya maklumkan.

Selain daripada masalah emosi iaitu masalah kewangan, masalah pendidikan anak-anak, masalah tidak faham hak-hak sendiri di bawah peruntukan. Mengenai masalah ini kita telah bekerjasama dengan NGO-NGO supaya kita beri bantuan khas kepada NGO-NGO dan mereka akan menganjurkan program-program literasi undang-undang. Ada lagi satu masalah iaitu perumahan. Masalah perumahan ini kita perlu kerjasama dari Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, saya rasa inilah jawapan yang dapat diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kerana jawapan sudah jelas, saya hanya benarkan satu soalan tambahan.

**11. Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan apakah faedah yang disumbangkan melalui rancangan-rancangan seperti "Mencari Cinta", "Akademi Fantasia" dan sebagainya dari segi kemanusiaan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi (Dato' Shaziman bin Abu Mansor):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program "Mencari Cinta" dan "Akademi Fantasia" adalah di antara program-program realiti yang disiarkan oleh televisyen swasta pada masa ini.

Program realiti tidak hanya terhad kepada siaran yang bercorak hiburan semata-mata tetapi juga meliputi aspek-aspek kemanusiaan seperti pembangunan kekeluargaan, pendidikan, integrasi nasional dan sebagainya. Program realiti "Mencari Cinta" tidak pernah memaparkan adegan melampau kerana semua episod yang disiarkan telah pun melalui proses penapisan kandungan oleh pihak Lembaga Penapisan Filem.

Antara mesej positif program ini ialah pengukuhan hubungan kekeluargaan dalam menjalani urusan seharian termasuk dalam soal mencari jodoh. Sikap saling

mengambil berat serta menjaga kepentingan satu sama lain dalam keluarga amat penting boleh menyelesaikan banyak masalah sosial.

Manakala program “Akademi Fantasia” pula, memberi peluang kepada industri muzik mencungkil bakat baru yang kemudiannya dibimbing untuk menjadi usahawan dan penghibur berkaliber. Di sepanjang rancangan itu turut diselitkan ilmu asas bidang persembahan dan juga pengajaran lain tentang sahsiah diri. “Akademi Fantasia” juga melibatkan pelbagai keturunan rakyat daripada pelbagai negeri di mana ia juga menyumbang kepada proses integrasi nasional di kalangan peserta dan juga penonton dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kandungan televisyen pada masa ini mempunyai banyak kepelbagaian yang memenuhi cita rasa setiap golongan. Rancangan program realiti juga tidak terkecuali dari segi kepelbagaiannya. Kementerian ini menerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) mempunyai mekanisme perundangan di pelbagai peringkat untuk mengawal kandungan TV seperti ini.

SKMM telah menjalankan pemantauan dan mendapati program-program berkenaan menepati garis panduan kawalan kandungan yang disediakan. Sekian, terima kasih. .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan jelas, tiada soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pegawai. Ahmad Raffae:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh!..... ada lagi?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Dato’ Hajah Dayang Mahani telah pun dijawab serentak pada 7 Disember baru-baru ini. Silakan Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan No. 11 tadi yang dijawab oleh kementerian yang sama. Saya ingin menambah. Izinkan saya menambah soalan ini khusus kepada masyarakat Orang Asli.

**12. Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan keluarga miskin tegar, keluarga ibu tunggal, anak yatim piatu, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) seluruh negara; dan
- (b) apakah perancangan yang telah diambil bagi peningkatan tahap kehidupan yang lebih selesa.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan keluarga miskin tegar, keluarga ibu tunggal, anak-anak yatim piatu, warga emas dan Orang Kurang Upaya di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) bilangan keluarga miskin tegar di Malaysia pada tahun 2005 ialah 72,725 keluarga iaitu di Semenanjung 41,149 keluarga, Sabah 17,576 keluarga dan Sarawak 14,000 keluarga.
- (ii) bilangan ibu tunggal di Malaysia berdasarkan kepada banci penduduk dan perumahan Malaysia tahun 2000 ialah 126,810 orang atau kira-kira 15.9% daripada 795,500 ketua isi rumah wanita.
- (iii) bilangan anak yatim yang ditempatkan di rumah-rumah anak-anak yatim di bawah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia adalah seramai 4,000 orang. Walau bagaimanapun jumlah ini bukanlah statistik yang komprehensif kerana bukan semua rumah anak yatim berada di bawah naungan PEYADIM.

Kementerian mempunyai perancangan untuk menjalankan kajian dan banci pada tahun 2006 bagi memperolehi angka sebenar bilangan anak yatim di seluruh negara. Bilangan warga emas berumur 60 tahun ke atas adalah seramai 1,599,800 atau 4.4% daripada jumlah penduduk negara. Bilangan Orang Kurang Upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 169,655 orang atau 0.68% daripada jumlah penduduk negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah telah diambil oleh kementerian untuk meningkatkan keupayaan dan membantu golongan ibu tunggal menerusi program-program latihan pembangunan wanita dan keluarga sama ada secara sendiri ataupun secara kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga Negeri dan kawasan Parlimen atau dengan pertubuhan bukan kerajaan.



Program-program ini yang dibiayai melalui skim pemberian bantuan khas Perbendaharaan kepada NGO merangkumi latihan peningkatan kemahiran untuk wanita dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi, jahitan, kraf tangan, ilmu keibubapaan dan kesihatan reproduktif yang bertujuan mengukuhkan jati diri dan keyakinan wanita termasuk ibu tunggal yang menghadapi masalah kewangan, emosi dan psikologi.

Langkah yang diambil ini secara tidak langsung membantu membekalkan golongan ini dengan berbagai-bagai bidang kemahiran dan memberi peluang yang amat cerah untuk mereka memulakan peniaga atau pun bekerja dengan mengambil upah. Paling tidak pun mereka boleh menggunakan kemahiran-kemahiran yang diperolehi itu untuk memenuhi keperluan keluarga.

Bagi golongan OKU pula, pihak kementerian menyediakan kemudahan latihan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan di Bangi, Selangor dan Bengkel Terlindung di Klang, Selangor serta di Sungai Petani, Kedah untuk OKU menjalankan kegiatan ekonomi serta pemasaran secara terancang dan bersepadu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Ada dua muka surat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat itu sudah jelas tentang statistik dan juga tindakan-tindakan kerajaan, cuma saya hendak memberi peluang kepada soalan tadi untuk mengemukakan soalan tambahan. Terima kasih, sila Tuan Osman Bungsu.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi jawapan yang begitu komprehensif dengan statistik yang begitu jelas. Soalan tambahan saya, adakah statistik ini termasuk Orang Asli. Jika ada, berapakah bilangan yang terlibat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Statistik yang telah dimaklumkan tadi adalah termasuk Orang Asli tetapi ini adalah satu soalan yang spesifik, saya tidak ada angka di sini. Oleh itu mohon untuk jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih dan terima kasih kepada Tuan Osman Bungsu yang sentiasa prihatin kepada kebajikan masyarakat Orang Asli. Sebagai Ahli Dewan Negara yang mewakili Orang Asli saya anggap Yang Berhormat telah memainkan peranan bagi menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli dalam negara kita [Tepuk].

**13. Dato' Kamarudin bin Ambok** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan adanya pelajar cemerlang yang gagal mendapat pembiayaan atau penajaan daripada JPA ataupun PTPTN dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dan bergantung kepada permohonan kewangan yang sedia adalah layak untuk memohon pembiayaan atau penajaan pengajian mereka.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan syarat-syarat dan kriteria pemilihan bagi memastikan hanya pelajar yang benar-benar cemerlang dan berkeupayaan tinggi sahaja yang diberi tawaran. Kriteria yang ditetapkan ialah dari segi pencapaian akademik yang cemerlang 60%, penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum 15%, latar belakang keluarga 10% dan prestasi semasa temu duga 15%.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2005, JPA telah mengeluarkan tawaran penajaan kepada seramai 6,197 penuntut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM325 juta iaitu 4,897 penuntut dalam negeri dengan perbelanjaan sebanyak RM149 juta dan 1,300 penuntut keluar negeri dengan perbelanjaan sebanyak RM176 juta. Jumlah ini telah meningkat berbanding dengan tahun 2004 di mana JPA telah menaja seramai 3,956 pelajar di dalam negeri dan 1,400 pelajar di luar negara.

Memandangkan jumlah permohonan yang semakin meningkat berbanding dengan sumber kewangan yang terhad, maka ramai pelajar yang cemerlang gagal ditawarkan biasiswa bagi mengikuti kursus pengajian yang diminati. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar berkenaan sekiranya mendapat tempat di IPT Awam atau IPT Swasta boleh mendapat bantuan dari agensi lain seperti dari Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Sehingga 31 Ogos 2005, seramai 768,206 pelajar IPTA dan IPTS di seluruh negara telah pun diluluskan pinjaman PTPTN yang melibatkan jumlah pembayaran keseluruhan hingga tamat pengajian sebanyak RM14.77 bilion. Setakat ini jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan ialah sebanyak RM9.36 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat permohonan pinjaman PTPTN yang tidak dapat dipertimbangkan kerana faktor-faktor seperti berikut:

- (i) maklumat dan dokumen sokongan semasa memohon tidak lengkap;

- (ii) pelajar masih belum menyelesaikan hutang dengan PTPTN disebabkan pernah gagal atau berhenti belajar dalam pengajian terdahulu;
- (iii) umur melebihi 45 tahun semasa memohon;
- (iv) tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan; dan
- (v) tempoh pengajian semasa memohon kurang dari setahun.

Apa yang sering menjadi masalah ialah terdapat penuntut cemerlang yang terlalu memilih kursus dan tempat, walhal kursus dan tempat yang dipohon itu terlalu terhad dan kursus yang ditawarkan kepada mereka itu sebenarnya mempunyai kaitan juga dengan kursus yang dipohon, tetapi mereka enggan menerimanya. Ini menyebabkan mereka tidak mendapat pembiayaan seperti yang disyaratkan. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kerajaan yang prihatin untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar kita. Dalam jawapan tadi yang 15 *percent* dalam prestasi itu adalah prestasi semasa temu duga. Saya nak tahu prestasi ini yang dinilai itu, apakah kriteria-kriteria untuk menetapkan prestasi ini semasa temu duga dan juga adalah penilaian prestasi-prestasi temu duga itu adalah objektif atau subjektif. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, prestasi temu duga yang merangkumi 15 peratus daripada keseluruhan jumlah pembiayaan untuk tujuan biasiswa dijalankan oleh pihak JPA, oleh kerana itu saya mohon notislah kerana saya hanya melibatkan dengan PTPTN. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Setakat ini berapakah jumlah tawaran pinjaman yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar kita yang melanjutkan pengajian dalam bidang agama? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis dalam hal tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah pun tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[14 Disember 2005]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum saya minta Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani untuk meneruskan perbahasan, dalam senarai saya ada lapan orang setakat ini yang telah pun memberitahu bahawa mereka bercadang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Mereka ialah Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Datuk Kalakau bin Untol, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim. Selain daripada mereka ini ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang bercadang untuk mengambil bahagian?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Setiausaha tolong catatkan supaya kita dapat membuat aturan selepas ini. Berapa lagi? Lapan lagi. Kita minta Setiausaha tolong catatkan. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

**11.20 pagi.**

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan saya yang telah saya mulakan pada kelmarin. Dengan menyentuh kepada Kementerian Pelajaran di bawah B.41 yang diberikan peruntukan jumlah yang agak besar ataupun terbesar iaitu RM17,542,945,200.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendapat saya antara faktor yang boleh menyumbang ke arah kualiti pendidikan di negara kita ialah hikmat yang diberikan oleh para guru, yang mana mereka ini sebenarnya adalah golongan yang secara langsung

bekerja untuk menyalurkan bahan-bahan pendidikan kepada anak-anak kita khususnya pendidikan secara formal.

Dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh para guru ini selari dengan hasrat dan dasar kerajaan, haruslah ada pendekatan-pendekatan bagi memelihara sumbangan serta kebajikan yang telah mereka curahkan bagi mendidik anak bangsa kita. Oleh itu saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar setiap tahun peruntukan diberikan oleh kerajaan khususnya dalam aspek kebajikan para guru, dan jika boleh dinaikkan mengikut keperluan semasa berdasarkan kepada prestasi kemajuan murid di bawah jagaan mereka. Tujuannya ialah untuk menjamin khidmat yang diberikan oleh para guru ini mencapai status *first class service* dan secara tidak langsung kita juga dapat memastikan kualiti pendidikan yang diterima oleh anak-anak kita adalah baik dan mampu untuk membawa mereka ke mercu kejayaan.

Saya juga berpendapat bahawa kita seharusnya meletakkan perkara kebajikan para guru sebagai insentif untuk benar-benar menjurus ke arah kejayaan anak-anak kita dan diri mereka sendiri. Ini kerana para guru merupakan aset pendidikan yang penting, yang paling berharga dan bernilai disebabkan merekalah yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik anak bangsa dan seterusnya dalam masa yang sama.....

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Pohon laluan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** .....memastikan anak bangsa ini mampu hidup dengan kualiti yang tinggi dan sempurna. Silakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi sedikit maklumat iaitu mengenai dengan kebajikan para guru. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa guru-guru yang memeriksa kertas peperiksaan PMR untuk satu skrip mereka hanya dibayar RM1.35 dan bagi SPM - RM2.00, saya tak ingatlah berapa sen RM2.30 macam itu dan untuk menjaga peperiksaan PMR yang berlangsung lebih kurang satu minggu, mereka hanya dibayar RM55 dan untuk menjaga peperiksaan SPM sepanjang tempoh lebih kurang dua minggu mereka hanya dibayar RM155. Apa pandangan Yang Berhormat? Apakah dengan peruntukan yang begitu banyak kerajaan tidak boleh menambah peruntukan lagi untuk memberi kebajikan yang lebih baik. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah. Itu sebabnya dalam perbahasan ini saya memberi penekanan tentang kepentingan kebajikan guru-guru ini dititikberatkan. Kalau kita lihat

kepada penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator, kita tidak nampak kerja dan usaha yang dibuat oleh guru itu berbaloi dengan imbuhan yang diberikan oleh kerajaan. Bukanlah mengatakan bahawasanya kerajaan tidak prihatin. Kerajaan begitu prihatin dan mengambil kira banyak perkara, tetapi kita perlu juga mengambil titik berat sebagai insentif, perkara-perkara yang wajib.

Kita lihat kepada keperluan perumahan mereka dan berbagai-bagai, saya tak akan sentuh secara *detail* sebab kita mempunyai masa yang suntuk, tetapi saya amat bersetuju dan saya rasa kementerian terutama wakil-wakil dari kementerian yang hadir akan mencatat permasalahan yang dihadapi oleh para guru, dan apa kiranya kita beri insentif yang kita rasa boleh memadai yang dilihat sebagai boleh meringankan beban para guru dan berbaloi dengan usaha yang mereka jalankan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengutarakan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad berkenaan dengan masalah kekurangan guru yang dihadapi oleh negara.

Seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berbahagia Tun, kita sepatutnya mengambil peluang dan kesempatan dalam kemajuan ICT masa kini untuk mencuba pendekatan teknologi ini bagi menangani kekurangan guru. Kita semua sedia maklum bahawa kuasa ICT sekarang bukan lagi dilihat sebagai perkara kedua sebaliknya ia mampu menjadi penjana kepada pembangunan ekonomi negara. Justeru itu kita seharusnya mengisi kesempatan atas apa yang kita miliki di negara ini. Kita sebenarnya sudah boleh berbangga dengan kecanggihan peralatan ICT yang kita bangukan misalnya di Cyberjaya. Dengan itu tidak salah kita mempergunakan kecanggihan tersebut bagi merealisasikan pemikiran yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri kerana pada hemat saya, ia mempunyai kebaikan yang tersendiri khususnya dalam membantu menangani masalah kekurangan guru dan membantu pelancaran pembelajaran di sekolah-sekolah.

Tambahan pula dalam era globalisasi ini kita harus mampu bersaing dalam semua bidang bagi menjamin *survival* terhadap cabaran-cabaran ekonomi sekarang. Saya juga amat bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, bahawa pendekatan soalan aneka pilihan jawapan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah sekarang malah pada kebanyakan pemeriksaan kerajaan juga melakukan perkara yang sama tidak menyumbang kepada pemikiran yang kritikal. Oleh yang demikian saya berharap agar pihak Kementerian Pelajaran dapat melakukan

kajian secara menyeluruh bagi memastikan supaya pendekatan sedemikian mampu untuk menghasilkan pemikiran yang kritikal di kalangan pelajar kita.

Ini kerana kita sebenarnya ingin menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa persiapan yang ingin kita lakukan sekarang untuk generasi muda dan belia adalah untuk mengisikan mereka dengan segala ilmu dan pendekatan, supaya mereka mampu berhadapan dengan cabaran-cabaran yang bakal berlaku pada masa yang akan datang. Seruan ini amat bertepatan sekali memandangkan situasi yang kita berhadapan sekarang memerlukan generasi pelapis yang benar-benar bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat antarabangsa pada masa kini sedang menghadapi senario ketidakpastian. Pada setiap hari kita disajikan dengan pelbagai bentuk berita luar negara yang mengejutkan, yang memilukan, yang menakutkan, membangkitkan kemarahan dan bermacam-macam kesan daripada malapetaka yang melanda dunia, tidak kiralah sama ada malapetaka itu akibat daripada perbuatan manusia itu sendiri ataupun akibat daripada bencana alam. Memerangi keganasan, perang Iraq, tindak balas pengganas, seperti kejadian letupan di London dan Bali, konflik Selatan Thai dan isu Palestin yang tidak pernah reda, dan baru-baru ini rusuhan di Perancis ditambah lagi dengan bencana alam yang tidak pernah dibayangkan oleh manusia seperti Tsunami Asia, taufan yang berbagai-bagai nama Katrina dan Rita sebagai contoh.

Gempa bumi yang melanda Asia Selatan telah menjadikan masa depan dunia seperti semakin membimbangkan dan amat-amat memerlukan tindakan serius. Ini kerana, walaupun pada masa kini negara kita dalam keadaan selamat kerana kita tidak dilanda perang ataupun bencana alam, tetapi ianya adalah secara langsung dan tidak langsung bakal mempengaruhi senario ekonomi, senario keselamatan, malah keamanan rakyat Malaysia itu sendiri jika kita tidak bertindak dan jika kita tidak sensitif kepada persekitaran luar tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, petroleum satu sumber penting dalam menggerakkan masyarakat moden hari ini

terus menerus meningkat kesan permintaan negara-negara besar seperti China, seperti India dan Amerika. Pada masa yang sama, penawaran yang tidak menentu akibat daripada peperangan yang saya sebutkan tadi, akibat daripada konflik dan bencana alam yang melibatkan negara-negara pengeluar. Seperti yang kita ketahui, sebarang peningkatan harga minyak ini bakal meningkatkan kos dengan berlipat ganda jika tidak terkawal.

Peningkatan yang tidak terkawal bakal mencetuskan suasana yang tidak selesa di kalangan rakyat. Kesan daripada beban yang ditanggung tidak perlulah kita memandang jauh. Saya rasa cukup sekadar kita melihat bagaimana reaksi rakyat jiran kita. Contohnya Indonesia, apabila Presiden mereka mengumumkan kenaikan harga petroleum tidak berapa lama dulu, keadaan tersebut telah cukup mengucarkacirkan keharmonian dan keselamatan negara. Oleh yang demikian, keprihatinan kerajaan mengekang peningkatan mendadak harga petroleum melalui pengecualian cukai jalan dan memberi subsidi akan mengurangkan beban tanggungjawab rakyat. Tanpa subsidi dan pengecualian cukai ini, kita semua difahamkan ia akan melonjak kepada 70% daripada harga yang sedia ada.

Pada masa yang sama, kerajaan telah kehilangan hasil cukai dan menanggung subsidi berjumlah RM16 bilion, satu jumlah yang mencecah tiga kali ganda daripada kalau dibandingkan dengan tahun 2003. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga telah mengambil tindakan tertentu dengan terus mengurangkan beban rakyat kesan daripada kenaikan sumber petroleum ini iaitu antara kekangan kenaikan petroleum, mengekang ataupun mengetepikan kenaikan petrol, diesel, gas, minyak sehingga tahun 2005 tidak menaikkan bayaran tol sehingga tahun 2006 dan mengurangkan cukai jalan yang berkuat kuasa daripada 12 September 2005.

Oleh yang demikian, saya kira rakyat di seluruh Malaysia amat bertuah kerana pihak kerajaan telah memberikan tindak balas yang pantas dan melakukan langkah yang sepatutnya dalam menghadapi fenomena ketidaktentuan global ini yang secara tidak langsung memberi kelegaan kepada rakyat Malaysia. Syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga tertarik kepada kesedaran kerajaan tentang kenaikan sumber minyak mentah yang bukan sahaja meningkat dan membebankan kerajaan serta rakyat tetapi menerima pada hakikatnya bahawa sumber minyak mentah akan pupus pada suatu hari nanti dan betapa pentingnya kita memberi tumpuan kepada sumber tenaga alternatif seperti gas asli, bio-diesel dan solar.



Selain daripada kita dapat memelihara alam sekitar, kita juga mempunyai simpanan gas asli sebanyak 85 trilion kaki padu. Semua infrastruktur, pembinaan stesen-stesen perlu disegerakan. Dalam soal jawab tadi, telah disebut dan juga dalam perbahasan telah ditegur. Apa yang ada sekarang ini begitu tidak mencukupi dan saya ingin menyarankan supaya Proton mungkin boleh menghasilkan kereta yang menggunakan mono-gas dan menggunakan *bio-fuel* yang bakal dibangunkan oleh SIRIM. Usaha-usaha seperti ini harus dipertingkat gandakan supaya berjaya mengurangkan kebergantungan negara kepada petroleum dan sekali gus mampu meningkatkan kepelbagaian kegunaan kelapa sawit yang mana Malaysia menjadi pengeluar utama dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat simpulkan isu-isu pokok dan gulung dalam masa lima minit? Sebab saya ada cuma 260 minit untuk diagihkan di antara 16 orang.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Bagi saya 15 minit Tuan Yang di-Pertua, *roughly 15 minutes*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba gulung, boleh gulung dah sekarang sebab bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat 16 orang yang tidak berpeluang pun bercakap. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Baik Tuan Yang di-Pertua, saya cuba. Insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang ingin saya sentuh selepas ini ialah Kementerian Kesihatan. Telah diperuntukkan RM7.3 bilion dalam Bajet 2006. Saya ingin menarik Dewan yang mulia ini kerana kita saban hari juga disajikan dengan berita-berita luar negara dan terutamanya negara jiran tentang wabak ataupun *epidemic* yang bakal mencetuskan huru-hara pada alaf moden ini.

Wabak penyakit seperti HIV AIDS, SARS dan kini Wabak Selesema Burung. Semua ini telah menjadikan masa depan dunia semakin membimbangkan dan amat-amat memerlukan perhatian serius. Ini kerana, walaupun mungkin pada masa ini negara kita masih dalam, boleh dikatakan dalam zon selesa kerana kita tidak dilanda oleh penyakit-penyakit yang disebutkan secara teruknya. Tetapi ianya akan secara langsung atau tidak langsung juga mempengaruhi senario ekonomi dan keselamatan, malah keamanan rakyat Malaysia itu sendiri jika kita tidak *respons* dan tidak sensitif kepada persekitaran luar tersebut.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian. Apakah Malaysia dalam keadaan siap sedia sekiranya wabak ini melanda negara kita? Sebagai contoh di Sabah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we don't even have an isolation ward. Only take is for one person to be suspected of SARS.* Ini pernah berlaku kepada saya. Saya pernah ceritakan dalam Dewan ini. *The whole of the eight floors, in Queen Elizabeth Hospital has to be vacated. Air-cond pula fully centralized.* Untuk mengelakkan kuman-kuman ini beredar di udara, maka *the whole air-cond has to be switch off.* Bolehkah tidak kita bayangkan ketidakselesaan kepada pesakit-pesakit yang lain dalam hospital yang sama.

Saya sentuh ini kerana saya bersyukur dan berterima kasih kerana kerajaan telah memperuntukkan kepada Sabah untuk membesarkan Hospital Queen Elizabeth dan saya berharap mudah-mudahan pembesaran ini dapat *accommodate isolation ward* yang kita hajatkan. Ini kerana Kota Kinabalu dianggap *referential hospital* dan apatah lagi hospital-hospital lain. Kalaulah di Kota Kinabalu hospital *referential hospital* tidak mempunyai *isolation ward*, bagaimana hospital Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Pedalaman, Beaufort, Sipitang dan lain-lain? Ini baru Sabah Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin tahu persediaan kita di peringkat negeri-negeri kita. Di Terengganu kah, di Kelantan, Melaka, di seluruh negaralah pendek katanya. Adakah kita mempunyai vaksin yang mencukupi sekiranya kita diserang dengan wabak ini, *all stations.*

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting ialah pencegahan di peringkat awal dipertingkatkan terutamanya melalui sempadan udara dan lautan kerana kebanyakan penyakit yang kita sebutkan ini terutamanya bilangan selesema burung ini *it could be a bounded.* Kalau ini berlaku, memang orang bilang azablah kita. Pemeriksaan kesihatan wajib dilaksanakan sekarang untuk semua orang yang keluar dan masuk ke negara kita. Mungkin cadangan ini tidak menyenangkan beberapa pihak tetapi saya rasa untuk keselamatan rakyat kita, ini wajar dilaksanakan.

Perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan kesediaan dan keprihatinan kerajaan terhadap wanita. Sebagai seorang wanita, saya rasa macam kurang lengkap sekiranya saya tidak mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan yang tidak putus-putus memikirkan sesuatu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak mahu ucapan Yang Berhormat kurang lengkap. Saya pula susah hati hendak berkasar dengan wanita. Tetapi kadang-kadang terpaksa berkasar, bagi Yang Berhormat gulung.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya hendak gulunglah ini Tuan Yang di-Pertua. Kesempatan untuk sedikit sahajalah hendak sentuh wanita. Yang lain biarlah kawan-kawan yang lain boleh sentuh. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan kerana seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawanya kerajaan tidak putus-putus memikirkan sesuatu untuk kesejahteraan wanita dan keluarga dalam usaha untuk menyelaraskan dan menyempurnakan dasar kesaksamaan *gender* dengan memberi pilihan tuntutan pengecualian cukai keuntungan harta tanah ke atas sebuah rumah kepada pemilik rumah sama ada suami ataupun isteri berbanding dengan hanya memberikan kepada suami untuk membuat tuntutan walaupun rumah tersebut milik si isteri.

Dalam kesempatan ini saya memohon dan merayu kepada Menteri Kewangan dan kerajaan untuk melihat kepada kemungkinan untuk memberi seseorang isteri yang bekerja sebagai penyara tunggal kepada keluarga boleh diberi peruntukan potongan cukai untuk menyara suami yang uzur atau tidak mempunyai pekerjaan tetap dan tanggungan kepada anak-anak berbanding dengan hanya memberikan kepada suami dan tanggungan anak pada masa kini.

Akhir sekali saya rasa terpanggil hanya untuk menyentuh satu perkara iaitu tentang kes gambar wanita yang dibogelkan, yang terpaksa disuruh buat ketuk ketampi yang disebar luas dan menerima begitu besar liputan yang dikatakan oleh DAP adalah seorang wanita China dan hari ini kita ketahui dia bukan rakyat China dan bukan seorang Cina tetapi seorang Melayu. Saya rasa tindakan yang dibuat oleh DAP ini Tuan Yang di-Pertua, pertama *pre-mature*, kedua tidak bertanggungjawab. Ini kerana, apabila ia terpapar luas, mempunyai liputan yang begitu luas bukan sahaja di peringkat negara kita, melalui Internet.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk atas laluan yang diberikan kepada saya. Kita sebenarnya, saya pohon pandangan Yang Berhormat Datuk walaupun masa kita agak singkat. Tetapi memandangkan isu ini melibatkan imej negara yang dimainkan oleh sebuah parti politik yang kononnya memperjuangkan nasib rakyat.

Kita melihat mereka seolah-olah kehabisan modal untuk meraih dan mendapat sokongan rakyat sedangkan perkara-perkara seumpama ini sebelum kita dedahkan untuk tatapan masyarakat, ianya seharusnya mempunyai bukti-bukti yang cukup jelas sebelum tuduhan yang boleh dibuat kerana ia melibatkan hubungan diplomatik dengan negara asing yang boleh menjejaskan banyak perkara di sudut sosial, hubungan, ekonomi dan sebagainya.

Tetapi kita lihat dalam hal ini, seolah-olah satu pengkhianatan yang cuba dibuat oleh DAP menerusi dua ahli mereka yang bercakap di Dewan Rakyat dengan cuba meraih sokongan dan mendapat publisiti murahan dengan menimbulkan isu, seolah-olah isu ini menunjukkan bahawa polis telah menjalankan tindakan yang cukup zalim kepada tahanan bangsa asing yang ke negara kita.

Kita melihat supaya dalam hal ini Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang menerajui kepimpinan negara sekarang ini, kita melihat, kita merasakan bahawa tindakan ini dan menyesali tindakan ini kerana kita merasakan bahawa perkara ini adalah satu perkara yang tidak wajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung selepas Yang Berhormat berucap nanti. Yang Berhormat sudah dapat jelas mirip ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya rasa tujuan beliau ialah juga memberi sokongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat bangkitkan isu yang jadi perhatian awam, saya beri sedikit masa lagi.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana itu sebabnya walaupun masa begitu singkat, saya rasa terpanggil untuk bangun dan mengatakan sesuatu. Begitu kesalnya saya sebagai rakyat Malaysia kerana kalau kita sebagai parti bertanggung jawab tidak kiralah pihak kerajaan mahupun pembangkang, kita tidak lihat asal pembangkang, dia nak membangkang, tak ada. Kita mesti jaga imej. Kita mesti jaga, ini negara kita. ..

Saya tertarik dengan Senator Siti Zailah apabila menegur dengan cara membangun. Ini ialah menegur untuk membuat sesuatu, mencari publisiti murahan

untuk menarik perhatian ramai, tetapi sebaliknya kerugian negara, kerugian rakyat tidak ada tolok bandingnya. Kerana disebar luas bukan sahaja di peringkat negeri. Tetapi di luar negara melalui internet, melalui *press* dan sebagainya. Dan hari ini, walaupun setelah kita mengetahui bahawa ini bukan orang cina, dan bukan rakyat cina, tetapi kita telah memohon maaf kepada perkara yang kita tidak buat. Kita telah...

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Dayang Mahani bintu Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sila.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa terpanggil juga Tuan Yang di-Pertua untuk bersama-sama sebab saya ada mengemukakan soalan tambahan pada hari semalam. Kerana kita melihat seolah-olah sesuatu perkara yang dibuat tuduhan, yang dibuat oleh parti DAP iaitu terutama Teresa Kok dan Lim Kit Siang, bukan sahaja di dalam Parlimen, malah di luar Parlimen, mengadakan sidang akhbar, dan mengusung empat warga cina wanita ke hulu, ke hilir, dan hari ini kita terpaksa tumbuk *enquiry* awam dan didapati orang yang dituduh itu adalah berbangsa Melayu, warganegara Malaysia.

Perkara ini, nasi dah jadi bubur, Tuan Yang di-Pertua. Sudah dihebohkan di seluruh dunia yang Malaysia membuat sesuatu macam penganiayaan kepada warga negara cina. Walhal itu adalah warganegara Malaysia dan prosedur polis adalah prosedur biasa terhadap orang-orang yang menghisap dadah. Jadi saya minta kerajaan hari ini mengambil satu tindakan yang sekeras-kerasnya, kepada rakyat Malaysia walaupun mereka parti pembangkang tetapi telah mengkhianati negara kita dengan menghuru-harakan mengatakan negara kita telah membuat macam satu kesalahan yang besar kepada rakyat negeri China. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat ke atas perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Datuk. Saya amat bersetuju. Itu sebabnya apabila sesuatu tindakan dibuat, kita kena fikir ke hadapan. Kita tak boleh fikir, oh, ini hanya boleh menguntungkan kita ataupun parti kita. Tetapi, adakah perkara yang kita nak buat ini boleh merugikan bangsa kita, negara kita? Kalau kita benar-benar sebagai pejuang, kepada negara tak kiralah, parti pemerintah hari ini, mungkin besok jadi parti pembangkang. Na u'dzubillah lah.

Tetapi kepada kita parti pemerintah mahupun parti pembangkang, kita mesti bertanggungjawab apabila disebar luas seperti ini, ya? Yang jadi kesal, ialah kepada pembaca-pembaca di luar negara. Pembaca-pembaca yang di luar negara yang sudah mempunyai anggapan yang berbeza terhadap Malaysia. Sikap pegawai-pegawai polis kita ..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Dayang Mahani: Boleh saya siapkan dulu ya? Sebelum main-main

**Tuan Yang di-Pertua:** Sayang seribu kali sayang. Yang Berhormat, masa masih terhad.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tidak, saya bagi dua minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma perkara yang sama boleh ditimbulkan lagi. Enam belas orang lagi yang belum bercakap. Dan enam belas kali lagi..

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya boleh. Tapi saya nak sentuh satu sahaja Tuan Yang di-Pertua ya? Iaitu apabila ia disebar luas, kita tidak ada peluang dan tidak ada kesempatan untuk berhubung dengan orang pembaca tadi untuk memberi penjelasan yang sebenar. *They don't have the ability nor the might to reach each an every one that has already read the newspaper and have a bad image on Malaysia.* Ini yang kita tidak boleh terima. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, sekarang boleh duduk. Kalau *effect*..

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila orang tepuk, duduk! *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Duduk terus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau masih sambung, dia kata...

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tapi saya persilakan ribuan terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk menyokong bajet 2006. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat kerana kerjasama Yang Berhormat. Tuan Munusamy.

**11.51 pagi.**

**Tuan M. Munusamy:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, sebelum Yang Berhormat mula, bermakna macam saya katakan tadi, tiap-tiap orang Yang Berhormat, mempunyai hanya 15 minit lebih kurang. Maka pilihlah isi atau perkara yang hendak dipercakapkan. Biasanya bila kita berhadapan dengan masa yang terhad, kita teringat kepada ungkapan, biarlah *substance* mengatasi *form*. Biarlah bunga-bunga bahasa mengalah kepada isi. Jadi dengan itu, dengan peringatan itu, saya jemput Tuan Munusamy supaya berucap.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan bajet 2006. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana melantik saya sebagai seorang Senator.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mencadangkan nama saya. Ucap terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, Presiden MIC dan parti MIC yang telah mengesyorkan nama saya dan tidak juga saya lupa untuk ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Pengerusi MIC Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan bajet 2006 yang telah menggariskan beberapa strategi yang jelas untuk memastikan perkembangan kegiatan ekonomi yang pesat. Sebanyak RM14.39 bilion atau 40.5% telah diperuntukkan untuk sektor ekonomi. Dengan ini beberapa strategi telah digubal untuk mempertingkatkan status ekonomi masyarakat negara.

Statistik kerajaan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang nyata dalam pemilikan ekuiti antara kaum di negara kita. Selepas 150 tahun bertungkus-lumus di ladang getah dan sawit dan juga di jabatan-jabatan kerajaan, membina setiap bentuk infrastruktur kaum India Malaysia memiliki masih kurang daripada 1.5% ekuiti negara mengikut statistik yang dikeluarkan oleh kerajaan. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru 1971 hingga 1990, dan Dasar Pembangunan Negara 1991 hingga tahun 2000, ternyata belum mampu memartabatkan ekonomi kaum India di negara ini. Secara perbandingannya, kaum India masih jauh ketinggalan di belakang kaum lain dalam pelbagai aspek.

Jelas sama sekali bahawa masyarakat ketinggalan di belakang dalam arus pembangunan perdana. Memiliki ekuiti yang rendah menggambarkan keadaan ekonomi masyarakat India. Saya berharap kita tidak menggunakan bilangan doktor dan peguam sebagai kayu ukuran untuk menggambarkan keadaan ekonomi kaum India. Majoriti kaum India amat memerlukan bantuan kerajaan dalam memperbaiki keadaan ekonomi mereka supaya masyarakat ini terus dapat menimbang ke arah kesejahteraan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kerajaan supaya tidak menjadikan masyarakat ini mangsa dengan mengkategorikan sebagai bukan bumiputera apabila melakukan ke atas perangkaan. Mengkategorikan sedemikian rupa, tidak sekali mencerminkan status ekonomi masyarakat India. Walaupun diharapkan masyarakat India ini dapat mencapai penyertaan ekuiti sebanyak 3% tetapi tiada mekanisme yang nyata seperti MARA atau PNB untuk membantu mereka mencapai hasrat ini. Polisi kerajaan adalah amat jelas di mana k-Ekonomi harus dinikmati oleh seluruh masyarakat negara ini.

Kerajaan telah memperkenalkan banyak -skim untuk meningkatkan status ekonomi masyarakat. Tetapi masyarakat India tidak menerima bantuan yang sepatutnya mereka terima kerana *that delivery system* dengan izin, adalah tidak berkesan. Maka saya ingin melihat, kerajaan lebih prihatin dalam melaksanakan strategi-strategi seperti mana yang dicadangkan dalam bajet 2006 supaya kaum-kaum yang ketinggalan, seperti masyarakat-masyarakat India akan dapat menikmati pertumbuhan ekonomi negara ini secara adil. Dalam bajet ini, kerajaan telah mencadangkan pelbagai langkah untuk meningkatkan status ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang satu mekanisme ditubuhkan untuk mengawasi segala bantuan dan segala kemudahan dapat disalurkan kepada semua rakyat termasuk masyarakat India. Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkukuhkan perusahaan kecil dan sederhana, beberapa langkah akan dilaksanakan dalam bajet 2006. Walaupun kerajaan menyediakan berbagai-bagai jenis kemudahan kewangan, membantu industri kecil dan sederhana, IKS, tetapi amat sedih sekali, banyak IKS daripada keturunan kaum India terpaksa menghadapi masalah aliran kewangan dan juga menjalankan perniagaan mereka.

Seperti mana yang dibentangkan dalam bajet 2006, untuk membiayai perkembangan aktiviti IKS, kerajaan menubuhkan Bank SME., hasil gabungan dua bank yang lain. SME bank akan membantu menyediakan kemudahan kewangan dan



khidmat nasihat kepada industri kecil dan sederhana. Di samping meningkatkan tahap saingan syarikat tempatan di pasaran dalam dan luar negara. SME bank juga akan menubuhkan dana modal teroka berjumlah RM1 bilion untuk membiayai IKS yang mempunyai rancangan dan berupaya meningkatkan perkembangan perniagaan. IKS yang menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dan mempunyai lebih daya saing akan diberi suntikan modal.

Maka di sini, saya ingin meminta kerajaan untuk meminta Bank SME untuk memberi pinjaman kepada IKS masyarakat India supaya mereka bersama-sama dengan IKS lain dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Pada masa yang sama, saya juga ingin juga menyeru kerajaan untuk menyediakan atau membuka lebih luas skim geran penyelidikan dan pengkomersialan seperti MTDC, SMEDC dan MDC untuk IKS-IKS kaum India supaya mereka juga dapat menjalankan RND yang sewajarnya, untuk memperbaiki produk penghasilan mereka dan seterusnya mengharumkan jenama Malaysia di persada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu program yang diperkenalkan kepada masyarakat bumiputera di bawah PUNB adalah *PROSPER*. *PROSPER* telah memainkan peranan penting dalam membangunkan syarikat IKS bumiputera yang berdaya maju dalam sektor peruncitan. Selain itu meningkatkan bilangan IKS bumiputera, yang berdaya maju dalam industri yang strategik. Skop *PROSPER* yang diperluaskan untuk merangkumi segala kegiatan secara pukal atau *wholesale* dengan izin. Saya di sini ingin merayu kepada pihak kerajaan, untuk memanjangkan program ini kepada masyarakat India juga. Lebih-lebih lagi dalam membantu masalah pengangguran siswazah India. Walaupun golongan muda India mungkin ingin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh pilih sekarang, yang mana yang nak, takut tertinggal. Mula pilih perkara-perkara yang nak di ketengahkan sebab masa tak banyak.

**Tuan M. Munusamy:** Saya sudah.. Terima kasih. Walaupun golongan muda India mungkin ingin menceburi bidang keusahawanan, tetapi kurang modal permulaan dengan *the necessary business equipment*, dengan izin, menjadi penghalang mereka. Bantuan dari kerajaan dalam bentuk program *PROSPER* amat dialu-alukan oleh masyarakat India. Langkah-langkah seperti ini akan sedikit-sebanyak membantu masyarakat India meningkatkan status ekonomi dan menambahkan pegangan ekuiti masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, dalam anggaran belanjawan B7, di bawah Jabatan Perdana Menteri, lebih dari RM1 bilion diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan kerajaan telah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan menggunakan teknologi yang canggih. Pengenalan *MyKad* adalah langkah hasrat ke arah kita mencapai satu dimensi yang dicadangkan di bawah projek *e-Government*. Tetapi terdapat juga beberapa kelemahan dalam sistem di mana agama seseorang pun disalah catat dalam kad tersebut.

Terdapat beberapa kes yang berlaku seperti ini, ramai yang memegang *MyKad* ini tidak mengetahui kandungan dalam *smart card* termasuk saya sendiri. Baru-baru ini Jabatan Pendaftaran telah menyatakan bahawa mereka yang mengambil *MyKad* boleh melihat kandungan *smart chip* dalam skrin komputer jabatan. Saya mencadangkan supaya setiap pemegang *MyKad* ini diberi satu *print out* yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Beberapa bulan lalu saya telah baca dalam *paper* bahawa seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri Perak telah membeli satu mesin untuk membaca data daripada *MyKad* ini. Tetapi apabila *MyKad* beliau sendiri diperiksa, beliau juga terperanjat sebab butiran-butiran dalam *smart chip* itu tidak begitu betul. Oleh itu saya cadangkan supaya setiap jabatan pendaftaran di seluruh negara dipasang mesin membaca data supaya mereka yang ingin mengetahui apa yang ada dalam *smart card* itu bolehlah pergi ke jabatan itu untuk mendapatkan *print out* daripada mesin itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi.

**Tuan M. Munusamy:** Satu lagi perkara yang saya ingin mengutarakan di sini adalah berkaitan dengan kesenian. Dua hari lalu rakan saya Yang Berhormat Datuk Ratnam telah membawa perkara ini tetapi saya ingin tambah sedikit sahaja. Memang betul majoriti yang hadir, yang telah menonton acara Deepavali ini merasa kesal terhadap tarian klasikal dan *cultural* kaum India yang dipersembahkan oleh kaum lain. Penari-penari ini tidak memahami ciri-ciri dan gerak-geri berkaitan dengan tarian India. Saya mengalu-alukan hasrat kementerian bahawa kaum-kaum lain juga menyedari, mempelajari dan mempersembahkan tarian-tarian ini.

Memang benar masyarakat berbilang kaum memahami, mengetahui dan menyertai dalam kebudayaan antara satu sama lain tetapi biarlah ini dibuat secara teratur. Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berminat dan ingin menyertai hendaklah mendapat latihan secara teratur supaya ciri-ciri dan unsur kebudayaan itu sendiri tidak

dicemari. Kementerian hendaklah memastikan bahawa identiti kebudayaan tidak hilang, Tarian klasikal India Bharatanathi yang mempunyai unsur-unsur dan ciri-ciri yang kompleks dan unik dan memerlukan latihan bertahun-tahun sebelum seseorang boleh mempersembahkan dengan penuh makna dan secara betul.

Saya mengalu-alukan kaum lain yang menyertai dalam tarian India tetapi perlu sanggup berkorban masa dan tenaga dan belanja untuk mendapat latihan profesional. Pihak Kementerian boleh mendapatkan perkhidmatan dari badan-badan profesional seperti *Temple of Fine Art* dan juga daripada Ramli Ibrahim. Sebagai contoh di negeri Johor, Menteri Besar negeri Johor Yang Amat Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Osman telah mempopularkan tarian zapin, tarian negeri Johor secara teratur sehingga tarian ini menjadi tarian terkenal, bukan sahaja di kalangan masyarakat Johor tetapi juga seluruh negara. Kaum-kaum lain juga telah belajar tarian ini dan boleh mempersembahkannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak mahu sentuhkan perkara nama baik negara terjejas kerana salah anggap yang menjadi isu semasa ini?

**Tuan M. Munusamy:** Memang benar tetapi kalau saya sentuh itu agak makan masa lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh tinggal yang lain.

**Tuan M. Munusamy:** Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa beberapa acara-acara yang dijalankan di pesta-pesta internasional yang diadakan di negara kita menggambarkan bahawa banyak kesenian yang diadakan di negara ini mencerminkan kaum-kaum yang berada di sini. Tetapi apabila sesuatu kesenian itu tidak mengikuti kebudayaan yang teratur memang betul nama negara kita akan dicemari.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua, di Johor ada terdapat satu sekolah Tamil, Sekolah Tamil Masai, Johor Bahru yang telah memiliki tarian zapin ini dan telah memperkenalkan di kalangan para pelajar. Dengan bantuan Yayasan Warisan Johor, pelajar-pelajar terpilih telah mendapat latihan secara teratur sehingga berjaya persembahkan di pentas majlis-majlis rasmi.

Pada tahun lalu mereka dipilih oleh Kementerian Kesenian dan Warisan sebagai sekolah terbaik dan telah mempersembahkan di satu majlis di Istana Budaya di mana majlis ini dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain kenamaan dan telah mendapat kepujian dan anugerah supaya pasukan ini diperkenalkan di seluruh

Malaysia. Saya rasa inilah cara supaya kita boleh mempelajari sesuatu kebudayaan dan kesenian dengan lebih teratur dan profesional supaya budaya-budaya di negara ini tidak dicemari di kalangan masyarakat antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh simpulkan sekarang. Saya sudah banyak kali pesan pilih yang mana kementerian simpul.....

**Tuan M. Munusamy:** Saya nak simpul. Dengan perkara-perkara yang disebut ini saya ingin mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Osman Bungsu.

### ***12.06 tengah hari.***

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Pilih isu yang nak dipercakapkan, isi yang nak diketengahkan, ketepikan bunga-bunga dan retorik.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya di atas tanggungjawab saya. Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut membahaskan suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya untuk tidak membahaskan isu-isu yang ditujukan kepada kementerian-kementerian lain kerana saya telah mendengar banyak isu yang dibahaskan tidak ada mengenai isu Orang Asli yang saya rasa bukan sahaja Orang Asli di peringkat negara yang mengalami kemiskinan yang amat tegar dan juga peluang-peluang yang dihadapi oleh kaum lain di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih di atas dasar kementerian terhadap pembangunan Orang Asli, maknanya banyak tanggungjawab yang telah dipikul dan dilaksanakan untuk membantu masyarakat orang Asli khususnya di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengharapkan usaha-usaha kerajaan yang telah dilaksanakan untuk membantu Orang Asli umpamanya pada hari ini kita melihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar telah memberi bantuan kepada Orang Asli dalam membina rumah PPRT baru-baru ini di kampung kediaman saya yang berjumlah

15 unit berharga RM180 ribu dalam masa dua minggu permohonan yang saya pohonkan telah dapat dilaksanakan. Terima kasih kepada Kementerian kerana dapat memberi peluang yang begitu baik untuk meringankan beban rakyat. Dengan adanya pembinaan rumah ini, pada tarikh 19 Disember Tuan Yang di-Pertua, maka Duli Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor telah berkenan untuk turun berangkat ke kampung ini bagi melihat pembangunan yang telah dinikmati oleh Orang Asli dalam sirinya, Program Kembara Mahkota Johor pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya lawatan ini saya melihat kementerian-kementerian, agensi kerajaan telah memberi fokus terhadap pembangunan tersebut di mana jalan rayanya yang tidak ditar, telah ditar, yang tidak ada elektrik dibagi elektrik, yang tidak ada air dibagi air. Jadi saya berharap kepada pemimpin-pemimpin masyarakat terutama Ahli-ahli Parlimen dan saya melihat pengundinya ramai, dapatlah memberi perhatian dalam membangunkan masyarakat Orang Asli yang jumlahnya tidak ramai dalam 147 ribu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar agar rumah yang didirikan berjumlah RM12 ribu setiap seunit dapat dipertimbangkan semula, dikaji semula menjadi lebih daripada RM17 ribu kerana rumah yang dibina ialah 18x12 untuk keluarga yang ada anak lima dan enam. Kadang-kadang orang Asli produktivitiya pun tinggi, jadi kadang-kadang anaknya ramai dan juga keluarganya ramai. Jadi saya berharap kementerian dapat mengubahsuai pelan pembangunan rumah yang diberi supaya dapat tiga bilik, yang kos yang ditambah mengikut keadaan keluarga semasa kerana satu bilik untuk ibu bapa, satu bilik untuk anak perempuan dan satu bilik untuk anak lelaki. Maka dengan ini, timbullah satu keharmonian hidup di kalangan masyarakat Orang Asli dan juga kaum-kaum PPRT yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah memberi gambaran yang cukup jelas mengenai nasib Orang Asli dan pembelaan yang mereka perlu. Yang Berhormat ada 10 minit lagi, kalau nak lagi cakap hal itu juga, atau nak pindah kepada yang lain pula.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, begitu prihatin terhadap saya. Saya memang tak banyak memfokuskan perkara lain. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan pendidikan Orang Asli, saya melihat program pembangunan orang Asli yang ada sekarang, statistiknya tidak dapat saya melihat, saya

berharap Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, juga Kementerian Pendidikan dapat menyatakan berapakah bilangan pelajar Orang Asli yang belajar di sekolah rendah dan begitu juga berapakah bilangan pelajar Orang Asli yang masuk ke sekolah menengah daripada tingkatan satu hingga tingkatan tiga hingga ke peringkat universiti. Dan berapakah peluang seperti mana yang dikatakan oleh Jabatan Perdana Menteri tadi, bahawa peluang Orang Asli untuk menikmati kemudahan-kemudahan ini diberi keutamaan dan berapakah bilangan pelajar yang telah diberi peluang untuk memasuki universiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya menyarankan kerana pembangunan insan adalah bermula daripada pendidikan. Saya berharap Kementerian Pendidikan memberi satu tumpuan kepada sekolah-sekolah Orang Asli di mana saya melihat lawatan saya terdapat 93 sekolah Orang Asli di perkampungan kawasan pedalaman. Saya melihat juga kebanyakan daripada 93 sekolah yang ada, masih dalam keadaan yang perlu bantuan sesungguhnya daripada kemudahan ICT nya, daripada kemudahan peralatannya, daripada kepakaran guru itu sendiri kerana saya melihat ada sekolah gurunya lima orang, pelajar yang mengambil UPSR pun lima orang, keputusannya pun 0% daripada keseluruhannya. Kalau dipanggil satu orang satu pun, diberi penumpuan saya rasa perkara ini tidak terjadi di sekolah-sekolah pedalaman. Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat memantau perkara ini dan memberi satu insentif kepada cikgu-cikgu yang datang mengajar ke perkampungan Orang Asli ini.

Sama ada dari segi kemudahan jalannya, kemudahan-kemudahan elaun-elaun kritikalnya supaya minat cikgu untuk mendidik anak bangsa lebih mendalam. Saya juga berharap pihak Kementerian Pelajaran juga dapat memberi tunjuk ajar kepada guru-guru ini tentang budaya Orang Asli, kerana saya melihat kalau kehadiran mereka tidak mengenali budaya Orang Asli, maka berlakulah satu *cross culture*, dengan izin. Bila berlaku *cross culture*, maka rasa rendah diri di kalangan cikgu sendiri, rasa rendah diri dengan penduduk Orang Asli dan juga pelajar-pelajar Orang Asli pun rasa tidak dihargai dan akhirnya minat untuk pelajar-pelajar ini untuk lebih berjaya akan terbantut.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi oleh kerana Orang Asli duduk di dalam kawasan pedalaman yang mana kita melihat sudah 48 tahun kita merdeka ramai di kalangan bangsa-bangsa lain telah dapat menikmati banyak kemudahan seperti kemudahan asas infrastruktur seperti jalan, seperti kemudahan elektrik, tapi saya

melihat oleh kerana dia di dalam kawasan pedalaman - jauh, maka bila dikatakan bekalan elektrik wang yang diperlukan begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat beberapa tempat untuk sistem solar hibrid 24 jam, di mana ada satu kampung di Kampung Denai Rompin yang telah menikmati bekalan elektrik sistem solar hibrid 24 jam ini telah dapat dinikmati cukup baik, di mana orang-orang kampung telah dapat menggunakan peti ais. Penduduk di pedalaman ini telah dapat menggunakan siaran TV.

Jadi apa salahnya pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi laluan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dalam membekalkan elektrik hibrid sistem ini ke perkampungan Orang Asli, yang mana saya difahamkan hanya satu-satu perkampungan itu memerlukan lebih kurang RM1 juta. Ini juga akan menandakan kemudahan air dengan menggunakan elektrik, mengepam air ke kampung Orang Asli.

Jadi satu cara inilah saya berharap kepada kementerian bukan sahaja Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bekerja keras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana saya tahu peruntukannya banyak - bilion. Kita pun ada banyak tanah yang telah dirizabkan kepada Orang Asli. Jadi, dapatlah kementerian ini sama-sama berusaha untuk memajukan pertanian di kalangan Orang Asli.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA dan FELCRA serta Lembaga Pertubuhan Peladang telah membangunkan tanah pertanian seluas 35,126 hektar dengan tanaman kelapa sawit dan getah untuk faedah 9,374 ketua isi keluarga Orang Asli. Tetapi berdasarkan kajian-kajian mendapati bahawa program ini tidak dilatih Orang Asli untuk menikmati cara bekerja, akhirnya pendapatan beliau walaupun masuk dalam kumpulan tanah diusahakan enam ekar seorang, pendapatannya purata RM100 hingga RM200 sebulan. Kadang-kadang kurang daripada itu.

Oleh itu, saya mengharapkan kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membuat satu polisi pembahagian keuntungan setiap bulan seperti mana ala FELDA. Saya tahu juga. Saya 13 tahun duduk di FELDA, mengajar di FELDA. Setiap tahun masyarakat FELDA ketua isi rumah diberi sekurang-kurangnya RM200 sebulan, dahulu. Sekarang ini diberi sekurang-kurangnya RM500 sebulan. Di samping kalau dia bekerja di ladangnya dia akan dapat lagi tambahan pendapatan.

Dengan cara ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dia dapat mengurangkan taraf kemiskinan di kalangan Orang Asli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat boleh simpul.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dengan adanya peruntukan yang diberikan kepada Orang Asli melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebanyak RM104 juta ini dapatlah pihak kementerian mengkaji semula sistem pentadbirannya, sistem cara mengurus Orang Asli supaya peruntukan yang diberikan ini betul-betul dapat dipraktikkan. Dapat membangunkan masyarakat Orang Asli, yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua statusnya begitu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Memaparkan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Begitu memaparkan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Ya, begitu memaparkan keprihatinan daripada kementerian. Kita lihat pada tahun 2003 golongan Orang Asli termiskin ialah 12,435 orang, miskin 10,532 orang dan mudah miskin 2,914 orang daripada 29,873 isi keluarga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Jadi dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas kerjasama jitu. Sekali lagi saya ingin mengingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat banyak perkara yang kita hendak cakapkan, dalam masa 15 minit kita perlu pilih dalam hati sanubari kita, apakah perkara yang kita tergerak untuk kita ketengahkan dan cakapkan di saat-saat ini.

Sebenarnya 15 minit ini lama. Akad nikah pun 30 saat sahaja, pun sudah jadi isteri. *I love you* tidak sampai lima saat pun penuh makna macam satu ensiklopedia. Jadi 15 minit itu adalah satu jangka masa yang cukup lama jika kita pilih apa yang kita hendak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini dalam masa 15 minit. Jadi semaklah hati sanubari masing-masing apa yang hendak dicakapkan untuk menarik perhatian Dewan dan rakyat amnya di saat-saat ini, maka gunalah sebaik-baik mungkin 15 minit ini. Terima kasih dan dengan itu saya jemput Datuk Kalakau bin Untol.



**12.23 tgh.**

**Datuk Kalakau bin Untol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang untuk bahaskan Bajet 2006. Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Pada tanggal 12 Julai 2005, berlaku secara spesifik gangguan bekalan elektrik di Sabah Sandakan sepanjang sembilan hari berturut-turut lebih kurang dalam 200 jam. Kerugiannya dianggarkan RM562,134.44 sen. Ini telah dituntut oleh syarikat-syarikat yang mengalami kerugian akibat daripada gangguan itu. Buat masa ini gangguan elektrik di Kota Kinabalu berlaku sekali dalam seminggu. Di Lahad Datu berlaku dua kali dalam seminggu. Purata gangguan bekalan tenaga elektrik di bandar Sandakan sepanjang setahun ialah 4,000 minit dan gangguan di Pekan Kinabatangan 2,300 minit.

Kalau kita lihat keadaan ini di kawasan pantai timur Sabah ini daripada Sandakan hingga ke Semporna merupakan satu ladang sawit yang begitu besar. Sehubungan dengan itu, teknologi terkini di mana permintaan terhadap biofuel, bio-diesel baru-baru ini di mana Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Korea Selatan menandatangani MOU mengenai dengan kerjasama mengeluarkan bio-diesel ini. Sekiranya gangguan tenaga ini tidak diperbaiki, maka impaknya kepada pelabur-pelabur asing datang ke negara ini akan terjejas. Sehubungan itu, saya mintalah pegawai-pegawai yang ada dalam Dewan ini di kementerian berkenaan untuk melihat cara untuk mengatasi masalah gangguan tenaga ini dalam jangka masa pendek.

Baru-baru ini didapati juga bahawa pelan tindakan jangka pendek di mana mewujudkan satu stesen di Lahad Datu terbukti sudah siap, tapi masih lagi mengakibatkan gangguan tenaga. Justeru itu, saya mintalah pihak pegawai daripada EPU melihat jangka panjang. Kerajaan Negeri Sabah telah membuat kajian dan mengatakan bahawa penyelesaian gangguan bekalan elektrik ini wajar melihat kepada projek hidroelektrik di Liwago Ranau. Projek ini kajiannya telah dibuat, telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh lagi, dan saya mintalah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh nanti saya bangkit perkara ini kerana saya minta pihak EPU melihat perkara ini, di mana kalau dilaksanakan hidroelektrik Liwago ini boleh mengatasi gangguan bekalan tenaga elektrik dan justeru itu akan menyempurnakan lagi dan memberi keadaan yang lebih *conducive* kepada perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang diberi peruntukan begitu besar untuk

melaksanakan projek-projek di luar bandar. Di samping itu saya ingin menyebut beberapa daerah-daerah yang memang begitu mementingkan jalan raya, bekalan elektrik, air dan sebagainya khususnya di kawasan pedalaman iaitu di kawasan Tenom, di kawasan Kemabong, di kawasan Ranau. Inilah daerah-daerah yang memerlukan bekalan tenaga elektrik solar dan sebagainya, air, jalan raya dan saya juga mengharapkan bahawa dengan peruntukan sejumlah besar itu pada kali ini dapatlah rakyat di kawasan yang saya sebutkan tadi itu menikmati kemudahan tenaga elektrik. Begitu juga sekolah-sekolah di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bajet 2006 ini telah disentuh bahawa usaha untuk memperkasakan sektor pertanian sebagai satu pertumbuhan ekonomi yang baru. Dalam masa yang sama saya mohon pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar memberi peruntukan kepada sebuah projek kerajaan negeri yang mengenai dengan usaha memperkasakan pertanian di negeri Sabah ini dia mewujudkan satu kawasan seluas 215 ekar, yang projek terletak di kawasan koridor pantai barat selatan Sabah di Papar yang memerlukan bantuan kewangan. Projek ini telah pun dilaksanakan dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan April 2003, tapi sedikit gangguan masa ini kerana kekurangan kewangan. Dengan peruntukan sejumlah besar dalam kementerian dalam bajet ini mintalah pegawai-pegawai di kementerian yang berkenaan untuk jangan terlepas pandang dan mengambil kira rayuan kerajaan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang begitu popular dibahaskan dalam Dewan ini ialah mengenai dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Di dalam ruang yang ada pada saya ini, saya tidak lagi membahaskan mengenai apa juga yang diutarakan, cumanya saya ingin menambah berikutan dengan hasil kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Polis Diraja Malaysia sebanyak 125 cadangan untuk penambahbaikan dan buat masa ini kita difahamkan bahawa lima jawatankuasa telah dibentuk untuk memperbaiki kedudukan Polis Diraja Malaysia. Dalam ruang ini saya ingin membuat cadangan untuk menggilapkan lagi pasukan Polis Diraja Malaysia kita dan memberi penghargaan kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sesuatu isu kadang-kadang tercetus kerana fakta, kadang-kadang ada isu yang tercetus kerana anggapan atau *innuendo*, lagi sakit hati. Kalau sesuatu isu itu timbul kerana fakta, ini tidak berapa menggores

hati, tetapi apabila sesuatu isu itu tercetus kerana salah anggap, dan kerana *innuendo*, ini yang begitu pilu rasanya.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Seheinggakan memalukan satu kaum di antara kaum yang terbesar di negara kita.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam kesempatan ini sebenarnya mencadangkan supaya menggilapkan lagi institusi kepolisan dalam negara.

**Tuan Haji Tajul Urus bn Haji Mat Zain:** Minta laluan, Yang Berhormat saya hendak menyentuh soal imej polis berasaskan kepada tiga perkara. Lepas itu saya akan kemukakan soalan. Yang pertama, sebelum daripada insiden ketuk ketampi kita didedahkan dengan betapa banyaknya projek kompleks polis yang tergendala. Nombor dua, kita dikejutkan dengan isu senjata dicuri di Terengganu dan di bawa ke Melaka di simpan di hadapan Balai Polis Melaka lepas itu pihak yang mencuri tidak menggunakan senjata, telefon balai polis ambil balik senjata. Apa tujuan, apa implikasi dia? Akhirnya kes ketuk ketampi yang di buat di pondok Balai Polis yang menjaga kawalan. Benda itu terdedah kepada publik, dan lebih memalukan lagi polis tahu, ini bukan warga negara China, warga negara Malaysia atas isu dadah. Mengapa polis membisu? Heboh satu Malaysia, satu dunia. Kita pun kelam-kabut, buat Suruhanjaya Penyiasatan atas isu disiplin seorang Polis yang membuat rakaman untuk peribadi untuk apa kita tidak tahu. Dalam konteks ini saya rasa..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, jangan saya rasa. Apa Yang Berhormat hendak minta...

**Tuan Haji Tajul Urus bn Haji Mat Zain:** Ok, soalan saya tidakkah di sebalik insiden-insiden ini kita merasakan bahawa ada satu konspirasi untuk memalukan Menteri Dalam Negeri dan juga Perdana Menteri Malaysia, terima kasih.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan itu, saya kurang pasti kalau wujud konspirasi mengenai seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat. Tinggal lagi saya rasa masa di sini saya ambil untuk mencadangkan sesuatu untuk membantu menggilapkan kepolisan negara kita. Saya ingin mencadangkan...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu biar Yang Berhormat selesaikan *point* sebentar. Yang Berhormat belum lagi simpulkan.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Saya mencadangkan agar satu Kolej Polis Diraja Malaysia diwujudkan sama seperti dengan perwujudan Maktab Tentera Diraja. Perwujudan itu dengan rasionalnya ialah memberi ruang dan peluang kepada golongan pelajar di peringkat menengah usia 13 hingga 17 tahun terdedah kepada dunia kepolisan sebagai langkah proaktif bagi pembangunan modal insan negara. Kedua melahirkan pasukan pelapis untuk PDRM di masa hadapan, membentuk siasah diri dalam soal disiplin dan jati diri, memberi minat kepada golongan bukan Bumiputera bahawa bidang kepolisan satu alternatif kerajaan yang memberi jaminan kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada Yang Berhormat minta laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan semula isu imej polis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Isu ini berkaitan dengan isu yang diperbahaskan dan menjadi persoalan yang menimbulkan rasa tidak puas hati sebenarnya kepada masyarakat pada masa sekarang. Terutama apabila imej negara kita sebegitu mudah dirosakkan semata-mata kerana salah tanggapan seperti mana yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu yang tercetus dari salah anggap atau *innuendo*.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** *Innuendo*, dengan izin. Iaitu apabila seorang Ahli Pembangkang daripada DAP, Puan Teresa Kok Suh Sim menggunakan Parlimen menunjukkan video klip dan sebenarnya walaupun dalam akhbar hari ini tersiar mengatakan bahawa dia mengatakan bukan dia menyebut soal bahawa orang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbuatan itu adalah kononnya untuk menegakkan hak asasi manusia. Tetapi apakah *innuendo* nya?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, *innuendo* nya Tuan Yang di-Pertua, berpunca ialah apabila dia datang ke Parlimen, tunjuk gambar tersebut, bawa warga negara dari China bersama dengan beliau diheret ke sana ke mari seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Maka ini telah menimbulkan salah anggap bahawa wanita dalam video klip itu adalah wanita daripada negara China.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi perbuatan itulah yang menimbulkan *innuendo*.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Benar Tuan Yang di-Pertua, kita berduka cita kerana dia telah membuat satu kenyataan bahawa dia kata dia tidak pernah katapun dan dia kata Ahli Parlimen Barisan Nasional dan UMNO pun tidak pernah kata itu

perempuan China, memang kita tidak pernah kata. Tetapi soalnya dia yang menimbulkan provokasi dan salah tanggap kerana mengheret perempuan China itu ke Parlimen dan di mana-mana. Oleh itu, saya merasakan bahawa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan bukan merasakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya memang menuntut supaya Puan Teresa Kok Suh Sim ini memohon maaf kerana tindakannya itulah yang menyebabkan perkara ini berbangkit sehingga kita hantar Menteri ke Negeri China, kita terpaksa mengambil masa yang agak panjang untuk memulihkan imej polis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak boleh tuntutan, Yang Berhormat Cuma minta laluan. Cuma Yang Berhormat boleh tanyalah Yang Berhormat Kalakau dia setuju tidak jika kita tuntutan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Baik, saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju bahawa kita minta Puan Teresa Kok Suh Sim ini memohon maaf dan perkara ini jangan berulang lagi sehingga merosakkan segala-galanya, imej polis rosak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Imej negara rosak dan sebagainya.

**Tuan Ismail bin Kassim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat jawab dahulu. Saya beri sedikit masa kecederaan. Datuk Azizah, saya akan bagi tambah masa sedikit.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Saya rasa cadangan Yang Berhormat itu wajar. Perbuatan yang dibuat oleh wakil DAP itu sengaja untuk merosakkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menimbulkan *innuendo*. Sudah sepuluh kali sudah saya sebut *innuendo*.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Memang benar Tuan Yang di-Pertua, ia menimbulkan *innuendo*.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perkara yang dihebahkan dan perkara ini adalah mustahak bagi rakyat kita faham sebenarnya. Oleh kerana kesalahan dibuat di peringkat...

**Tuan Yang di-Pertua:** kita hendak rakyat Malaysia faham, ini memang isu, tetapi bukan satu isu yang tercetus daripada fakta, jelas.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Suruhanjaya bersidang.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini merupakan satu isu yang wujud atau tercetus kerana salah anggap, kerana imaginasi, kerana sindiran-sindiran ataupun kerana *innuendo*.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Rakyat negara ini harus faham, isu ini ialah isu tercetus dari *innuendo*, bukan dari fakta.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan serupa juga dengan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi untuk DAP minta maaf dalam Parlimen. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Kalakau bin Untol:** Saya bersetuju bahawa kedua-dua wakil rakyat itu termasuk Tuan Lim Kit Siang dan Puan Teresa Kok Suh Sim minta maaf kerana memburukkan imej negara ini. Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Rasional yang keenam ialah melahirkan golongan pelajar yang berwawasan dalam konsep cemerlang dan mewujudkan generasi cemerlang dalam pelbagai aspek termasuk menjadi pegawai dalam Polis Diraja Malaysia, jadi Pegawai Perkhidmatan Awam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pun sudah sampai, ada bersama kita. Beliau boleh beritahu kita apa ertinya *innovendo* nanti.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Terima kasih ..... dan pemimpin dalam bidang ini ikhtisas ini. Di dalam Bajet 2006 itu, sama juga dengan penjelasan lebih awal bahawa wujudnya sekolah-sekolah yang belum lagi mempunyai murid yang ramai umpamanya satu di Kedah kalau tidak silap saya, maka itu boleh dijadikan satu pusat Latihan Kolej Polis Diraja Malaysia.

Dengan itu peraturan pengambilannya samalah dengan apa yang terdapat dalam Maktab Tentera Diraja Malaysia. Saya kira dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan juga pihak Polis Diraja Malaysia, perkara ini dapat dijalankan dalam masa yang terdekat dan dalam masa 10 hingga 15 tahun dari sekarang, kita akan dapat menyelaraskan keperluan-keperluan kepolisan dalam negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat boleh simpulkan.

**Datuk Kalakau bin Untol:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira keselamatan dalam negara kita ini tidak ada kompromi. Kita perlu mempertingkatkan kemantapan dan keberkesanan di dalam keselamatan negara, kalau tidak demokrasi yang kita junjung ini, kalau pihak keselamatan tidak diambil kira sepenuhnya, akhirnya demokrasi kita menjadi *democracy* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bukan dahulu pernah jadi Timbalan Menteri atau pegang jawatan dalam kerajaan?

**Datuk Kalakau bin Untol:** Ada, sebagai Timbalan Menteri Buruh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi saya hendak supaya ucapan Yang Berhormat lebih berwibawa sebab itu saya mengingatkan pihak-pihak yang tidak ingat mungkin Yang Berhormat pernah jadi Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat?

**Datuk Kalakau bin Untol:** Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Bajet 2006.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat,

**Datuk Kalakau bin Untol:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad. Selepas mesyuarat ditangguhkan, boleh sambung sebelah petang.

**12.43 tgh**

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk tidak banyak sedikit menyentuh apa yang baru dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sabah tadi, sebab Puan Teresa Kok Suh Sim adalah *Member of Parliament* di Bahagian saya di Parlimen Seputeh. Saya hairan Tuan Yang di-Pertua kenapa tiba-tiba kita begitu heboh sekali sedangkan yang kena bogel itu pun tidak buat laporan polis. Yang kita .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat andaikan, kalaulah dari awal diketahui wanita itu, wanita Melayu agaknya isu ini akan berkembang bagaimana?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Mungkin isu itu tidak akan berkembang sebab oleh kerana dikatakan dia wanita Melayu sebab sekarang kalau saya tengok pun begitu *quite*, begitu diam. Kalau betul pihak Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim hendak membela nasib seorang wanita, banyak lagi perkara-perkara kes-kes yang telah timbul. Saya difahamkan, kalau kita masih lagi ingat di Balai Polis Travers,

seorang anggota polis wanita telah ditikam oleh seorang penjahat yang kena lokap ini, dia telah ditikam. Baru-baru ini pun, hari ini Metro, menuliskan di sini bahawasanya penagih 'dakwah' hidap AIDS gigit polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penagih dadah.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Minta maaf sini buh "dakwah", penagih dadah, tidak pakai cermin mata Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Okay, sekarang saya pakai cermin mata, penagih dadah hidap AIDS gigit polis.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun tergamam juga seketika sebab memang ada mereka yang seolah-olah "penagih dakwah" dia kena didakwa sepanjang masa.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Dakwah mungkin - kemungkinan. Tuan Yang di-Pertua yang saya tidak faham kalau betul hendak bela kaum wanita dia akan senantiasanya bela, kenapa tiba-tiba bila bab kena wanita yang kononnya datang asalnya daripada negeri China hanya hendak dibela. Kalau betul dia hendak bela berapa ramai DAP.....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan, Yang Berhormat minta laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua berkata kalau banyak pertanyaan boleh timbulkan.....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Memang saya hendak timbulkan sedikit sebab saya pun rasa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh timbulkan *innuendo* ya?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** [Ketawa] Ya, silakan, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Tuan Yang di-Pertua saya terpaksa bercakap sebab saya juga seorang rakyat Malaysia yang merasakan terhina dengan perbuatan yang telah berlaku ini. Saya rasa kalau kita hendak bela seperti mana Yang Berhormat cakap tadi kita hendak bela kita ada undang-undang yang kita boleh lalui. Hari ini kalau saya hantar satu gambar, gambar bogel ataupun gambar yang Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali tunjuk semalam.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat giliran 27 Yang Berhormat boleh kemukakan perkara itu nanti. Yang Berhormat sila sambung.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih baik Yang Berhormat catat jangan lupa nanti bangkit.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang sebenarnya saya pun hendak sampai dekat situlah. Patutnya pihak-pihak ini tunggulah siasatan polis, barulah kita membuat satu-satu tuduhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat bertanya, mengapa tidak ambil landasan undang-undang daripada sebar begitu sahaja. Itukah persoalan Yang Berhormat? Ha itu, tetapi Yang Berhormat panjang-panjang sangat saya terpaksa potong tadi.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat kerana telah menyelamatkan saya. Yang sebenarnya tindakan undang-undang itu yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, wanita yang bogel itu tidak membuat laporan polis selalunya saya difahamkan kalau buat laporan polis baru polis boleh ambil tindakan. Yang maksud saya ini kenapa yang tindakan DAP ini terlalu ghairah sangat, kalau betul dia hendak membela dia membela semua kes yang melibatkan wanita, itu baru pembelaan. Dan berapa banyak DAP ini wakil-wakil rakyat DAP yang pergi masa pengebumian polis-polis yang mati, yang terkorban masa menjalankan tugas? Itu baru dia ada pembelaan bukan satu kes yang *special* seperti ini. Dan seterusnya.....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua minta jalan pendek sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat undang-undang negara ini ada di tangan DAP ke? Kalau tidak ada di tangan DAP ada di tangan kerajaan, saya minta supaya Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan ambil tindakan undang-undang kepada orang yang bawa berita-berita yang buruk tentang negara ini. Jangan kita biarkan sebab ini melibatkan negara, melibatkan rakyat kita sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, tadi janji pendek.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat saya juga setuju dengan pendapat Yang Berhormat dan saya juga syorkanlah supaya tindakan yang lebih berat selain daripada meminta maaf di dalam Dewan yang mulia ini. Tergantung ya, bila Yang Berhormat tanya semua sudah hilang sudah. Saya tidak mahu sentuh lagi lebih panjang yang itu, saya ingat sudah, mungkin ada speaker-speaker lain yang hendak berucap bab Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim itu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat ada sedikit ini yang saya rasa seperti Datuk Syed Ali sebut Kementerian Wilayah saya juga hendak sebut. Datuk Wira

Syed Ali semalam sebut kita tidak mahu dilanda tsunami lagi begitu juga saya bila dapat cerita ini, saya rasa begitu berdosa kalau saya tidak membawa ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya untuk diambil tindakan oleh kementerian berkenaan. Oleh itu supaya saya juga tidak berkongsi dosa dan semua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dihubungi oleh seorang wanita yang berumur 20 tahun menangis, saya pujuk, suruh beritahu nama dan tempat dia bekerja dia tidak berani memberitahu saya dengan alasan-alasan yang diberi yang akan saya beritahu sekejap lagi. Tuan Yang di-Pertua wanita ini berkata dia adalah seorang wanita kampung dari keluarga susah, tetapi didatangi oleh agen-agen yang memujuk kononnya hendak memberi peluang pekerjaan di bandar Kuala Lumpur. Jadi ramai bukan seorang, saya difahamkan ada 42 orang anak-anak muda Melayu yang bekerja di tempat ini hanya seorang sahaja yang datang daripada Sarawak.

Semua anak muda ini dibawa daripada kampung-kampung yang begitu naif, dengan izin diberinya tawaran untuk bekerja memandangkan dia kata, dia datang daripada keluarga yang susah dia terima. So, bila dia terima anak-anak ini diberikan - orang-orang muda ini, wanita-wanita muda ini diberikan kontrak pekerjaan untuk ditandatangani. Jadi datanglah mereka beramai-ramai di bandar, bila dia datang dia masuk tempat kerja, dia masuk tempat kerja rupanya ini adalah tempat kerja urut tradisional. Tidak mengapalah dia ingat urut tradisional, tetapi bila sampai situ dia disuruh urut yang lain jadi Tuan Yang di-Pertua, bukan semua wanita yang suka buat kerja itu. Kadang-kadang suasana macam ini terjerat jadi dia dengan rela hati pergi jumpa majikan mengatakan dia tidak mahu lagi bekerja, dia hendak berhenti hendak balik kampung, tetapi sayangnya majikan telah menunjukkan kontrak kerja. Dia kata boleh, awak boleh berhenti dengan syarat awak bayar balik. Bayar balik apa dia kata, dia kata perbelanjaan membawa awak ke sini dan sebagainya. Budak ini bertanya, berapa? RM30,000 Tuan Yang di-Pertua jadi budak ini pun berkata, "Bagaimana saya hendak mencari duit RM30,000?" Majikan kata, "Buat kerja yang saya suruh awak buat, jalankan gajinya lebih lumayan." Jadi budak ini tidak mahu dia kata dia hendak berhenti, tetap hendak berhenti akhir kata majikan kata okay, kalau awak hendak lari hendak balik kampung kita akan *harass* emak bapak awak di kampung. Jadi wanita ini menangis Tuan Yang di-Pertua, so saya rayulah pada pihak yang berkenaan, yang meluluskan lesen-lesen ini mestilah tinjau dahululah sama ada betul-betul ke premis ini digunakan sebagai rumah urut tradisional.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya ini bab pelancongan. Seorang rakan saya telah membawa anak-anak pergi melancong. Jadi begitu ramai di dalam hotel tersebut apartmen-apartmenlah boleh dikatakan, jadi dia telah register untuk ambil tiga bilik punya apartmen. Bila dia sampai Tuan Yang di-Pertua dia masuk bilik apartmen yang pertama dinding apartmen itu basah, so dia masih lagi tidak buruk sangka dia minta tukar pergi apartmen yang kedua. Pergi apartmen yang kedua biliknya hapak dia minta lagi apartmen yang ketiga.

Bila apartmen yang ketiga ingat okaylah, bolehlah sudah masuk barang-barang semua, sudah masuk tiba-tiba dia tengok *air cond* daripada bilik *master bedroom leaking* – basah, jadi dia tukar lagi bilik yang keempat. Bilik keempat dia tengok okay alhamdulillah so dia bawalah anak-anak dia pergi *swimming*, tetapi baiknya hotel ini dia banyak menyediakan fasiliti untuk anak-anak jadi anak-anak *enjoy* ya. Dia ada *swimming pool*, dia ada *fishing*, dia ada *go-kart*, dia ada *pony ride*...., dia ada *train ride*. Jadi keluarga ini pun membawa anak-anaknya pergi *swimming*, *swimming* itu pula diallownya *swimming pool* sampai pukul 10.00 malam, jadi selepas makan *dinner* dia orang *swimming*, dia bawalah anak-anaknya balik untuk tidur tetapi malangnya bilik yang keempat itu tidak ada *air cond*. *Air cond* ada tetapi tidak *not functioning*, dengan izin. Dan lepas itu dia minta lagi tukar, tukar bilik yang kelima alhamdulillah walaupun anak-anak dia *complain* dia kata, “Mama tidak adalah televisyen dalam *master bedroom* dan sebagainya”. So dia kata, “Tidak apa *it is too late, it is already 2.30 in the morning* tidurlah”, dia kata, “Kita tidur besok kita *complain* dekat *management*”.

Dan esok pagi itu hujan jadi dia anak-anak tidak dapat bermandi dia kata tidak boleh *swimming* hari ini sebab hujan mari kita pergi ke bandar dia kata. Pergilah keluarga ini ke bandar tetapi sebelah pagi dia orang mandi anak-beranak, dia punya *bathroom* banjir sebab *shower* dia itu, ada *shower* tetapi tidak ditutup, penutup bilik *shower* itu. Jadi dia pun kata dekat anak-anaknya dia kata, “Tidak apa kita pergi bandar mungkin dalam beberapa jam air itu akan surut”. Jadi bila dia balik air masih lagi banjir *bathroom* itu masih lagi banjir, dia panggil *management*, budak-budak itu dia kata, “Tolong bersihkan yang ini”. Datang dua orang hamba Allah untuk membersihkan, budak-budak pekerja situ dan dia bertanya kenapa yang boleh terjadi sampai macam ini, kalau hendak tengok tidak untung ada dua apartmen yang baru sedang didirikan, so kalau dia tengok masa *holiday* ramai, lepas itu dia difahamkan kalau tidak ada *holiday* pun kursus-kursus banyak dijalankan dari jabatan-jabatan kerajaan. Dan juga tiap-tiap

hari Selasa Tuan Yang di-Pertua ada pelancong-pelancong dari luar negara duduk di apartmen itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kaedah guna cerita untuk ketengahkan isu ini adalah satu kaedah yang cukup berkesan. Tetapi kalau masa kita terhad kita banyak sangat cerita isu tidak sempat timbul.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Okay, isunya Tuan Yang di-Pertua, isunya Tuan Yang di-Pertua di sini dalam saat kita hendak menggalakkan pelancongan datang ke negara kita, saya tahulah siapa yang buat *business* tidak mahu untung. Mesti tiap-tiap orang buat *business* hendak untung dan perkara ini saya yakin dia buat untung, macam saya kata dua apartmen yang baru didirikan. Jadi takkanlah dalam hendak membuat keuntungan sampai kita lupa hendak menjaga keselamatan-keselamatan pelancong yang datang ke negara kita, dan juga pelancong-pelancong dalam negeri.

Bagi pelancong-pelancong dari luar negara itu amat memalukan negara kita, sedangkan kita harap dia orang ini esok jadi *ambassador* untuk menaikkan nama-nama *especially* dalam saat kita hendak naikkan pelancongan negara kita. Kalau dia orang balik sini pun, dia kata dia tidak puas hati bayangkan macam mana kita hendak menarik pelancong-pelancong yang lain. Itu maksud saya dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya budak-budak itu mengadu juga dengan kawan saya ini dia kata pencaruman, duit EPF pekerja-pekerja dipotong, tetapi mereka tidak dicarumkan, tidak ada pencaruman di EPF.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak simpul sekarang ke atau hendak sambung.....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Belum lagi ada lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** .....hendak sambung lima minit sebelah petang?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik simpul sekarang.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua selepas makan, terus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang teruskan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Saya cuba Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan lupa lima minit ya sebelah petang.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Saya cuba, saya cuba Tuan Yang di-Pertua ya. Mungkin saya boleh habiskan. Okay yang seterusnya ini, itu tadi bab pelancongan. Saya pun kasihan jugalah saya baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua pergi orang kahwin, saya terduduk dengan Yang Amat Arif Hakim Mahkamah Syarie masa itu saya tidak kenal dia. Dia duduk dan kami memperkenalkan, saya kenal dia sebagai Tuan Haji sahajalah. So, saya kasihan dia Yang Amat Arif, saya ingat sudah tibalah masanya kan kita memberilah penghormatan kepada Hakim-hakim Mahkamah Syariah setimpal dengan tugas-tugas mereka.

Selain daripada peruntukan kewangan bagi menentukan Mahkamah Syariah juga dilengkapi dengan sumber manusia terlatih, hakim-hakim ini juga perlu diberi penghormatan yang setanding dengan rakan-rakan mereka di Mahkamah Sivil. Saya berharap agar ketua jabatan yang bertanggungjawab atas Mahkamah Syariah ini akan turut mencadangkan agar bintang-bintang kebesaran turut dianugerahkan sebagai penghormatan negara kepada hakim-hakim dan peguam-peguam syarie sebagai tanda terima kasih negara kepada sumbangan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa cukup, Yang Berhormat boleh sambung ucapan selama lima minit lepas Dewan bersidang semula pada pukul 2.30.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya masih ada 12 Ahli Yang Berhormat dalam senarai dan di antara 12 orang yang dalam catatan ini ada 180 minit, seorang boleh diperuntukkan.....

**Dato' Haji Mohamad Haji Abd Ghani:** Yang Berhormat saya tidak daftar lagi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mohamad Haji Abd Ghani:** .....hendak berucap. Daftar, lambatlah ucapan, lambat mari pagi tadi. Patut ke?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Dato' Haji Mohamad Haji Abd Ghani:** Kalau ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ingatkan kita. Jadi kita ada 15 minit untuk seseorang Yang Berhormat. Jadi saya tidak silap ya 180 bahagi 12 jawabnya 15 minit tolonglah kerjasama antara satu sama lain kerana tiap minit yang kita makan masa kita menganiayai rakan seperjuangan kita. Hati-hatilah jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad untuk menyambung perbahasan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sentuhan dan saya baru dihubungi bahawa ada satu kisah seorang lelaki yang telah menemui kemalangan di Melaka agak serius terus dimasukkan ke Hospital Melaka, diperiksa oleh doktor dan doktor ini merasakan bahawasanya pesakit ini perlu dihantar ke Kuala Lumpur untuk *treatment* yang lebih baik. Jadi doktor itu mengiringi pesakit ini terus ke Hospital Kuala Lumpur, tersadai selama satu jam, selepas itu dihantarkan balik ke Hospital Melaka dengan alasan tempat di bilik ICU tidak ada. Untuk pengetahuan semua bahawa pesakit itu telah pun meninggal dunia. Jadi saya harap Kementerian Kesihatan dapatlah mengambil tindakan atau minta diperjelaskan apa yang sebenarnya yang berlaku supaya rakyat lebih yakin kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit tadi bab yang wakil rakyat Parlimen saya. Saya sokong tadi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar supaya memberikan hukuman yang lebih berat *instead just* minta maaf di Dewan yang mulia ini sebab ini satu pembohongan yang begitu dahsyat sehingga mencemarkan nama negara kita, bukan sahaja di sini malahan di seluruh dunia. Dengan ini saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

**2.33 ptg.**

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006, Maksud B.26 iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Saya ingin menyentuh mengenai isu lambakan kontraktor-kontraktor kelas F yang diperkatakan oleh masyarakat di mana ketika ini kontraktor kelas F sebanyak 35,258 syarikat di seluruh Malaysia yang dijangka mempunyai ketulenan hanyalah sekadar 8,000 hingga 10,000 dan bakinya 25,000 selebihnya itu adalah di kalangan mereka yang menjadikan lesen kelas F ini untuk sumber pendapatan tambahan.

Malangnya di kalangan 25,000 ini adalah yang tidak tulen yang mempunyai *connection*, dengan izin, di dalam jabatan-jabatan yang memberi projek dan akhirnya di kalangan mereka yang benar-benar tulen tidak mendapat projek.

Saya sarankan di sini supaya syarat untuk mendapat lesen PKK Kelas F ini ketika ini terlalu senang iaitu dengan menghadirkan diri dalam kursus kontraktor anjuran PKK selama 10 hingga 14 hari, belajar sedikit teoretikal tentang bumbung, tentang *plastering* dan beberapa bidang itu dalam 14 hari itu sudah mencukupi, boleh dikatakan 50% peluang untuk mendapat sijil ini sudah ada dan bakinya adalah dengan menyediakan akaun RM5,000 dan kalau ada *connection* dalam itu, maka lebih cepatlah dapat dan kadang-kadang diberi lesen ini kepada kontraktor yang menggunakan alamat rumah sebagai tempat berniaga.

Saya cadangkan supaya kementerian memperketat syarat ini seperti mana syarat yang diberikan kepada kontraktor kelas A, B ataupun C yang mana mestilah ada jurutera atau QS di dalam syarikat tersebut dan saya sarankan untuk kontraktor kelas F ini, penjawat teknikal mesti ada, sekurang-kurangnya mereka yang mempelajari mana-mana dalam institusi teknikal bertaraf kemahiran berkolar biru ini untuk dijadikan sebagai *partner*, dengan izin, ataupun sebagai pekerja tetap.

Kedua, saya meminta supaya pihak kementerian ini memanggil semua kontraktor kelas F ini memohon mereka menghantar *statement* bank bagi 12 bulan di mana dari transaksi daripada *statement* bank ini kita dapat tahu sama ada kontraktor ini tulen atau tidak tulen. Maknanya kalau projek itu RM50 ribu, kalau tinggal RM3 ribu atau RM4 ribu, tidak ada transaksi lain, beli barang, bayar gaji dan sebagainya, ini adalah tidak tulen dan saya minta pihak kementerian terus membatalkan lesen tersebut.

Ketiga, saya mencadangkan supaya pejabat yang digunakan untuk register kelas F ini adalah pejabat sebenarnya, bukannya di rumah. Kalau apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak di mana menyatakan terdapat sepuluh keluarga dalam satu alamat rumah itu. Jadi kerana mereka yang memberi projek ini adalah orang yang berkepentingan, dia tahu syarat-syarat untuk mendapatkan lesen kelas F ini cukup mudah dan menggunakan isteri atau ipar-ipar mereka, emak mertua atau bapa mertua untuk mendapatkan lesen ini dan mereka tidak melalui proses sebut harga, mereka melalui proses undian. Jadi yang memberi projek ini dia tahu bila undi dan sebagainya. Orang yang tulen ini tidak tahu.

Jadi akhirnya ia macam sindiket. Ada satu kontraktor itu dia mempunyai 300 atau 250 kelas F, akhirnya kerja yang banyak dia bagi dan seorang sahaja yang buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan yang keempat, hadkan tempoh kelas F ini. Ketika ini kelas F ini boleh sampai mati, sampai bila-bila. Jadi kelas F ini kita jadikan sebagai kelas untuk kalangan mereka yang baru berlatih untuk berniaga. Kita hendakkan supaya mereka ini juga diberikan hak mungkin tiga tahun kah, selepas itu diangkat ke kelas yang lain dan biarlah mereka bersaing dalam kelas-kelas mereka. Jadi kalau secara undi ini cukup mudah, maksimum RM50 ribu, jadi kalau ada kaki dalam itu boleh dapat kalau dia masuk RM250 kat situ, kalau ada 100 projek dia dapat 100, is lot of money.

Saya cadangkan lagi, yang kelima, kalangan yang mempunyai latar belakang teknikal ini yang belajar dari Institut Kemahiran MARA, GIAT MARA, pelajar dari sekolah-sekolah teknikal, Kementerian Belia ini, beri keutamaan untuk mendapat Kelas 'F' ini dan mungkin mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang perniagaan dan kita minta supaya pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini melatih mereka asas-asas perniagaan seperti mempelajari sedikit bidang simpan kira-kira, sedikit pentadbiran dan pengurusan dan mungkin sedikit dalam bentuk pemasaran. Dengan itu, menjadikan pelengkap untuk orang yang berpengetahuan teknikal ini, ada dengan pengurusannya dan dia akan menjadikan kontraktor yang tulen dan dengan itu masalah lambakan kontraktor Kelas 'F' ini akan berakhir.

Seterusnya saya ingin pergi ke B 41, Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, saya adalah pemimpin masyarakat setempat, yang mana selalu dijemput oleh sekolah untuk merasmikan Majlis Hari Pelajar Cemerlang, yang mana malangnya beberapa kali saya pergi, yang hadir hanya ibu bapa dan pelajar cemerlang sahaja di hari tersebut, yang tidak cemerlang tidak hadir. Mereka lakukan ini, saya pun tidak tahu, sama ada tidak dipanggil orang yang tidak cemerlang dan saya nampak program seperti ini adalah pembaziran.

Saya ingin mencadangkan supaya Hari Pelajar Cemerlang ini hendaklah dipanggil semua, yang cemerlang atau tidak cemerlang kena hadir dan pengumuman tentang pelajar cemerlang ini hendaklah dirahsiakan, diberi hanya pada hari penyampaian itu. Kita juga minta Ibu bapa serta pelajar tersebut di duduk di atas pentas Di penghujung program ini, kita panggil pelajar cemerlang ini memberi tahu rahsia bagaimana mereka berjaya dan memberi peluang kepada mereka yang lain, iaitu



pelajar-pelajar yang tidak cemerlang, mengetahui bagaimanakah cara mereka belajar. Kalau kita sebagai ibu bapa bercerita kepada anak kita, dia kata kita berleter. Biarlah pelajar-pelajar yang cemerlang itu memberi motivasi kepada pelajar-pelajar ini.

Saya juga sarankan, supaya ibu bapa juga di *interview* kan secara *life* di atas pentas untuk memaklumkan kepada ibu bapa yang anak-anak mereka tidak cemerlang, bagaimana cara mereka mendidik, cara pemakanan dan sebagainya. dari situ barulah Hari Pelajar Cemerlang ini barulah menjadi cemerlang dan kita hendakkan pelajar-pelajar yang tidak cemerlang ini mencemburui yang berjaya begitu juga dengan ibu bapa yang anak-anaknya tidak cemerlang mencemburui cara ibu bapa mendidik anak-anak mereka.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan mengenai Medan Selera di Bandar raya. Saya mengunjungi banyak medan selera di bandar raya. Saya dapati cara konsep gerai yang direka bentuk ini tidak mengikut piawai kehendak pelanggan. Di mana kalau kita lihat, medan selera itu, kerusi-kerusi batu, kita tak boleh nak angkat, meja-meja batu. Kalau kita, lazimnya nak makan satu keluarga, kita pergi sepuluh orang misal kata, jadi kita kena asingkan, kalau sebelah kerusi itu tidak ada, kita kena pergi ke meja lain, jadi ia tidak mesra. Lepas itu, kalau kita tengok menu yang diberi. Misalnya orang Melayu, dia suka makan tomyam, jadi menunya 30 macam, berbagai-bagai. Anak-anak kita nak *order* ini, nak *order* ini dan akhirnya sampai makanan itu sampai tiga puluh empat puluh minit. Kita jadi serik dan tiak akan pergi lagi ke tempat itu sebab itulah banyak gerai-gerai bandar raya lingkup.

Saya tengok, *design* dapur tu untuk satu dapur, mana boleh berniaga tomyam *design* satu dapur Saya minta supaya pihak yang berwajib ini turun padang, untuk melihat kehendak pelanggan, apa yang tukang masak hendak macam mana. Kalau kita tengok, perniagaan makan ini, adalah perniagaan yang sangat menguntungkan. Dia bukan macam dulu. Ketika ini, saya ada kawan berniaga ada 17 *branch* dengan izin. Pendapatan setiap *branch* ini sebanyak RM8,000 sehari. So, kalau 17 *branch* bermakna dia memperoleh pendapatan sebanyak RM136,000 sehari. Bermakna kalau dikalikan dengan 30 hari memperoleh pendapatan sebanyak RM4 juta, setahun lebih kurang RM5 juta dia punya *turn over* dengan izin. Saya hendakkan supaya gerai bandar raya ini mendapat *turn over* RM50 milion. Saya minta dengan kadar segera Kementerian Wilayah Persekutuan ini untuk menggerakkan, membuat balik reka bentuk mengikut kehendak pelanggan.

Itu saja yang dapat saya katakan dan saya pergi kepada B5, iaitu Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama Islam mengenai dengan masjid. Saya minta supaya Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal agama ini melihat contoh, masjid yang ada dalam bandar ini, contohnya masjid Kampung Baru di mana di pagar itu disediakan kios untuk berniaga. Saya minta kepada masjid-masjid yang lain juga, saya melihat memang sedih untuk dapatkan makmum pun kalau Zuhur, 30 orang pun susah, juga waktu-waktu yang lain.

Kita hendakkan supaya disediakan pagar-pagar di masjid-masjid yang ada dalam bandar ni disediakan kios. Saya berharap kepada pihak yang mengawal masjid-masjid ini dapat mengikuti contoh Masjid Kampung Baru.

Akhir kata, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

#### **2.47 ptg**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, membenarkan saya membahaskan Akta Perbekalan 2006. Pertama sekali saya hendak merujuk kepada strategi yang dibentangkan di bajet ini untuk menjadi *competitive*, strategi yang menyediakan persekitaran mesra perniagaan.

Di Dewan ini dua hari yang lalu, di mana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memberitahu kepada Dewan ini bahawa dalam *World Competitive Year Book 2004* dengan izin, di mana 104 negara yang dikaji, Malaysia berada di kedudukan ke 16 pada tahun 2004, yang mana Thailand berada di kedudukan ke 29.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencari lama *web* pagi ini dan saya juga tengok *World Competitive Year 2005* yang terbaru, kedudukan Malaysia telah jatuh daripada kedudukan ke 16 ke 28, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ketinggalan di belakang Thailand sekarang Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu apakah Kerajaan dan juga kementerian-kementerian termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Jabatan Perdana Menteri juga Menteri Kewangan, apa tindakan akan diambil untuk meningkatkan lagi prestasi Malaysia supaya lebih bersaing dan lebih kompetitif Tuan Yang di-Pertua. Kejatuhan yang agak besar ini 16 ke 28, apa faktornya?

Kerajaan mesti kaji dan juga apa tindakan yang patut diambil supaya prestasi itu dipertingkatkan lagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, salah satu tempat dan bidang yang patut kita dan juga kerajaan ambil seperti dibentang di bajet ini adalah sistem penyampaian perkhidmatan awam Tuan Yang di-Pertua.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah berkali-kali, berkali-kali sudah cakap dan juga menyeru supaya sistem penyampaian perkhidmatan awam itu dipertingkatkan, tetapi nampaknya ini adalah di pipi pemimpin sahaja. Apakah tindakan-tindakan kementerian? Apakah tindakan-tindakan agensi-agensi? Apakah tindakan-tindakan semua jabatan kerajaan? Apakah langkah-langkah yang dirancangkan, yang diambil, tidak dengar?

Saya mahu kementerian-kementerian dan juga KSU, siapa-siapa yang *in charge* itu supaya bentangkan tindakan dan langkah-langkah yang diambil supaya sistem penyampaian perkhidmatan awam itu yang selalu dinyatakan dan juga selalu diserukan oleh PM itu mendapat perhatian dan juga ke peringkat operasi. Peringkat operasi hendaklah melaksanakan Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga menyeru agensi-agensi kerajaan, kementerian dan juga jabatan mengenai peranan pegawai-pegawai kerajaan itu, peranan itu adalah membantu atau menghalang. Kadang-kadang tindakan-tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai kerajaan itu nampaknya menghalang sesuatu untuk dijalankan dengan lebih licin.

Kita tengok satu contoh kalau nak *approve* satu projek, tempat-tempat yang kena pergi itu, jabatan-jabatan kena mendapat persetujuan, berapa ramai bilangannya? Adakah satu *effort* yang boleh tengok macam mana koordinasi semua kerja ini dan juga tugas-tugas ini supaya dilicinkan dan menjadikan lebih senang Tuan Yang di-Pertua. Saya juga selalu dengar keberkesanan kos dan juga keberkesanan *impact*, tetapi bila saya berada di mesyuarat-mesyuarat di mana agensi-agensi kerajaan berada di situ tidak membentangkan projek kedua-dua ini, tidak disebut dan tidak diambil kira, saya tak tahu. Yang ini untuk disebut-sebut di Dewan Negara dan di Dewan Rakyat sahaja atau ini patut dilaksanakan di peringkat semua agensi kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap siapa yang bertanggungjawab dapat melaksanakan setiap projek yang dibentangkan dan yang dinilai sebelum dan selepas projek-projek itu dapat dikaji, jadi apakah keberkesanan kos dan keberkesanan *impact* itu Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya nak sentuh adalah Pembangunan Modal Insan Tuan Yang di-Pertua. Ini saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengambil perhatian. Baru-baru ini saya ada menjadi satu ahli panel di mana satu bengkel dan juga *roundtable discussion*, dengan izin, telah menyentuh topiknya *school drop-out* dan *underachiever*. Tuan Yang di-Pertua dan juga saya jadi satu ahli panel dan di dalam kertas saya masa itu di persekolahan rendah sekarang terdapat 25 peratus (25 percent) pelajar yang tercicir selepas darjah enam hingga tingkatan lima, 25 percent yang tercicir dan juga ini telah dinyatakan di buku yang diterbitkan oleh kementerian yang bernama Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Tuan Yang di-Pertua.

25 peratus yang tercicir tambah lagi pelajar walaupun tidak di dalam persekolahan, tetapi menghadapi masalah nak belajar dan sudah menjadi mental *drop-out* dan 25 percent yang *drop-out*, yang setengah tadi mental *drop-out*, yang setengah lagi *underachiever* semua sekali kalau ditambah-tambah lebih dari satu pertiga pelajar-pelajar di persekolahan kita ini. Ini adalah satu masalah untuk kita membangunkan modal insan Tuan Yang di-Pertua, apakah telah silap dalam persekolahan kita Tuan Yang di-Pertua? Saya nak baca cadangan-cadangan berikut, satu *early intervention*. *Early intervention....*

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Yusoff:** Minta laluan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ok....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ok, sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Yusoff:** Yang Berhormat angka yang diberi makna dia, *underachiever* ataupun *drop-out* lebih kurang 30 percent dan setelah daripada *drop-out*, mereka terus menjadi *drop-out* kerana mereka tidak ada kerja. Soalan saya ialah antara faktor menyebabkan mereka tidak berusaha dan tidak bekerja kerana kita ghairah membawa pekerja-pekerja asing daripada luar, pekerja-pekerja yang sepatutnya boleh dibuat oleh *drop-out* tetapi telah diambil oleh mereka yang teruk daripada *drop-out*, daripada negara luar, apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin pendatang asing itu yang ambil pekerja-pekerja yang boleh diisikan oleh *drop-out* kita, tetapi dalam kajian kementerian tujuh perkara yang menyebabkan *drop-out* itu adalah satu, sikap murid, disiplin. Nombor dua, prestasi murid dan juga kemiskinan, satu lagi sistem pendidikan, satu lagi masalah keluarga, masalah sosial dan juga dalam kajian kami mencari kerja juga adalah salah satu yang menyebabkan keciciran. Peratusan yang besar itu mesti

ditangani dan cadangan saya nombor satu *early intervention* Tuan Yang di-Pertua. Ini cadangan setengah dari saya dan setengah dari bengkel tadi yang saya sebut, "*early intervention*". Kita dah tak payah tunggu sampai UPSR atau PMR atau SPM untuk menentukan sesetengah pelajar kita tidak tahu 3M.

Darjah satu sudah kita tahu yang murid-murid itu sudah lemah, *early intervention*. Campur tangan pada peringkat yang awal, darjah satu kita bagilah kebolehan supaya mereka boleh ikut tak sampai SPM yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wan Nordin itu.

Yang kedua saya nak sebut juga *ownership* bagi sekolah, pihak sekolah. Kalau selalunya sekolah membanggakan murid-murid yang dapat A, sekolah-sekolah juga patut mahu ambil milik (*ownership*) untuk sekolah-sekolah yang lemah, sekolah-sekolah yang akan circir, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kementerian dapat menentukan satu kadar, satu untuk kurangkan murid-murid yang lemah itu seperti menggunakan 10% satu tahun supaya perhatian dapat diberi kepada murid-murid yang lemah ini dan juga satu P&P yang berasas kepada modul Tuan Yang di-Pertua. Untuk murid-murid yang lemah itu, kita beri satu modul 3M, macam mana nak belajarkan 3M dulu. Lepas itu, baru modul nombor dua dan modul nombor tiga supaya pembelajaran mereka dapat dipelajari dan juga dapat menguasai 3M, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi cadangan adalah kelas peralihan, Tuan Yang di-Pertua. Kelas peralihan pada masa ini hanya dituntut oleh pelajar yang agak lemah dari aliran SJK, ada SJKC atau SJKT. Tetapi murid-murid yang lemah di sekolah kebangsaan terus melanjutkan pelajaran di tingkatan satu. Saya harap kementerian boleh mengambil kira murid-murid yang lemah ini dapat juga masuk ke sekolah peralihan supaya prestasi mereka dapat dipertingkatkan sebelum mereka masuk ke tingkatan satu.

Satu lagi ialah cadangan guru kaunseling, Tuan Yang di-Pertua. Terutama guru kaunseling yang berada di Sekolah Menengah Rendah di mana murid-murid dari sekolah rendah melanjutkan di sekolah menengah, saya harap guru-guru kaunseling itu dapat berbahasa ibunda kepada pelajar-pelajar - guru kaunseling itu - supaya murid-murid yang lemah itu dapat mendapat kaunseling yang betul. Murid-murid yang lemah dalam pelajaran itu selalunya lemah dalam bahasa. Saya harap guru-guru itu dapat berbahasa Mandarin, berbahasa Tamil, berbahasa Orang Asli, dan juga berbahasa orang Kadazan supaya dapat berkomunikasi dengan murid-murid yang lemah itu, Tuan Yang di-Pertua. Dan juga satu .....

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan. Terima kasih. Berdasarkan kepada pelajar-pelajar yang lemah ini, kaunseling - ia tidak memerlukan pengajaran untuk budak-budak pelajar yang lemah. Tapi dia memberi kebanyakan teknik-teknik belajar, motivasi. Tapi pada fikiran saya, pandangan saya, guru-guru pemulihan perlu dihantar ke sekolah yang berkenaan terutama di sekolah-sekolah yang di luar bandar. Dan juga diberi satu insentif seperti guru-guru yang mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Dengan cara ini, tersebut dapat meningkatkan keupayaan dia, penguasaan mengajar P&P dalam 3M ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih. Ya, guru kaunseling, guru pemulihan itu adalah penting. Yang penting untuk membantu murid-murid yang lemah itu, terutama pemulihan bukan dari segi P&P, Tuan Yang di-Pertua. Pemulihan iaitu merangkumi satu pertukaran. Orang-orang Osli itu adalah pertukaran budaya. Itu juga patut diambil kira. Kerana ini adalah pertukaran budaya yang mana cara hidup mereka dan apa juga cara hidup di sekolah. Itu adalah pertukaran. Itu juga ambil sepatutnya ambil kira juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dalam bajet ini kita juga nampak satu COLA diberikan untuk orang-orang hidup di bandar. Tapi orang-orang yang berkhidmat di pendalaman, saya harap juga diambil kira. Guru-guru yang berkhidmat di kampung-kampung Orang Asli pendalaman adakah satu elaun kesengsaraan diberi juga supaya kepayahan mereka itu dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membangunkan modal insan, saya nampak satu gejala sosial yang baru. Satu gejala sosial yang baru yang akan dan juga sedang menjahanamkan generasi muda kita, Tuan Yang di-Pertua. Di surat khabar hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan kebenaran, ini *China Press* di mana ini *headline* satu pelajar tingkatan empat berumur enam belas tahun membunuh diri kerana yang dia main *computer game* itu, dihadkan 7 jam sahaja. Oleh sebab *computer game* itu dihadkan itu dia membunuh diri, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dihadkan oleh siapa?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dihadkan oleh siapa? Sama ada oleh ibu bapanya ataupun siapa-siapa, Yang Berhormat...

**Tuan Lee Sing Chooi:** Dihadkan oleh bapanya. Ini penagih-penagih *game computer*. Sudah jadi satu, satu gejala sosial yang baru, Tuan Yang di-Pertua. Ini telah melibatkan pemuda-pemuda, murid-murid dan juga pelajar-pelajar kita. Dulu kalau nak

main *computer game*, berada di *Cyber Cafe* Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini *computer game* itu boleh dimain di mana-mana, di rumah kerana sekarang teknologi sudah dipertingkatkan di mana ada *game* yang kata iaitu *message multi player on line game* (MMOG) atau *message multi player on line role playing game* (MMORPG) di mana dia ada *role playing* semua, dia ada *game* itu. *Computer game* yang ada sekarang ini kita kena kaji. Kena kaji, adakah ini satu dadah mental yang baru?

Adakah ia satu ketagihan? *Is it an addiction?* *Computer game* ini boleh jadi satu *addiction* atau tidak? Nampaknya ada. Komputer yang baru ini ada *addiction*. Kedua, kalau ada *addiction*, adakah ia dibolehkan yang meliputi orang ramai. Ramai pemuda-pemuda sekarang ini telah bermain *game computer* berjam-jam dan murid ini juga satu ketika bermain komputer 18 jam satu hari. Bila dihadkan 7 jam sahaja dia sudah nak membunuh diri. *I think* Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu *weak of core* dalam pembinaan produk insan di mana generasi baru kita ini telah menghadapi satu dadah mental di mana ini kita patut ambil perhatian. Kementerian-kementerian yang bagi fakta kepada saya semalam untuk soal jawab dia kata kerajaan sedar tentang kesan negatif permainan-permainan komputer atau *game* MMOG atau MMORPG di kalangan pelajar dan remaja di internet.

Di antara kesan-kesan yang dikenal pasti ialah remaja yang terlibat dengan permainan ini akan mengalami gejala ketagihan permainan *computer games* untuk jangka masa yang lama dan tidak produktif. Takut ini adalah satu, di mana kita yang juga kementerian tidak sedar ini adalah suatu yang boleh *addiction* atau faktor *addiction* apa kita kena buat. Apa.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tertarik kepada perkara tadi tentang pelajar tadi, siapa yang patut dipersalahkan? Adakah kita hendak menyalahkan bapa pelajar tersebut di mana anaknya meminta bapa tadi untuk mempertingkatkan komputernya atau *upgrade* komputernya. Tetapi permintaannya tidak dilayan sehingga pelajar tersebut mengambil tindakan untuk menaruh wayar elektrik di lengannya dan beliau mati kerana *electrocuted*, kejutan elektrik tadi. Jadi dalam hubungan ini, adakah kita hendak persalahkan bapa pelajar tersebut atau hendak menyalahkan Kementerian Pelajaran dalam perkara sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Siapa yang bertanggungjawab, saya ingat kalau seorang itu jadi penagih dadah atau penagih

*computer games*, pemikiran dia itu sudah tidak rasional. Jadi penagih itu sudah tidak rasional. Maka, langkah-langkah yang diambil itu memang tidak rasional.

Yang kedua iaitu dengan adanya *games* macam itu, apakah kerajaan kita, peranan kerajaan untuk bagi jawapan atau resolusi untuk situasi macam ini. Yang ketiga juga, sistem sosial sekarang ini. Ibu bapa pergi kerja dan juga tinggalkan anak-anak di rumah. Di masa yang dia ada itu, *family tie* itu ada kekurangan sekarang ini. Maka kita perlu cari, kalau untuk mencari apa yang dia hendak itu dan juga sekarang ini kita tidak membawa anak-anak pergi ke taman, pergi ke mana-mana, luar aktiviti supaya mengukuhkan lagi *family tie*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya terlupa tadi masa yang dihadkan 15 minit sahaja.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, banyak lagikah Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya. Dengan ini saya harap Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan juga masyarakat dapat mengambil supaya fenomena dan juga penagih dadah yang terbaru ini dan dapat dianalisa, *direveal* dan juga dapat *resolution* macam mana hendak menangani gejala sosial yang baru ini. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

**3.14 ptg.**

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahar suatu akta yang menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006, sejumlah RM81,120,057,730 daripada Kumpulan Wang Disatukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba mengambil masa setepat mungkin iaitu masa yang diperuntukkan selama 15 minit dengan syarat tidak ada kacau ganggu daripada rakan-rakan saya. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian B.62 dan juga B.61 yang merupakan isu yang masih hangat diperkatakan di negara kita. Pada hari ini apabila ada sebuah parti politik, saya tidak mengatakan parti politik tetapi dua pemimpin daripada parti politik berkenaan telah membuat kononnya mereka adalah pejuang *human rights*, dengan izin yang cukup hebat di negara kita ini.

Tetapi apabila kita melihat satu isu yang telah dibangkitkan di Parlimen yang mulia ini iaitu di Dewan Rakyat, saya ingin bertanya kepada dua pemimpin berkenaan,



kalau sekiranya perkara ini terjadi kepada gadis yang berbangsa lain, adakah isu ini akan digembar-gemburkan ataupun diperbesarkan? Itu masalah saya hendak tanya kerana ada masalah-masalah ataupun peristiwa-peristiwa yang melibatkan perkara-perkara seperti mana yang dibangkitkan oleh Dato' Azizah Samad tadi iaitu masalah polis yang kena dera dalam lokap seperti ada polis yang diikat. Polis wanita yang diikat. Ada polis wanita yang ditikam dan termasuk ada penagih dadah yang menggigit konstabel polis wanita. Tetapi perkara ini tidak pernah dibawa untuk pengetahuan umum, seolah-olah yang menjadi kepentingan parti berkenaan dibawa dan didedahkan seperti mana yang jadi pada hari ini sedangkan dari segi faktanya benda itu sebenarnya sama sekali tidak pernah berlaku dalam masyarakat dan negara kita.

Apa yang menyedihkan kita ialah perkara ini melibatkan hubungan kita dengan dunia antarabangsa. Bukan hanya melibatkan diri kita ataupun masalah dalaman negara tetapi melibatkan dunia antarabangsa. Bersusah payah kita mengeluarkan wang jutaan ringgit untuk kita buat promosi pelancongan, menarik pelancong datang ke negara kita, tetapi dimusnahkan oleh petualang-petualang yang mengaku bahawa mereka merupakan pejuang *human rights* yang cukup hebat di negara kita ini. Ini yang kita cukup sedih Tuan Yang di-Pertua. Jadi pada hari ini, saya merasakan bahawa tindakan sewajarnya perlu kita ambil kepada mereka yang terlibat, yang merupakan orang-orang yang telah diberi kepercayaan oleh rakyat dan kita mahu rakyat menilai pemimpin serupa inikah yang memimpin sebuah organisasi politik serupa ini yang patut lagi diberi kepercayaan oleh rakyat dalam pilihan raya yang akan datang. Yang ini yang kita hendak kena tengok bahawa rakyat mesti wajar menilai siapa yang merosak dan memusnahkan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita minta semua pihak bahawa perkara ini telah pun dimaklumkan, sedangkan dalam CNN telah memaparkan berita bahawa Malaysia ini pelik sangat. Kita pohon maaf kepada sesuatu yang tidak pernah kita lakukan dalam hidup kita. Kita pohon maaf benda yang kita tidak buat. Selepas itu kita hantar Menteri, Menteri kanan, Menteri Dalam Negeri pergi ke China, pohon maaf atas satu peristiwa yang mana tidak melibatkan rakyat China sama sekali dalam peristiwa berkenaan. Begitu juga apabila.....

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Silakan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat, dalam isu ini ada dua kumpulan malaun yang saya hendak tanya, dengan izinlah. Satu malaun polis yang buat rakaman, selepas itu dia membiarkan rakaman itu, tidak kiralah rakaman itu untuk diri dia untuk apa, tetapi membiarkan rakaman yang dibuat itu terkeluar. Itu yang pertama.

Yang kedua, malaun daripada parti pembangkang ini, yang membawa wanita China yang telah membuat andaian bahawa dalam video itu ialah wanita daripada Tanah Besar China dan menjadikan berita ini keluar, heboh ke dunia sehinggakan pelancong daripada China pun menurun. Antara dua malaun ini Yang Berhormat, yang mana yang dosa besar? Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Sebenarnya yang berdosa besar yang kedualah Yang Berhormat, yang kedua. Yang pertama dia melibatkan kemungkinan naluri dia yang memang dia hendak tahu sesuatu dan dia hanya mungkin dalam peringkat main-main, tapi yang kedua ini berdosa besar dan dia buat salah kepada negara, yang kedua ini yang patut dipersalahkan sangat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail bin Kasim:** Jadi.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta laluan. Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dr. Hajai Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat saya sebenarnya agak hairanlah, yang kedua ini siapa sebenarnya? Kita kena beritahu, kita kena nyatakan. Saya baca surat khabar hari ini, Lim Kit Siang pemimpin pembangkang, dia seolah-olah hendak mengalihkan kesalahan itu kepada suatu pihak yang lain pula. Dia kata bahawa polislah yang menjadi masalah kerana begitu lambat untuk mendedahkan identiti orang yang sedemikian.

Sekarang ini seolah-olah saya takut kita pula yang terperangkap iaitu mencari orang lain sebagai *scapegoat* dengan izin untuk mengalihkan daripada isu yang sebenarnya iaitu bahawa isu yang bahawa imej negara sudah dirosakkan oleh tindakan orang yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua pagi tadi iaitu innuendo ini iaitu salah tanggap, salah tanggap yang berpunca daripada tindakan Teresa Kok yang menunjukkan video klip gunakan Parlimen bawa warg negara daripada negara China.

Saya harap dalam soal ini biarlah kita berterus terang nyatakan dan kita minta seperti mana permintaan asal tadi iaitu pertama Teresa Kok dan sebagainya mesti minta

maaf kerana mereka telah menimbulkan salah tanggapan yang merosakkan keseluruhan imej negara dan yang kedua tindakan tegas mesti diambil pada mereka ini yang juga merosakkan imej polis. Sebab itu kita kena terus terang, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih kepada sahabat saya, saya baru masuk *gear 1*, tapi kawan-kawan dah minta laluan, tidak sampai hati saya untuk menghampakan hasrat rakan-rakan. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat dengan tindakan yang patut diambil pada Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh atas tindakan kerana benda itu pun dilihat berlaku di peringkat membelakangkan. Cuma pada tanggapan kerana dia nak menjadikan benda ini dia niat dia, nawaitu dia di peringkat awal, dia bukan niat nak bagi benda ini jadi baik, dia nak buat sesuatu yang memberi *mileage* dengan izin kepada perjuangan dia, kepada parti dia, itu niat dia nak buat. Kalau dia ikhlas, benda ini boleh diperbincangkan, di Parlimen ini bukan ada saluran perbincangan terbuka macam ini, jawatankuasa itu, jawatankuasa ini, banyak jawatankuasa yang kita boleh bincang dulu sebelum kita bawa sebelum kita ketengahkan isu ini. Bukan setakat kita hendak bahaskan terus di Dewan yang mulia ini, tapi sebab niat sudah tidak betul di peringkat awal, dan cuba mengambil keuntungan daripada apa yang berlaku, kot-kot orang boleh menilai, ini perjuangan kami, ini *human right* yang kami perjuangkan maka inilah yang berlaku pada hari ini.

Banyak pihak terpaksa menurut keadaan itu disebabkan oleh hendak jaga kepentingan walaupun soalan ini dikemukakan Dewan termasuk Datuk Syed Ali, sahabat saya, jiran saya yang dikasihi ini bercakap. Menteri hendak jawab pun kadang-kadang terpaksa menjawab dalam begitu *apologetic*, begitu diplomatik, halus sangat laluan takut-takut, kot-kot kita menjawab ini menimbulkan perasaan sensitiviti yang tidak senang boleh mengurangkan lawatan pelancong ke negara ini dan sebagainya, ini berlaku.

Sedangkan prosedur itu merupakan prosedur biasa yang dilakukan. Kalau kita pernah malah semua rakan-rakan ini pernah ke luar negeri dan pernah melalui benda yang lebih teruk daripada itu pun. Bukan setakat diperiksa oleh....., kita ini lelaki diperiksa oleh polis lelaki atau imigresen lelaki ataupun kastam lelaki, malah kastam perempuan *check*, malu-malu kita menghadapi keadaan itu. Tetapi prosedur biasa di negeri mereka, kita tidak pernah mempertikaikan. Sebab itu dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehlah diletakkan kesalahan 100%. Apabila Jawatankuasa Inkuiri

membuat penyiasatan memanggil semua saksi-saksi dan kesimpulan telah dibuat, kita lihat masih lagi ada *argument* daripada kumpulan ini dengan mereka melantik *lawyer* untuk membela seolah-olah kenyataan yang mereka buat itu betul.

Tapi apabila didapati benda ini tidak benar, maka tidak ada, masing-masing telah membuat penafian terbuka di akhbar bahawa mereka tidak pernah mengatakan bahawa gadis yang berbogel dalam imej yang dipaparkan dalam skrin berkenaan adalah berasal daripada China. “Ini lempar batu sembunyi tangan”, inilah yang memang kerja mereka dok buat selama ini pun. Kesilapannya benda ini telah terdedah kepada umum sejak sekian lama. Rakyat, pelajar, kanak-kanak, orang kampung, macam mana kita hendak betulkan keadaan ini? Sekarang mereka sudah tahu, sudah faham ini, oh! ini kerja polis, bogel orang, bogel tangkap, bogel telanjang dan sebagainya. Tetapi prosedur ini tidak pernah diterangkan untuk kita mendapat maklumat dan gambaran sebenarnya yang sepatutnya diketahui oleh umum. Biasanya macam inilah, kalau sesuatu itu hendak bagi orang musnah, hendak bagi lingkup, tetapi yang hendak perbetulkan, tidak ada orang yang akan memperbetulkan. Inilah hakikat yang berlaku dan kita tidak mahu.....

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Jiran, jiran, sila.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Apa yang telah kita perkatikan hari ini mengenai dengan warga Cina ini, kita melihat hari ini semua buat penafian, sesiapa pun tak kata dia warganegara China, tetapi apabila membuat kenyataan akhbar, pihak DAP (pembangkang) telah membawa empat wanita warga China di lobi Parlimen. Apa pandangan Yang Berhormat dan apa motif mereka membawa empat warga wanita China ke Parlimen dan hari ini mereka menafikan bahawa *video* yang ditayangkan itu, mereka katakan warga China. Sebenarnya niat mereka adalah untuk membuktikan bahawa itu warga China. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, mereka membawa empat wanita China ke Parlimen?

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih sahabat saya Datuk Wira Syed Ali, memang wira pun Datuk Syed Ali ini. Saya dah kata tadi niat nak mendedahkan perkara ini dah dirancang terlebih awal, hendak buat sesuatu supaya hendak mengesahkan bahawa yang terlibat ini adalah empat wanita daripada China.

Prosedur biasa saya sudah kata tadi, kawan-kawan saya *lawyer*, ada sahabat saya Yang Berhormat Tay, polis lagi, lepas itu polis hendak jadi *lawyer* lagi. Mungkin Yang Berhormat Tay terlibat dalam, sudah jadi, sudah tahu sangat dalam jenayah ini, prosedur-prosedur polis sebab itu bila sebut tentang polis, Yang Berhormat Tay tetap bangun membela keadaan ini. Prosedur ini biasa dan tidak pernah tergambar dalam kamus hidup kita bahawa polis Malaysia ini adalah hendak diletakkan *rating* dalam dari segi kekejaman, kezalimannya seperti mana dipaparkan dalam berita-berita yang dibuat oleh polis di negeri lain.

Kita lihat kesalahan-kesalahan kecil, pendatang haram dipukul, ditendang dan seterusnya ditembak, dibunuh, yang dibuat secara terbuka tapi benda-benda macam ini sebab dibuat di negara lain dan tidak ada kepentingan diri ataupun kepentingan tertentu bagi imunitas parti masing-masing maka benda ini tidak perlu diketengahkan. Tapi kalau yang ini memang ada niat, sebab itulah dia bawa empat orang itu, pasal apa hendak bawa empat orang itu? Sedangkan kita belum ketahui perkara yang melibatkan telanjang bogel dalam imej itu, belum tentu lagi yang melibatkan orang China, sedang di tubuh....., makna kerajaan sentiasa peka, sensitif, tambah lagi Yang Amat Berhormat Pak Lah, sebaik sahaja tahu perkara ini, dia rasa malu sangat kerana dilakukan oleh polis dia. Dia suruh Datuk Azmi pergi minta maaf.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Minta laluan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Sila Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Ismail Kasim ini, sahabat saya. Bila kita persoalkan tentang Yang Berhormat Teresa Kok yang membawa isu ini dalam Parlimen. Mungkin benar isunya bahawa polis menggunakan satu kaedah yang sepatutnya tidak digunakan kepada manusia biasa. Isunya sekarang kalau kita dengar daripada polis, ini adalah satu perkara biasa, amalan biasa. Kalau seseorang ditangkap, ada *suspect*, amalan biasa. Itu kalau kita tengok daripada isu di mana seseorang ditangkap dan diperiksa seperti amalan yang dibuat oleh polis.

Yang saya nak tanya Yang Berhormat ini sebenarnya bukan isu amalan itu, isu tadi yang seperti sahabat Yang Berhormat Tajul kata, dosa orang yang mengambil gambar. Dosa orang yang mengambil gambar, satu bab, yang keduanya bagaimana gambar itu boleh dapat ke tangan Teresa Kok, dia kata orang menghantarkannya.

Kalau seseorang yang menerima gambar pornografi dan simpan tanpa pengetahuan sesiapa, kita kata mungkin seorang pun tidak tahu, jadi tidak ada niat jahat di sebalik menyimpan gambar itu. Jadi kita tidak tahu. Tiba-tiba Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim datang ke Parlimen bawa isu ini dan tunjuk gambar pornografi ini padahal dia tidak tahu orang yang sebenarnya itu adakah orang yang empat orang yang dibawanya ataupun gambar orang luar daripada empat orang ini. Maka ini menunjukkan dia membawa satu gambar yang disyaki sebagai satu gambar yang disimpan oleh Puan Teresa Kok Suh Sim.

Boleh atau tidak kita katakan Puan Teresa Kok Suh Sim menyimpan gambar pornografi semata-mata untuk niat mempergunakannya bagi merosakkan imej negara sehinggakan hari ini membabitkan negara kita sehingga terancam seolah-olah negara ini begitu kejam kepada pelancong-pelancong dalam negara kita. Ini persoalannya sekarang. Jadi kalau itulah yang kita hendak supaya rakyat tahu, saya hendak tanya Yang Berhormat, apa patut rakyat buat terhadap Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim ini.

Kita minta supaya kerajaan buat sesuatu terhadap dia kerana saya merasakan dia boleh lari dengan mengatakan bahawa niatnya yang sebenar adalah hendak membuktikan bahawa polis menggunakan amalan yang kurang baik terhadap mereka yang ditangkap atau di dalam lokap dan sebagainya. Jadi itu menimbulkan bermacam-macam lagi isu. Jadi saya hendak tanya, apa patut rakyat buat terhadap seorang yang dikatakan pengkhianat dalam negara? Itu permintaan saya, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih kepada kekanda saya. Pertama kalau mengikut keadaan sekarang dia perlu kalau ikut Parlimen, kalau dia *repeat* di luar Parlimen kita boleh ambil tindakan yang berkaitan dengan Parlimen seperti pergantungan dan sebagainya. Itu kesan segera yang boleh dibuat oleh pihak kerajaan. Yang kedua, tindakan kerana menyimpan gambar pornografi. Dualah kesalahan.

Yang ketiga kita hukum dia dalam pilihan raya kalau dia bertanding lagi kerana Seputeh itu harus diperintah oleh pemimpin Barisan Nasional yang lebih telus dalam memperjuangkan perkara ini. Betul tidak betul? Yang ini kita tengok, ketiga. Tetapi yang ketiga itu sahaja saya kata. Pertama dan yang kedua ini perlu diambil tindakan yang segera atas seperti mana Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin timbulkan tadi. Walaupun dia ada niat hendak betulkan sebab benda ini terlalu subjektif.

Kalau di peringkat awal niatnya lain tetapi bila sudah berlaku benda yang sepatutnya yang dia sendiri tidak menyangka akan berlaku keadaan seperti ini, dia boleh menyangkal perkara ini dan penafian telah dibuat dalam akhbar semalam, *Utusan Malaysia* semalam dia tidak pernah menyebut bahawa wanita itu berasal dari China.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya cuma hendak memperingatkan bahawa masa 15 minit tadi sudah cukup untuk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Boleh saya minta laluan sekejap.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Sebelum saya bagi....

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya akan bagi Dato' Haji Idris bin Haji Buang, sahabat. Saya memang cukup minat Sarawak ini. Jadi kita akan bagi kepada Dato' Haji Idris bin Haji Buang kerana kawan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata tadi sebab *plus* kacau ganggu saya belum bercakap lagi sebarang apa cuma satu kementerian sahaja. Jadi Yang Berhormat dalam hal ini saya pun mempertimbangkan kawan-kawan, walau bagaimanapun sebab saya menghormati Tuan Yang di-Pertua saya bagi peluang sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang dan saya tidak dapatlah sampai berbahas rang undang-undang yang banyak hendak saya sampaikan yang melibatkan kementerian yang lain. Silakan.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya fasal Puan Teresa Kok Suh Sim ini kalau kita hendak kaji *commonsense will tell us*, dengan izin. Kalau dia bawa VCD itu tanpa membawa warga asing dengannya mungkin niat dia itu boleh kita terima dengan baiklah. Tetapi bila dia bawa orang asing khususnya orang dari negeri China, kita boleh bawa kesimpulan iaitu dia sengaja hendak memperbesarkan dan hendak melagakan negara kita dengan China. Sebagai seorang Yang Berhormat yang memegang jawatan di Parlimen, kita patut menerima kesimpulan dan dia harus bertanggungjawab dan tanggungjawab itu adalah di peringkat tinggi.

Jadi kesimpulannya dia harus tahu risiko dan sensitiviti, dengan izin, yang boleh timbul daripada perkara sedemikian. Jika itu kesimpulan kita, maka dia harus tahu kerosakan yang akan menimpa negara kita seperti yang telah digembar-gemburkan itu sampai kita minta maaf ke negeri China. Kita tahu kita menjaga *relationship*, dengan

izin, dengan negara-negara seperti China kerana kita banyak pelaburan dengannya, dia pun banyak pelaburan dengan kita dan dari segi global, kita adalah berkawan baik dengan negeri China.

Maka Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim patut peka dan prihatin tentang maruah bangsa, maruah negara kita supaya jangan diperjudikan dan seharusnya tidak patut dia membawa ke tengah media massa dan media dunia melainkan setelah membuat pemeriksaan dengan teliti dengan baik, baru boleh kita anggap dia telah melaksanakan tugasnya sebagai seorang yang bergelar Yang Berhormat.

Jadi dipendekkan ceritanya saya minta Yang Berhormat membalas sedikit pendapat saya ini supaya sengaja atau tidak sengaja, dia patut dihukum. Undang-undang mungkin seperti kata Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, mungkin dia dapat lari. Tetapi rakyat Malaysia patut menghukum. Rakyat Malaysia patut menilai berapa jahatnya niat seseorang dalam politik terhadap bangsanya sendiri seperti mana yang telah berlaku. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang. Jadi pada saya, Dato' Haji Idris bin Haji Buang, apa yang patut diambil tindakan mesti diambil tindakan dengan segera dan setegas-tegasnya oleh kerajaan dalam perkara ini dan saya amat setuju dengan pandangan yang diberikan oleh Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa kecederaan untuk masa kawan-kawan seminit seorang, lima minit, Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik perhatian bagi B.45 peruntukan sejumlah RM276 juta iaitu berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya rasa kalau tidak sentuh ini adalah benda yang lama sudah saya hendak tanya soalan tambahan pun tidak dapat kerana Tuan Yang di-Pertua tidak bagi pagi tadi. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Lima minit sahaja. Saya minta *injury time* seminit, seminit, seminit dari kawan-kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga minitlah Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tiga minit. Terima kasih, saya akur Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak lihat, Tuan Yang di-Pertua, tentang pemasaran sukan negara. Kita ini sebenarnya telah berjaya dari segi menyediakan prasarana *world class* yang cukup hebat dan juga pemasaran aktiviti sukan yang cukup hebat. Ertinya kita telah menganjurkan kejohanan di peringkat tempatan yang bertaraf antarabangsa



yang boleh disaksikan lebih daripada 184 juta penonton di seluruh dunia hasil wujudnya pakat perikatan strategik di antara Kementerian Belia dan Sukan dan ESPN Star Sport yang kadang-kadang kita lihat *live* bola sepak ini ditaja oleh Malaysia Airlines. Pertandingan bola sepak tempatan *live* dia tidak taja pun. Dia pergi taja semua EPL (*English Premier League*). Tidak apalah, mungkin dari segi hendak promosikan. Tetapi banyak benda yang boleh dipertikaikan dalam hal.

Cuma tahniah diucapkan kepada Menteri Belia dan Sukan kerana telah berjaya membuat perikatan strategi ini untuk mewujudkan lebih banyak kejohanan tempatan yang melibatkan lapan sukan teras seperti mana yang telah membuat liputan secara meluas menerusi ESPN dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dengan infrastruktur yang bertaraf dunia dan pemasaran sukan yang tidak kurang hebatnya, kita sebenarnya walaupun telah diumumkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan tadi banyak kejayaan dicapai di peringkat dunia.

Saya lihat badminton misalnya, hoki, kita masih lagi ketinggalan seolah-olah menjadi harimau yang sudah tidak ada taring apabila kita hanya berjaya melahirkan satu dua atlet bertaraf dunia dan di mana kesilapan kita dalam hal ini kerana kita terlalu menumpu kepada infrastruktur sukan dan pemasaran tetapi pembangunan sukan di akar umbi yang sepatutnya kita beri perhatian yang sewajarnya tetapi kita kurang dalam hal ini ataupun kepimpinan sukan yang profesional dalam persatuan-persatuan sukan juga kita kurang.

Cuma kita sebenarnya bukan ketandusan bakat. Kita lihat dalam beberapa persatuan sukan, masalah pengurusan dan kepimpinan telah menunjukkan perkembangannya yang sungguh menggalakkan supaya kepimpinan dalam Kelab Formula Future Malaysia yang dipimpin oleh sahabat saya sebelah ini, Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee yang telah melahirkan juara muda Kejohanan Formula Future ini dua kali berturut-turut di Lisbon dan satu lagi di Perancis. Dua tahun sebagai juara dunia.

Saya minta kerajaan supaya mempertimbangkan adik-adik yang masih muda ini untuk mereka bersaing di kelas yang lebih tinggi seperti Formula 3, formula 2 dan Formula 1 dan sebagainya. Difikirkan juga ganjaran yang bersesuaian untuk mereka menjadi atlet yang cemerlang seperti mana yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet dalam Kemajuan Sukan Negara.

Kejayaan Nicole David kita ucapkan tahniah dan kita minta selain daripada insentif yang diberikan oleh kerajaan, juga kita harus berikan ganjaran yang berterusan seperti pencen yang bersesuaian yang harus ditawarkan kepada atlet yang telah mengorbankan masa remaja belia untuk mencapai tahap menjadi pemain nombor satu dunia dalam bidang skuasy ini dan begitu juga kita mahu usaha untuk memartabatkan sukan negara ini demi masa depan atlet ini diberi tumpuan sepenuhnya dan juga kebajikan mereka hingga mereka dan keluarga di jaga sepenuhnya oleh kerajaan bagi kita melihat bahawa kejayaan yang kita capai bukanlah kejayaan sementara sebaliknya kerajaan berterusan yang menjadikan Malaysia gemilang dan terbilang di persada antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maaflah, semasa Yang Berhormat tengah stim tadi, masa sudah cukup. Seterusnya silakan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Lepas itu saya minta Puan Siti Zailah untuk bersedia.

### 3.42 ptg

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Bismillahirrahmannirahim, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kerana diizinkan turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dinamakan suatu Akta Perbekalan 2006 yang melibatkan pengeluaran bajet sejumlah RM81,120,057,730. Sebagai pendahuluan ucapan saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia dan juga selaku Menteri Kewangan yang mana telah pun membentangkan bajetnya pada bulan September tahun ini di Dewan Rakyat manakala di Dewan Negara dibentangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop. Di sini kita dapat rasai strategi yang telah diaturkan oleh negara dalam mencapai pembentangan bajet tersebut melalui empat strategi yang mana saya tidak bercadang untuk menyebut secara detail.

Walau bagaimanapun, impaknya telah pun terbukti sambutan dan sokongan rakyat telah diperolehi melalui kemenangan pilihan raya kecil di Pengkalan Pasir baru-

baru ini di mana ombak biru telah pun melanda Kelantan. Untuk itu saya hendak mengucapkan tahniah dan syabas kepada pucuk kepimpinan Barisan Nasional peringkat pusat dan juga peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak juga menyatakan di sini satu peristiwa di mana dalam Dewan yang mulia ini satu keajaiban, satu keistimewaan suatu perkara yang mungkin luar biasa yang belum pernah berlaku dalam sejarah mana-mana negara di dunia ini ataupun mungkin tidak akan berlaku dalam masa 500 tahun yang akan datang. Maksud saya perkara yang ingin saya utarakan di sini ialah sama ada kita sedar atau tidak akan signifikannya, bertuahnya negara kita pada hari ini di mana Malaysia di bawah kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Pengerusi Barisan Nasional dan pada masa ini telah pun diiktiraf dunia menjadi Pengerusi kepada tiga pertubuhan yang terbesar padahal kita adalah sebuah negara yang kerdil. *[Tepuk]*

Kita tahu jawatan Pengerusi yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri pada ketika ini ialah Pengerusi OIC yang merangkumi 57 negara dunia, manakala Pengerusi NAM mewakili 120 negara dunia manakala Pengerusi ASEAN juga mewakili 10 negara yang kesemuanya melibatkan hampir 2/3 penduduk seluruh dunia Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah kita merasa bangga akan satu perkara yang pada fikiran saya dalam Dewan yang mulia ini harus kita rakamkan satu ucapan atau satu usul untuk menunjukkan rasa penghargaan kita, kebanggaan kita kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional pada hari ini, khususnya UMNO. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kerana mungkin sedar atau tidak, tidak akan berlaku dalam sejarah dunia akan peristiwa, seorang makhluk, seorang Pengerusi, seorang Presiden UMNO, seorang Perdana Menteri boleh memegang tiga jawatan dalam satu masa dengan suara-suara yang begitu bernas boleh dilontarkan di persada dunia dengan 2/3 keahlian negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya renung kembali kadang-kadang tohmahan-tohmahan, fitnah-fitnah yang dilemparkan ini Parti Pembangkang yang mana tidak jemu-jemu tidak tahu akan kesedaran kedudukan keistimewaan mereka di negara ini. Lantaran kadang-kadang beberapa perkara yang telah dibuat boleh menjejaskan imej dalam negara mahupun persada antarabangsa. Di dalam ucapan saya akan terkilan kalau tidak menyentuh tentang peranan PDRM yang mana hari ini telah pun dicemarkan perkhidmatan mereka oleh pihak pembangkang yang mana sedar atau tidak

telah pun menjejaskan imej negara, telah pun menjatuhkan maruah negara telah pun menurunkan tahap keistimewaan keharuman negara kita dengan melontarkan fitnah berkaitan dengan peristiwa pembogelan pelancong dari luar negara. Ke hulu ke hilir di arak untuk menunjukkan pihak PDRM telah melakukan satu kesalahan.

Secara ringkasnya rakan-rakan saya telah pun banyak menimbulkan perkara ini dan pada saya Rukun Negara telah pun menetapkan kesetiaan pada Raja dan Negara. Apakah langkah dan motif mereka sedemikian. Mereka tidak berpegang kepada prinsip Rukun Negara. Ini harus diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan dan tidak ada ampun bagi mereka yang menderhaka kepada negara. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Saya mohon Tuan Yang di-Pertua nanti bagi tambahan masa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi laluan tidak ini?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi ya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Sila.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Saya cuma pendek, hendak tanya orang yang seperti ini yang Datuk Yaakob maksudkan seperti Puan Teresa Kok Suh Sim ini, apa nama yang patut kita berikan pada orang yang seperti ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat supaya semua kita ini bersetuju dan kita berikan nama yang sesuai kepada orang-orang yang perangai tidak berapa betul ini.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Saya benarnya, bagi orang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua tidak ada satu istilah sesuai pada mereka. Pada hati kecil saya, mereka adalah pembelot negara dan Yang Berhormat mungkin boleh cadangkan. Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya masih menunggu-nunggu apakah pihak sahabat-sahabat yang saya kasihi rakan daripada PAS, saya ingin juga mendapat pandangan mereka, apakah mereka bersekongkol dengan DAP kerana tidak ada suara-suara yang mereka keluarkan ataupun mungkin saya tidak dengar, terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Silakan. Rasa cacat juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cuma satu persoalan yang timbul. Memanglah tidak patut perkara ini digembar-gemburkan dengan begitu. Cuma satu persoalan yang timbul di kepala saya ialah mengapa pihak polis sendiri mengambil masa begitu lama untuk mengenal pasti wanita di dalam video klip itu. Sepatutnya perkara ini diperjelaskan dahulu sebelum dibiarkan media mengambil kesempatan untuk melariskan akhbar-akhbar mereka dengan penampilan gambar begitu. Sekiranya pihak polis mengambil tindakan yang cepat, saya yakin perkara ini tidak akan memalukan negara kita, terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya kira di dalam mana-mana perkhidmatan setiap langkah ada peraturan dan prosedurnya, dan begitulah pihak polis apatah lagi ketat dengan disiplinnya. Dan mereka juga tidak boleh selantang ataupun semelatah dalam mengeluarkan apa-apa *statement* melainkan melalui prosedur yang telah ada dalam perkhidmatan polis.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Saya juga hendak tengok pandangan Yang Berhormatlah. Apakah seseorang yang kita panggil pembelot ini dia kena makan masa sehari, dua hari, tiga hari. Kalau dia sudah belot tidak kiralah polis ambil masa tiga, empat hari, tiga bulan, empat bulan, empat tahun pun, tetapi dia sudah belot, dalam masa sejam pun dia boleh belot, macam mana Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Mr. Presiden. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua istilah "belot" ini apabila impaknya, kerosakannya, "*damaged done*"nya terlalu serius melibatkan bukan peringkat dalaman negara, tetapi di peringkat antara kaum telah pun wujud perasaan marah kerana ini melibatkan *racialist*, soal perkauman. Yang dituduh seolah-olah PDRM yang telah saya sebutkan 99% adalah orang Melayu.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat saya minta laluan seminit sahaja Yang Berhormat. Tidak sampai seminit Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Saya rasa ini subjek yang penting untuk negara merosakkan maruah negara saya ingat saya izinkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Omar.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat tadi ada sebut tentang *racist* dan sebagainya, saya hendak bagi tahu dekat Yang Berhormat saya tadi datang lewat sedikit sebab saya mendapat satu cerita daripada abang saya. Dia tengok dalam internet satu perempuan yang sama ketuk ketampi dengan *background* baca ayat suci Al-Quran. Saya tengah menunggu tadi tetapi masih tidak dapat lagi, benda yang terlalu serius sehinggakan dengan agama pun dimainkan. Apa tindakan yang patut kita buat Yang Berhormat? Itu sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua telah pun dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya yang lain dan mereka yang melakukan salah tetap dan perlu diambil tindakan yang serius. Kalau ianya melibatkan pihak-pihak jabatan lain, pihak jabatan lain perlu mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sejarah PDRM telah pun terkenal mereka menggadai nyawa, sejarah komunis di mana mereka yang bertugas hari ini adalah anak cucu cicit pejuang-pejuang kemerdekaan, pejuang-pejuang yang membanteraskan gerakan komunis.

Dan di sini peristiwa-peristiwa seperti Al-Maunah, di Gerik peristiwa Sauk, bagaimana pihak polis telah dapat mencium bau gerakan KMN, bagaimana pihak polis mencium gerakan JI dan segala-galanya ini adalah melibatkan soal keselamatan negara, dan kenapakah soal-soal begini pada waktu itu tohmah oleh pihak pembangkang mengatakan sandiwara dan dunia gegar dengan peristiwa 11 September. Dan saya rasa pihak pembangkang harus dan wajib memberi penghargaan yang tinggi kepada pihak PDRM di atas jasa-jasa mereka, kerana adanya pihak pasukan PDRM ataupun pihak tentera yang mana mereka boleh tidur malam nyenyak berniaga dengan aman, bergerak secara politis begitu bahagia dan aman, bertutur tanpa - walaupun memfitnah kerajaan dengan tanpa diambil tindakan, inilah yang saya sarankan dalam Dewan yang mulia ini seperti rakan-rakan yang lain. Pada mereka yang pembelot harus diambil tindakan dan tidak boleh dimaafkan, ini bertentangan dengan Rukun Negara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh jabatan-jabatan yang lain iaitu secara ringkas sahaja iaitu Parlimen. Saya rasa yang mana Yang Berhormat pada ketika ini di Dewan Negara saya lihat mereka begitu serius di dalam menyediakan ucapan-ucapan, membuat kerja *ground work* di dalam untuk membuat perbahasan dan banyak sekali yang hendak berbahas. Tetapi masa yang dihadkan pada hari ini saya lihat kami

dibenarkan mungkin 15 minit tergesa-gesa, padahal banyak lagi yang hendak dibentangkan dan begitu juga rakan-rakan lain, kalau boleh untuk sesi yang akan datang cuba tambahkan waktu, hari, kami tidak keberatan agar diberi peluang masa yang cukup dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana telah mengendalikan Dewan Negara semenjak saya menjadi pegawai kira-kira 30 tahun yang lalu duduk di belakang-belakang sana saya melihat perkembangan, prestasi, peraturan mesyuarat yang berjalan. Dan ini adalah satu perubahan-perubahan ke arah yang lebih membina kepada Dewan Negara dan dikendalikan dengan begitu baik dan untuk itu saya ucapkan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua kerana menjalankan tugas dengan begitu baik.

Dan begitu juga Urus Setia Dewan yang tidak jemu-jemu untuk memperbaiki prestasi mereka cuma bagaimana Tuan Yang di-Pertua untuk memperbaiki perjalanan di Dewan Rakyat yang kadang-kadang wujud bukan perbahasan tetapi pertelingkahan, pertengkaran kadang-kadang sungguh memalukan apabila ada anak-anak sekolah, ada tetamu-tetamu daripada luar yang datang untuk mengikuti, jadi saya pohon kepada pihak Parlimen supaya meninjau cara-cara untuk perbaiki perjalanan Dewan Rakyat. Dan dengan pertambahan lapan orang Pegawai Penyelidik saya rasa kuotanya tidak mencukupi kerana satu nisbahnya dengan tiga puluh lima MPs. Dan saya sarankan agar ditambah sekurang-kurangnya 40 Pegawai Penyelidik di Parlimen bagi memudahkan semua MPs bertindak mendapat maklumat daripada Pegawai-pegawai Penyelidik.

Dan akhir sekali di bawah Parlimen, Tuan Yang di-Pertua saya sentuh mengenai dengan kamar kecil, *toilet*nya kalau boleh diletakkan seorang *permanent cleaner* di setiap tandas kerana penggunaannya *volumenya* terlalu banyak. Dan tidak guna kita duduk di dalam tempat yang seistimewa demikian tetapi *toilet*nya agak mentaliti *third class*, kalau boleh tetapkan seorang *cleaner*. Minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua perkara kecil tetapi impaknya, imejnya penting.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Audit Negara saya hendak sentuh di sini bagaimana Jabatan Audit Negara tidak disenangi oleh kebanyakan kementerian kerana mereka akan mencari, seolah-olah mencari kesalahan. Tetapi Jabatan Audit Negara juga adalah diberi tanggungjawab untuk menjaga perbelanjaan negara dengan

*transparency* mengikut prosedur yang ditetapkan. Di sini saya ingin mendapat penjelasan berapakah kementerian atau jabatan yang telah pun ada audit dalamannya dan berfungsi dengan baik, dan nyatakan juga jumlah kerugian apabila membuat auditan, juga hutang yang ditanggung oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan mengikut negeri. Dan juga badan-badan PKNK ataupun badan-badan kemajuan negeri yang terhutang kepada Kerajaan Persekutuan.

Menyentuh tentang Maksud B.4, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihan Raya, saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana pihak mereka senantiasa dapat mengendalikan perjalanan pilihan raya dengan begitu *transparent*, begitu adil dan begitu bebas. Walaupun mendapat kecaman daripada pihak pembangkang umpamanya baru-baru ini terbongkar mengatakan dengan membuat fitnah, dakwa sekali lagi ada pengundi-pengundi hantu.

Saya hendak nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua saya tidak membela Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi istilah “pengundi hantu” sebenarnya tidak ada di dalam kamus Suruhanjaya Pilihan Raya, kerana daftar pemilih yang disediakan adalah daftar pemilih yang bersih yang harus disemak oleh ahli-ahli politik untuk menentukan keahlian mana-mana pengundi adalah sah ataupun tidak, iaitu apabila pembentangan rang daftar pemilih dibuat untuk diperiksa. Kalau waktu itu ada pengundi-pengundi yang difikirkan tidak layak dalam daftar pemilih, mereka boleh membuat bantahan dan tidak timbul wujudnya pengundi hantu sebagaimana yang didakwa dan ditawarkan RM15,000 di Kelantan, andai kata pihak-pihak yang dapat menonjolkan adanya bukti-bukti pengundi hantu. Jadi saya sarankan dan nyatakan di sini daftar pemilih negara kita adalah di antara yang terbaik di dunia Tuan Yang di-Pertua.

Menyentuh soal Jabatan Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, suka saya memetik kata-kata Tan Sri Ketua Setiausaha Negara ialah Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam 2005, antara lainnya berbunyi iaitu dengan izin, “Rubah sikap dan budaya kerja adalah cara terbaik untuk memastikan kedudukan sektor awam dan perkhidmatan yang diberikan tidak terus ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain di dunia”. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berulang kali menyentuh soal sistem penyampaian (*delivery system*) Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan anggaran hampir mungkin satu juta perkhidmatan awam di negara kita, “Dek kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”.



Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada jabatan Perdana menteri untuk memberi apa lagi cara strategi yang boleh merubah sikap budaya kerja yang mana pada hari ini berbagai-bagai agensi turut untuk membantu bagi meninggikan tahap perkhidmatan awam di negara kita. Saya mohon pihak Ketua Setiausaha Negara lihat dan pantau dari segi semua agensi kerajaan sama ada melaksanakan penguatkuasaan dari segi undang-undang. Di sinilah perkara-perkara yang.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta izin, Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sentuh tentang Jabatan Perdana Menteri juga yakni berkaitan dengan pentingnya sistem maklumat. Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sistem maklumat yang ada pada negara kita ini masih lagi belum sempurna kerana kesempurnaan sistem maklumat akan membina ataupun membolehkan kita membuat sesuatu perancangan atau sesuatu strategi atau membuat bajet dengan lebih tepat. Andai kata maklumat tidak tepat, ertinya apa yang dirancang juga tidak tepat.

Untuk itu, saya mohon bagaimana yang kita dengar, Dato' Seri S. Samy Vellu di dalam jawapan lisannya apabila pertanyaan dibuat tentang jumlah tender bumiputera yang diperolehi di dalam tawaran-tawaran kerja JKR. Daripada jawapan yang kita lihat, 95% kerja-kerja tender JKR yang diperolehi oleh Bumiputera. *Of course* daripada maklumat tersebut, mungkin wujud perasaan tidak senang dari mana-mana pihak, dari segi kerana semuanya dimiliki oleh Bumiputera.

Saya minta pihak sistem maklumat JPM juga harus memperoleh maklumat-maklumat dari pihak swasta kerana pernah acap kali saya memohon maklumat dari pihak swasta, pihak kerajaan tidak mempunyainya. Inilah asas strategi yang kita buat, harus kita mempunyai maklumat, umpamanya saya katakan tadi iaitu bagaimana jumlah tender-tender swasta yang diberi kepada Bumiputera, tidak ada jawapan. Tetapi inilah asas-asas yang boleh kita jadikan untuk mengimbangi sama ada yang bukan bumiputera memperoleh lebih banyak ataupun pihak Bumiputera dapat banyak.

Kalau dari segi jawapannya, 95% Bumiputera dapat tender kerajaan tetapi hakikatnya berapa *percent* yang dapat dimiliki ataupun dinikmati oleh Bumiputera

tersebut, mungkin 10%. Yang lain-lainnya juga kerana sistem pembinaan dan sistem tender kita, yang lain-lain juga akan *share* keknya tetapi ini kadang-kadang maklumat yang diterjemahkan itu boleh memberi satu gambaran yang tidak tepat dan tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang beli tiket satu orang, yang boleh menonton sembilan lagilah.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya, betul itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Silakan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Berkenaan dengan sistem penyampaian maklumat itu, kerajaan ada satu sistem yang dipanggil SPP2 untuk memantau semua projek. Tetapi saya lihat SPP2 hanya diguna pakai oleh sesetengah agensi dan sepatutnya ini dilaksanakan tetapi tidak dipakai oleh semua agensi. Ini adalah satu kelemahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya, saya bersetuju sekali dengan pandangan Yang Berhormat sahabat saya. Lantaran itu saya pohon pihak JPM untuk memantau dari segi memperolehi maklumat yang tepat agar dapat menonjolkan informasi yang lebih tepat kepada semua pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulunglah sekarang.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya, saya gulung, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya gulung di bawah JPA. Banyak lagi kementerian tetapi tidak apa.

Saya ingin juga mendapat penjelasan iaitu kerana perkara ini juga agak sensitif, Tuan Yang di-Pertua dan juga saya mewakili mungkin 3,000 lebih kakitangan PTD yang mana melahirkan rasa agak kurang senang dari segi sejak akhir-akhir ini wujud penyambungan kontrak di peringkat tertinggi dalam KSU-KSU atau Ketua Pengarah. Jadi di sini saya pohon ulasan sedikit, apakah ciri-ciri istimewa yang perlu ada sehinggakan pegawai-pegawai kanan ataupun KSU boleh disambung kontrak dan ini boleh melemahkan semangat yang ada pada pegawai-pegawai PTD.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekarang penggal pertama atau penggal kedua?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Penggal senja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kedua?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna tidak boleh sambunglah.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tidak boleh sambung dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepandai-pandai Ahli Dewan Negara pun tidak boleh sambung.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum cara Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengendalikan Dewan. Untuk itu, saya mungkin minta tambah masa sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, negara kita begitu runsing kerana masalah rasuah dan sogokan. Kadang-kadang puji-pujian itu juga merupakan sogokan. *[Ketawa]* Kecuali ditujukan jurus kepada Tuhanlah. Yang itu lainlah. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang nasihat Tuan Yang di-Pertua sungguh bernas, oleh itu tambah sedikit masa lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ini menyentuh soal kenaikan pangkat di dalam perkhidmatan awam kerana mereka hampir sejuta yang menjadi anggota. Berapakah jumlah kekosongan jawatan daripada peringkat kumpulan pengurusan sehingga peringkat kumpulan sokongan pada hari ini? Yang kedua, jumlah kekosongan jawatan kenaikan pangkat kerana ada jawatan-jawatan yang kosong dipangku, dipangku, dipangku, tetapi tidak dinaikkan pangkat.

Kalau boleh saya hendak tahu juga jumlah jawatan kosong yang boleh dinaikkan pangkat tetapi tidak dinaikkan pangkat. Di dalam sistem kenaikan pangkat pun memerlukan *delivery system* kerana kalau dia *slow* naik pangkat, *slow*lah dia punya *delivery system*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menyambung....

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Oleh itu terima kasih dan saya turut menyokong Bajet 2006.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih ada ruang lagi Yang Berhormat boleh berucap di bawah rang undang-undang yang lain juga.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah.

**4.08 ptg.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Perbekalan 2006 yang melibatkan peruntukan RM81,120,057,730.

Memandangkan dengan masa yang amat terhad, saya tidak akan mengulangi apa-apa yang telah dibahaskan oleh sahabat-sahabat saya dan saya menyokong turut bersama-sama bersama dengan sahabat yang prihatin dengan apa permasalahan yang berlaku dalam negara kita dan sebagai rakyat Malaysia kita mengharapkan wang, amanah yang diberikan oleh rakyat kepada kepimpinan negara ini supaya hendaklah kita menggunakan segala ruang yang ada ini untuk kita mencari titik yang paling baik demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Walaupun kita memahami keperluan negara semakin meningkat, namun kita mengharapkan langkah-langkah berhemah ataupun jimat cermat perlu dilaksanakan oleh kerajaan demi kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya supaya krisis ekonomi tidak berulang dalam negara kita di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil pengajaran daripada firman Allah dalam al-Quran, bismillahir rahmanir rahim [*Membaca beberapa potong ayat al-Quran*] yang bermaksud, bahawa orang-orang yang jika Allah berikan kedudukan kerajaan kepada mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang iaitu mereka mengajak rakyat supaya mematuhi perintah agama. Mereka menunaikan zakat – iaitu mereka menunaikan hak orang miskin.

Yang ketiga, mereka menyuruh kepada makruf iaitu tanggungjawab pemimpin hendaklah merancang segala program yang membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Yang keempat hendaklah mencegah daripada segala kemungkaran iaitu menguatkuasakan segala undang-undang dan menggunakan kuasa yang ada padanya untuk menyekat program-program yang boleh membawa kerosakan kepada masyarakat keseluruhannya. Contohnya seperti arak, dadah, judi, zina dan sebagainya.

Tanggungjawab yang kelima hasil daripada peringatan Allah ini ialah sebagai pemimpin, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “Dan hendaklah segala urusan dikembalikan kepada Allah.” Ini bermaksud, di dalam kita merancang apa saja gerak kerja kita, wawasan tertinggi kita ialah akhirat, bukan sahaja setakat 2020, yang penting ialah kita mesti mempunyai jangka masa yang panjang, menjangkau umur dunia ini, itu

panduan daripada agama Islam. Dalam kita sebagai pemimpin, pemimpin ini adalah satu amanah yang cukup besar. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk kita sama-sama untuk membina negara supaya negara kita ini terus diredai oleh Allah dan dapat keberkatan di langit dan di bumi.

Kita melihat dan menyedari masalah yang berlaku dalam negara kita hari ini. Kita lihat bagaimana meningkatnya kegawatan sosial, masalah dadah yang semakin meningkat, masalah dedah bukan saja dadah Tuan Yang di-Petua, masalah seks bebas, masalah belasah, rogol, pelacuran, rompak, samun, bunuh, derhaka kepada ibu bapa, lawan guru, ponteng, samseng dan begitu juga meningkatnya masalah gejala sosial di kalangan mahasiswa yang kita lihat dan amat membimbangkan kita. Di antara contoh, sebagaimana yang didedahkan oleh pihak kementerian dalam Dewan yang mulia ini, masalah meningkatnya kes meniru dalam peperiksaan, masalah khalwat di kalangan mahasiswa, masalah tipu dan sebagainya. Ini merupakan satu kecelaruan yang harus kita tangani dengan serius. Sebab tidak ada ertinya kita membina negara dengan pembangunan yang tinggi tetapi rakyat kita dari segi nilainya menurun. Tidak ada ertinya pembangunan yang meninggi tetapi nilai kemanusiaan itu menurun.

Saya menyokong empat strategi yang telah dibuat oleh pihak kerajaan di dalam pembentangan Bajet 2006, di antara satu perkara yang menarik saya ialah Membangun Modal Insan. Ini satu perkara yang cukup besar. Kita sebagai rakyat Malaysia amat bersetuju supaya nilai kemanusiaan yang akan menjadi *asset* penting kepada negara ini hendaklah kita garapkan dengan sempurna. Masalah amanah, saya bagi contoh. Sekarang ini kita menghadapi satu krisis iaitu bukan kita tidak ada pemimpin yang bijak, tetapi masalah sekarang kita amat payah hendak mencari orang yang betul-betul amanah dengan tanggungjawab. Saya bagi contoh, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira kita dengan pengurusan MAS. Satu *asset* negara yang begitu besar dan satu perkara lagi yang kita sendiri masih tertanya-tanya, dan saya pun dah masuk *term* yang terakhir, iaitu di mana laporan Petronas. Kita tahu, Petronas di antara syarikat yang besar yang memberi pendapatan yang cukup besar kepada negara. Sampai hari ini, tidak ada laporan di Dewan ini dibentangkan. Kita tidak tahu bagaimana kedudukannya dan zakat. Saya pernah mendapat jawapan lisan daripada Menteri, Petronas tidak pernah mengeluarkan zakat. Saya mendapat maklumat daripada jawapan Menteri tadi, bagaimana dalam negara kita sekarang, masih mempunyai jumlah warga miskin yang ramai, lebih daripada 72,000 orang, warga miskin dalam negara kita.

Kalau Petronas mengeluarkan zakat daripada dana harta yang begitu banyak diperolehinya, saya kita tidak ada lagi orang yang miskin dalam negara kita.

Jadi di sini saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, di mana peranan korporat-korporat yang besar ini dan di mana juga institusi peranan PPRT, institusi zakat di dalam menangani masalah kemiskinan di dalam negara kita? Sebab kita kena ingat, bagaimana peringatan di dalam al-Quran, bagaimana Qarun seorang korporat besar yang mempunyai harta yang begitu banyak, tapi akhirnya ditenggelamkan ke dalam bumi kerana satunya dia enggan menunaikan amanah iaitu zakat. Dia tidak mahu menunaikan hak dia kepada orang miskin. Kita bimbang, perkara ini akan menimpa sekiranya kita biarkan masalah ini terus berlarutan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah amanah kepada tanggungjawab cukup penting. Di dalam Laporan Audit Negara, saya melihat bagaimana laporan itu mendedahkan dan bagaimana tahun lepas, tahun 2004 ada 21 kementerian yang belanja tanpa peruntukan, mengakibatkan 47 buah projek yang melibatkan kos RM403.95 juta. Ini merupakan satu pembiayaan di luar daripada bajet yang diperuntukkan. Jadi saya harap supaya perancangan kita di masa akan datang akan lebih baik lagi, supaya perkara-perkara seumpama ini mungkin kita dapat elakkan.

Begitu juga tentang KTMB, iaitu Kereta Api Tanah Melayu Berhad, bagaimana kedudukan. Kita tidak mahu kes yang sama berulang sebagaimana berlaku pada MAS, berlaku pada KTMB, sebab saya mendapat jawapan bertulis bagaimana keadaan KTMB sekarang maknanya dari segi keuntungannya tidak begitu membanggakan, banyak masalah juga dari segi pengurusan KTMB sekarang. Jadi saya mengharapkan supaya perkara ini diperincikan sebab ini adalah hak rakyat, hak rakyat, harta rakyat adalah amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah S.W.T di akhirat.

Saya ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua iaitu berkenaan dengan strategi yang disebutkan iaitu yang kedua, menyediakan persekitaran yang mesra perniagaan yang disebut dalam Bajet 2006, yang mana kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menambahkan lagi suasana persekitaran yang mesra perniagaan dalam negara kita. Apa yang kita lihat sekarang ini ialah ketidakseimbangan wujud iaitu, yang pertama infrastruktur untuk mewujudkan keseimbangan perniagaan antara negeri maju dan kurang maju terutama negeri-negeri di sebelah Pantai Timur. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua masalah infra yang asas seperti pelabuhan, jalan ataupun keperluan-keperluan lain yang diperlukan dalam kita hendak membina kekuatan ekonomi sebuah

negeri. Saya bagi contoh, sebab mewakili negeri Kelantan, saya bagi contoh negeri Kelantan. Kita di Kelantan amat memerlukan sebuah pelabuhan. Bayangkan, bagaimana seorang pelabur nak melabur di negeri Pantai Timur sedangkan jauh daripada pelabuhan. Tambang untuk satu *trailer* untuk bawa pengangkutan barang sahaja daripada Kota Bharu ke Port Klang memakan kos RM3,800, itu hanya tambang satu *trailer*. Bayangkan dengan kos-kos yang lain. Bukan masalah pelabur tak nak datang ke Kelantan kerana PAS yang memerintah Kelantan. Kalau UMNO memerintah Kelantan pun isu yang sama akan berulang kerana persiapan infra, untuk kita menaikkan lagi taraf ekonomi di negeri. Antara negeri-negeri Pantai Timur dan Pantai Barat tidak seimbang. Jadi saya menyeru, bukan untuk kepentingan Kelantan saja, termasuk negeri yang lain, Terengganu, Perlis, Kedah dan sebagainya supaya kerajaan memberi perhatian tambahan pula, kalau kita lihat pembinaan pelabuhan di sebelah Pantai Timur cukup-cukup strategik di mana laluan kapal daripada Jepun, daripada China, daripada Australia lebih dekat melalui Pantai Timur berbanding dengan melalui Port Klang.

Jadi saya kira ini satu dari segi masa hadapan dan kalau kita nak melihat suasana mesra perniagaan, betul-betul untuk kita membina sebuah negara yang maju, kita tidak meletakkan kepentingan parti politik di depan tapi kepentingan rakyat di depan, perkara ini perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyentuh sedikit berkenaan dengan usaha membasmi kemiskinan. Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan kita lihat bagaimana, selalu disebut-sebutkan di dalam Dewan ini, negeri Kelantan adalah negeri yang paling miskin dan digembar-gemburkan bagaimana pendapatan per kapita penduduk negara kita sekarang ini sudah melebihi RM17,000 sebulan. Saya kira, kalau RM17,000, saya sendiri pun termasuk dalam golongan miskinlah sebab kita tidak dapat angka itu. Jadi maknanya, kita tidak boleh berbangga dengan angka pendapatan per kapita. Sekarang ini daripada jawapan, pagi tadi saya lihat yang terkini, bagaimana di Sabah jumlah penduduk miskin di Sabah masih ada 17,000 keluarga dan begitu juga di Sarawak, 14,000 keluarga. Saya mendapat maklumat terkini daripada UPEN, Unit Perancangan Ekonomi Negeri semalam, bagaimana statistik ini di Kelantan, tak sampai 9,000 keluarga yang miskin di Kelantan. Jadi kalau dibilang angka, statistik yang sebenar, Sabah, Sarawak, Kelantan

lebih kecil dari segi angka kemiskinan, tetapi di-gembar-gemburkan, paling miskin, paling mundur. Ha, jadi saya harap fakta yang sebenar, ini Dewan yang mulia, kita bersumpah di dalam Dewan ini. Jadi saya harap, perkara-perkara ini supaya diperbetulkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah...

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Okay, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpul dan rumuskan. Ucapan Yang Berhormat itu sungguh cantik, tapi untuk seri lagi, simpulkan sekarang.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peringatan. Jadi, sekali lagi sama-samalah kita membina negara ini dan saya tak sempat memberi *comment* apa yang disebut tentang cerita..

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan, sedikit saja, setengah minit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya berikan peluang ini dia mewujudkan satu keadaan, orang boleh menyeludup untuk dapatkan masa tambahan. Tapi saya sedar hal ini... bolehlah, silakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Senator Siti Zailah. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, garis kemiskinan yang kita guna pakai sekarang ialah RM510. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah garis ini boleh diguna pakai lagi sekarang ini memandangkan keadaan kos kehidupan yang sudah begitu meningkat.

**Tuan Yang di-Pertua :** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar :** Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat. Pada pandangan saya perkara ini perlu dikaji balik dan dia mengikut keadaan tak sama, RM510 ini kalau mungkin kalau di Kelantan maknanya boleh hidup tetapi mungkin kalau di Kuala Lumpur memang satu suasana yang cukup menekan. Jadi suasana ini perlu kepada pertimbangan balik oleh pihak kerajaan. Jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan Insya-Allah kita sama-samalah membina negara kita dengan suasana yang harmoni dan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah supaya kita sama-sama menunaikan tanggungjawab ini dengan penuh amanah sebab tanggungjawab pemimpin ini adalah satu amanah yang akan dipersoalkan di



hadapan Allah. Jadi sekadar itu dahulu, saya turut menyokong dan terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua :** Terima kasih Yang Berhormat. Datin Paduka Nor Hayati Tan Sri Onn. Ucapan sulung ya? Sayang, ucapan sulung tetapi terpaksa dihadkan masa 15 minit juga.

#### **4.21 petang.**

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah sudi memberi saya laluan untuk memberi beberapa pandangan dan juga hujah saya terhadap perkara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 30 September 2005 yang lalu. Oleh kerana saya juga merupakan salah satu *freshei* di antara tujuh Senator yang baru mengangkat sumpah, saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Ketua Wanita Malaysia dan juga Naib Ketua Wanita Malaysia juga Menteri Besar saya, yang telah mengizinkan pelantikan saya selaku seorang wakil Dewan Senat yang indah tersergam ini. Oleh sebab saya juga diberi masa hanya 15 minit maka saya terpaksa memotong banyak di antara ucapan yang akan saya berikan.

**Tuan Yang di-Pertua :** Dan sebaik-baik sikap *freshei* jangan mengingkari Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn :** Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya bajet 2006 adalah satu bajet proaktif yang menitikberatkan nasib rakyat Malaysia yang sedang menghadapi cabaran gelintir kemelut ekonomi dunia, hasil daripada ketidakstabilan di dalam geopolitik dunia ekoran daripada keganasan global dan dasar luar negara. Bajet 2006 ini adalah pada hemat saya satu tanda keprihatinan kerajaan terhadap rakyat, nasib rakyat. Memang diperakui di dalam klimaks ekonomi dunia yang tidak menentu, harga minyak mentah yang menembusi paras US 70 setong dan keganasan yang baru sahaja melanda kita lagi di Bali, bajet tahun ini bertepatan dengan irasan rakyat jelata dan arah tuju pengurusan negara yang pragmatik.

Peruntukan pengurusan yang kira-kira tiga kali ganda lebih besar daripada peruntukan pembangunan, adalah satu tanda aras bahawa Malaysia sudah sampai ke kemuncak pembangunan modal insan. Adalah pengurangan di dalam pengimbangan deposit bajet kali ini kepada 3.5 peratus, adalah sejajar dengan aspirasi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk mencapai bajet seimbang di dalam tempoh terdekat.

Saya ingin tahu, apakah perancangan kerajaan di dalam meningkatkan pembabitan sektor swasta di dalam penjanaaan kekayaan negara, apakah terdapat masalah untuk menarik sektor swasta berkembang pesat. Saya melihat ada tanda-tanda sektor swasta semakin memencilkan diri dan mengurangkan perbelanjaan tahunan mereka dari segi pembangunan perniagaan.

Malah konsolidasi dan pengambilalihan syarikat yang semakin kerap berlaku membimbangkan saya. Biarpun operasi mereka dikatakan lebih efisien dengan tumpuan lebih kepada kajian dan penyelidikan ataupun R&D, wajar melihat bahawa sebenarnya, operasi utama mereka iaitu di dalam pengeluaran telah pun bertukar tempat ke negara asing. Kerajaan wajar sedar bahawa kita semakin kehilangan sokongan pelabur-pelabur asing pada bukan sahaja China tetapi juga kepada negara-negara jiran kita. Malah saya difahamkan terdapat peratusan yang semakin meningkat di kalangan pengusaha dan pelabur dalaman kita sendiri yang kini semakin galak melabur di luar negara.

Saya menyokong dasar kerajaan untuk menggalakkan rakyat dan syarikat kita melabur di luar negara untuk meningkatkan bukan sahaja kapasiti kepulangan modal kita tetapi juga kepakaran dan kerjasama dengan negara asing. Akan tetapi ianya perlu diimbangi aliran masuk dana asing ke negara kita. Apakah terdapat satu badan baik di dalam atau di luar kerajaan, yang melakukan kajian dan selaan bagi memastikan setiap dasar kerajaan itu memberi kebaikan dan sebenarnya berupaya untuk menarik pelaburan terutama asing ke Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, persaingan global semakin sengit dalam setiap negara termasuklah jiran-jiran kita akan menawarkan pelbagai insentif dan gimik bagi menarik pelaburan asing ke negara mereka.

Masalah yang saya lihat di sini adalah daripada segi kes pengeluaran, kos pengeluaran. Negara kita kini sudah pun ketinggalan berbanding bukan sahaja China malah Thailand dan Vietnam. Antara sebab utamanya ialah kos tenaga buruh yang lebih rendah di sana berbanding kita. Apakah usaha kita untuk mengimbangi kelebihan

negara-negara ini dari sudut guna tenaga yang murah dan di waktu yang sama kini kita berganjak ke era, di mana pengetahuan merupakan aset terpenting di dalam proses pengeluaran dan ekonomi kerana, itulah kita melaksanakan pelbagai dasar termasuklah keterbukaan untuk menarik balik pakar-pakar kita yang telah berkhidmat dan tinggal di negara asing.

Pelabur asing mahu kepastian terhadap keselamatan dan kepulangan modal yang dilaburkan. Biarpun kestabilan politik amat penting, ia tidak menjadi penghalang kepada pelabur luar untuk terus melabur di Indonesia, Thailand dan Vietnam. Apa yang pelabur lihat menjadi kelebihan mereka ialah janji kerajaan, pemerintah untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan penyelewengan serta korupsi di dalam pentadbiran kerajaan negara yang ingin mereka laburkan dana. Faktor inilah yang kini menjadi teras kepada pentadbiran kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya menyokong penuh, segala dasar dan tindakan kerajaan untuk mempertingkatkan keberkesanan sektor perkhidmatan awam sebagai pendukung dan pelindung utama kepada ekonomi negara.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkhidmatan awam Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang timbul kini ialah sudah cukupkah dengan segala strategi dan perancangan kerajaan ini untuk menarik minat pelajar asing untuk kembali *vibrant* di Malaysia. Pelbagai usaha telah dilaksanakan kerajaan, untuk membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa dan saya percaya ianya akan berjaya. Akan tetapi kita masih juga menerima persepsi negatif daripada negara asing. Saya difahamkan kedudukan kita di dalam transparenasi *international* dengan izin telah merosot daripada kedudukan satu tidak salah saya kepada 26. Adakah ini satu cubaan jahat negara asing untuk memperlekehkan usaha kita atau adakah ini keadaan sebenar yang berlaku di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, Yayasan Integriti Nasional untuk melipatgandakan usaha memantau dan melaporkan kepada kerajaan akan apa jua masalah dan persepsi umum terhadap jabatan dan agensi kerajaan yang dipantau. Yayasan ini juga berupaya untuk melaksanakan kajian dan mengutarakan cadangan kepada kerajaan, di dalam memperkukuhkan lagi integriti dan keterbukaan jabatan serta agensi kerajaan agar dapat meningkatkan kredibiliti mereka. Persepsi merupakan satu aset penting di dalam menentukan kejayaan dan meningkatkan keupayaan jentera

perkhidmatan awam negara. Untuk ini berlaku, harus ada satu revolusi dan anjakan paradigma di dalam kaedah pengurusan dan perjawatan pentadbiran awam negara.

Insentif dan peluang peningkatan kerjaya, wajar kita tawarkan kepada mereka yang berupaya membuktikan kebolehan dan produktiviti yang meningkat. Di waktu yang sama usaha perlulah ditingkatkan untuk menarik *the best brains* untuk menganggotai sektor perkhidmatan awam dan insentif pemberian dan *emolument* perlu dikaji semula agar relevan dengan keperluan kita. Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan awam adalah *front line* dengan izin kerajaan Malaysia kepada rakyat dan juga mata dunia. Kebolehan dan keupayaan mereka melaksanakan amanah dan tanggungjawab menjadi titik tolak kepada persepsi negara asing terhadap kita.

Sistem perkhidmatan awam juga, perlulah fleksibel dan memberi keutamaan kepada integriti penjawat sektor awam. Siapa yang gagal mencapai matlamat sektor awam malah menjadi antara punca kelemahannya, perlulah *rehabilitation* yang sesuai dan jika masih tidak dapat berubah perlulah dikeluarkan. Tuan Yang di-Pertua saya percaya, dengan cadangan dan pandangan yang telah saya kemukakan tadi kita berupaya meningkatkan kapasiti negara untuk menarik balik minat pelabur-pelabur asing untuk terus dan meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia dan akan menjamin Malaysia akan tetap *vibrant* dan pembangunan kita selepas mencapai wawasan 2020 akan dapat dijamin dan dipanjangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk mencelah mengenai hal wanita. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan di atas peruntukan yang telah disediakan bagi permohonan golongan wanita. Saya berterima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan berterusan pada agenda pembangunan dan pembelaan nasib golongan miskin dan daif, ibu-ibu tunggal, orang kurang upaya serta warga emas di samping meningkatkan aspek pembangunan wanita dan keluarga di Malaysia . Peruntukan sebanyak RM488 juta di dalam bajet 2006, amat bermakna untuk menjamin pembabitan berterusan kaum wanita di dalam proses pembangunan negara, tambah bilamana wanita merupakan pemacu utama kepada industri kampung dan bekerja di sektor perkilangan.

Memang wajar masalah dan nasib wanita diambil berat terutama penderitaan mereka yang kehilangan atau ditinggalkan suami, kerana hilang tempat bergantung dan terpaksa pula menyara dan membesarkan anak-anak. Di sini, saya ingin

mencadangkan kepada kerajaan untuk membangunkan *half way house* ataupun rumah perlindungan sementara bagi wanita di setiap kawasan Parlimen ataupun daerah.

Ini penting kerana penganiayaan yang semakin berleluasa terhadap wanita hari ini memaksa ramai daripada mereka meninggalkan rumah dan kampung halaman dengan bekalan minimum dan tidak arif terhadap selok-belok kawasan baru terutama kota. Ramai terjebak di dalam kancas maksiat. Saya amat berharap kerajaan dapatlah meneliti peruntukan di dalam Bajet 2006 dan memastikan nasib wanita yang dulunya terpinggir ini terpelihara, dan mereka mendengar laungan kita bahawa, “*We Care*” ataupun “kita sayang”.

Waktu yang sama juga saya ingin menjelaskan bahawa kontroversi yang sedang berlaku kini ekoran daripada tuduhan salah guna kuasa polis ke atas tahanan reman adalah tidak wajar sama sekali. Pada hemat saya, kesempatan “Menanggung air keruh” oleh sesetengah pihak untuk mempersoalkan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** “Menanggung di air yang keruh”.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** ..... “Menanggung di air yang keruh”. Maaf Tuan Yang di-Pertua. Sesetengah pihak mempersoalkan kredibiliti PDRM adalah memalukan. Bagi saya kredibiliti PDRM tidak wajar kita persoalkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan tidak tahu itu tetapi sebab cepat sangat. Lidah pun tidak sempat tutur...

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Hendak kejar masa Tuan Yang di-Pertua. Kalau bagi masa, saya boleh *relax* sedikit. [*Senyum*] Walaupun mungkin ada segelintir daripada kakitangannya yang melakukan jenayah dan salah guna kuasa, tetapi pada amnya 48 tahun keamanan yang telah kita kecapai hari ini tidak akan terhasil sekiranya PDRM tidak menjalankan tugas dengan dedikasi. Selama ini pun kita sentiasa hidup di dalam aman kerana sumbangan anggota PDRM yang sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan keamanan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai peruntukan seperti mana disebutkan oleh rakan saya daripada Perlis, yang diserahkan kepada semua Yang Berhormat Senator yang berjumlah lebih kurang RM100,000 bagi satu *term*. Jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan PBT di dalam negeri Selangor seperti yang saya ketahui, bagi seorang Ahli Majlis biasa yang berada di PBT, kita di Selangor boleh dapat lebih kurang RM150,000 setahun. RM100,000 untuk pembangunan, RM50,000 untuk kebajikan. Jadi kalau dibandingkan dengan Senator yang berada di Dewan yang

mulia ini, saya rasa memanglah tidak cukup. Maka saya menyokong cadangan daripada rakan saya tadi supaya peruntukan kepada Yang Berhormat Senator ini ditambah, mungkin RM100,000 setahun bagi penggal-penggal yang akan datang.

Satu lagi yang saya hendak sentuh ialah mengenai sumbang mahram yang begitu meningkat, begitu ketara peratusnya daripada tahun 2003, daripada 254 kes kepada 2004, naik kepada 334 kes. Saya lihat media massa cetak dan elektronik terutamanya TV swasta seperti ASTRO banyak menayangkan filem berunsurkan seks. Rancangan HBO, Star dan aksi lucu di muzik video. Saya ingin menanya kepada pihak yang bertanggungjawab, mereka merupakan pemangkin kepada kejadian, dan apakah tindakan yang harus dilakukan dan ada juga surat khabar di *Malay Mail*....

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Pohon laluan.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya minta saya habiskan dahulu. Surat khabar di *Malay Mail* yang bertarikh 12 Disember menyatakan *playboy* merancang untuk membuka kedai di Kuala Lumpur, memegang pelesen jenama oleh Tetuan Zillion dan ini merupakan perang saraf untuk memecahbelahkan fenomena dan perpaduan kaum di negara ini, dan ejen *subversif* cuba melemahkan jati diri penduduk Malaysia dengan menggunakan seks sebagai permainan halus untuk melemahkan minda pemuda pemudi dan sekarang kita juga telah melihat, sudah ada sebuah kedai di *Mid Valley* Kuala Lumpur yang menjual kondom secara terbuka dan boleh dilawati oleh semua *students* mahupun remaja-remaja pada masa kini.

Saya juga ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan di atas kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini. Namun saya ingin mengambil perhatian bahawa sebenarnya kalau kita hendak menang ini pun, satu pun menang, satu pun boleh kalah. Jadi saya ingin memanjangkan supaya pengundi yang bekerja sebagai pramugara dan pramugari diberi peluang untuk mengundi secara undi pos di masa akan datang kerana kita ada lebih kurang 6,000 ke 8,000 pekerja yang berada di awan sana, yang boleh mengundi, yang tidak dibenarkan mengundi semasa mereka bertugas di awan. Jadi itu sahaja. Saya akhiri Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya lebih cepat daripada apa yang Tuan Yang di-Pertua bagi. Oleh kerana ini merupakan pertama kali dan saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Lain kali saya bagi masa lagi.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** [*Senyum*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hajah Samsiah Shamsudin. Kepada yang masih belum berucap, saya harap jangan putus asa kerana saya bercadang untuk sedikit meminta masa daripada kementerian-kementerian pada hari Isnin supaya kita habiskan senarai. Senarai di depan saya ini berakhir dengan Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani - 30. Jadi selepas Hajah Samsiah nanti, ada lagi enam Yang Berhormat belum berucap.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya hendak balik dulu sebab saya pun belum berucap. Sebagai orang *freshie*, kalau boleh saya minta pada hari Isnin itu sedikit masa kalau ada ruang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Memang saya bercadang.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Kalau begitu, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mula itu hendak marah sikit. Tetapi dah *freshie* saya tidak marahlah. [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat. Ya, memang ada ruang pada hari Isnin, semua. Saya baca. Saya bercadang untuk memanggil Dato' Haji Idris bin Haji Buang, Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Datuk Omar bin Faudzar, Tuan Hassan bin Haji Shukri, Datin Chong Set Mui dan Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani. Jika kita tangguh, selepas kita tangguh petang ini, kita ambil sedikit masa pada hari Isnin selepas masa pertanyaan, ..... pihak kerajaan. Maka boleh kita selesaikan senarai kita. Silakan Hajah Samsiah.

#### 4.36 ptg.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006, suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun 2006, yang bertemakan "Membina Ketahanan, Menghadapi Cabaran".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh yang pertama kepada Kementerian Pelajaran. Seperti biasalah Tuan Yang di-Pertua cadangan perbelanjaan mengurus bagi Kementerian Pelajaran adalah sebanyak RM17.54 bilion iaitu 17.3% daripada jumlah anggaran perbelanjaan mengurus 2006. Satu jumlah yang tinggi, bahkan yang tertinggi dibandingkan dengan kementerian yang lain. Adalah diharapkan dengan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mohon izin sebentar. Saya minta penjelasan. Dato' Haji Idris bin Haji Buang tadi minta bercakap pada hari Isnin, ya. Bukan pada hari ini?

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Baik, betul Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Maka selepas ini saya akan panggil Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Silakan. Minta maaf saya mengganggu ucapan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** ..... adalah diharapkan dengan peruntukan yang tinggi ini dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di sekolah. Sekolah yang didapati tidak selamat, hendaklah diselamatkan. Kita tidak hendak dengar lagi ada guru yang meninggal oleh sebab terjatuh daripada lantai yang roboh. Ada murid yang digigit anjing kerana sekolah tidak berpagar atau pagar sekolah usang. Ada murid yang memanjat tangki air kerana di kawasan tangki air tidak dipagar. Ini sangat berbahaya.

Kawasan sekolah yang banjir kerana prasarannya tidak cukup, longkang tidak ada. Ada kelas yang terapung walaupun tidak banjir kerana tidak cukup kelas Tuan Yang di-Pertua. Guru-guru yang tidak mencukupi di sekolah hendaklah ditambah. Guru-guru yang mengajar tidak ikut *option*, sila buat pembetulan. Sekolah-sekolah luar bandar yang tidak punya kemudahan asas api dan air silalah adakan. Buku teks harus diperluaskan lagi pinjamannya kepada semua murid sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua saya membawa perkara ini walaupun rakan-rakan saya yang lain telah sebut kerana perkara ini sangat penting. Lagi ramai yang bercakap, maksudnya itu sangatlah penting di sekolah-sekolah. Nanti Tuan Yang di-Pertua kata pula, asyik-asyik *point* yang sama. Jadi ini mungkin kawan-kawan saya tidak sebut lagi iaitu rancangan makanan tambahan harus ditambah daripada RM1.20 kepada RM2.00 kerana tabika KEMAS pun telah dinaikkan daripada 60 sen kepada RM1.50.

Guru-guru kaunseling juga di sekolah perlu ditambah. Seribu lebih murid, seorang guru kaunseling adalah tidak munasabah. Jadi Jurulatih Utama ini satu waktu dulu dipanggil *key personal* ataupun kakitangan sumber. Pernah satu waktu dahulu, saya juga menjadi kakitangan sumber. Kami telah diberi *allowance* satu jam mengajar sebanyak RM17.00 waktu persekolahan dan RM30.00 waktu cuti sekolah.

Tetapi hari ini, kakitangan penting ataupun Jurulatih Utama ini tidak lagi dibayar elaun yang berkenaan. Jadi saya haraplah, eloklah dilihat kembali perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melancarkan urusan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, sains dan



matematik dalam bahasa Inggeris yang disebut PPSMI, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran KP(PP)0053/7/64 Bil.3 Tahun 2003, yang telah menetapkan garis panduan pelaksanaan bayaran insentif subjek pelajaran yang dipanggil BISP, bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran bidang sains, matematik dan bahasa Inggeris.

Persoalannya, walaupun Surat Pekeliling tersebut telah dengan jelas merangkumi semua Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (PPP) termasuk PPP sains,, matematik dan bahasa Inggeris, yang bertugas sebagai Penyelia sains, matematik dan bahasa Inggeris di Jabatan Pelajaran Negeri, kenapa BISP ini tidak diberi kepada mereka sungguhpun mereka mempunyai kelayakan? Seperti mempunyai opsyen sains dan matematik, atau bahasa Inggeris dan terlibat secara langsung dengan PPSMI di negeri. Ini pegawai dia Tuan Yang di-Pertua.

Harus diingatkan, mereka ini walaupun tidak mengajar di sekolah, tetapi mereka tetap mengajar semua guru sains, matematik dan bahasa Inggeris di negeri kerana mereka mempunyai watak perlantikan sebagai Jurulatih Utama Pusat dan mereka terlibat secara langsung dengan melatih para guru. Selain daripada itu, tugas mereka juga meliputi membuat pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI di semua sekolah di negeri bagi memastikan dasar PPSMI dapat dilaksanakan dengan jayanya. Adalah diharapkan semua Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang bertugas sebagai Penyelia ini diberi BISP ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris diimplementasikan pada tahun 2003, untuk tahun 1 di sekolah rendah dan untuk tingkatan 1 di sekolah menengah, guru-guru mata pelajaran ini dibekalkan dengan *laptop*. Setelah tiga tahun berlalu, ada *laptop* yang telah rosak dan ada juga yang hilang tidak dapat dikesan kerana terlalu banyak sangat. Sepatutnya seorang guru kepada sebuah *laptop*. Adalah dicadangkan supaya kementerian mewujudkan satu skim khas bagi setiap guru dapat membeli *laptop* sendiri dengan harga mungkin setengah bayaran.

Dan yang akhir sekali untuk kementerian ini ialah, menilai kembali bayaran untuk petugas menjaga peperiksaan dan memeriksa skrip jawapan sama ada UPSR, PMR, SPM dan juga STPM. Sekarang terlampau rendah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kementerian ini yang walaupun skopnya luas iaitu menjaga wanita, menjaga keluarga, menjaga masyarakat,

orang kurang upaya, miskin, melarat, warga tua, warga emas, cacat, tetapi mendapat peruntukan yang agak rendah.

Aktiviti-aktiviti untuk pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat yang dijalankan melalui Majlis Pembangunan Wanita< Keluarga dan Masyarakat amatlah baik dan sangat berkesan di dalam mendidik wanita-wanita di bandar dan juga di luar bandar. Contoh program *smart card* untuk pasangan muda, wanita muda, anak teruna dapat membantu mereka melayari hidup berumah tangga dengan aman dan bahagia. Ini untuk mencari jodoh. Program *smart* solat yang baru dijalankan juga sangat baik, cuma yang saya sangsikan ialah program literasi undang-undang ini, peruntukannya tidak dapat kami nikmati lagi pada tahun ini.

Jadi saya mengharapkan agar peruntukan program literasi undang-undang harus diteruskan kerana banyak lagi perkara yang wanita harus tahu. Contoh undang-undang keluarga Islam, undang-undang keluarga bukan Islam, undang-undang nikah cerai, undang-undang poligami, undang-undang harta pusaka dan undang-undang yang lain. Undang-undang berjiran, undang-undang bermasyarakat, undang-undang hak jiran, hak masyarakat, saya berharap agar program literasi undang-undang diteruskan bagi membentuk wanita lebih berilmu dan celik undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ibu tunggal ada enam pecahannya. Wanita yang kematian suami, yang dipanggil balu dan anak adalah anak-anak yatim. Yang kedua, wanita yang bercerai hidup, wanita itu dipanggil janda. Wanita yang digantung tidak bertali ataupun tersalai tidak berapi tadi pun termasuk dalam kategori ibu tunggal. Wanita yang menjaga suami yang sakit lama pun Tuan Yang di-Pertua, termasuk dalam kategori ibu tunggal, kerana ibu tunggal ini menyara keluarganya. Kelima ibu ataupun wanita yang menjaga ibu, ayah yang sudah tua juga Tuan Yang di-Pertua, dipanggil juga ibu tunggal. Kalau tak ada orang yang macam ini, ramai orang tua yang merempat Tuan Yang di-Pertua. Wanita yang tidak berkahwin yang mengambil anak angkat secara sah juga dipanggil sebagai ibu tunggal.

Sebenarnya ibu tunggal sekarang sangat beruntung kerana ada berpersatuan dapat bantuan wakil rakyat tolong, Senator pun tolong, kementerian pun bantu. Jadi di dalam Majlis Pembangunan Wanita, Pengerusi ibu tunggal adalah terlibat sebagai ahli jawatankuasa. Yang saya rundingkan Tuan Yang di-Pertua ialah ibu tunggal tua. Ataupun bapa tunggal tua. Hari ini 80% penghuni di rumah orang-orang tua adalah terdiri dari orang Melayu. Adakah kementerian membuat *research* punca perkara yang

memalukan ini berlaku? Bukan mereka tak ada anak. Adakah anak yang dipersalahkan kerana tidak tahu mengenang budi dan membalas jasa ataupun hari ini ibu tua ataupun bapa tua yang buat hal yang sendiri mahu meminggirkan diri. Inilah fenomena yang berlaku sekarang.

Adalah dicadangkan supaya rumah orang-orang tua ini diambil perhatian. Dapat diceritakan lagi dan digantikan alat-alat yang telah pun usang. Kementerian Kesihatan, kempen anti merokok. Walaupun telah disebut oleh kawan-kawan, saya sebut Tuan Yang di-Pertua, kerana memang tidak berjaya dan langsung tidak berkesan. Adalah diharapkan supaya kempen ini ditukar kepada kempen gaya hidup sihat seperti yang diadakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kalau boleh kempen ini kita satukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat boleh simpul dan rumuskan apa yang Yang Berhormat nak sebenarnya nyatakan kepada Dewan yang mulia ini.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua kementerian. Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin tahu apakah masih wujud Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pengurangan harga kepada pembeli bumiputera. Contoh kurang 5%, 7% , 10% kepada pembeli bumiputera. Jika ada, adakah kementerian sedar bahawa sebenarnya ia adalah suatu penipuan kerana pihak pemaju telah mengasingkan blok bumi dan *non-bumi*. Jadi, *non-bumi* itu memang luas, tetapi untuk bumi itu diperkecilkan. Jadi sebab itulah harga diturunkan. Jadi ini adalah satu penipuan. Apa kata kementerian dalam hal ini?

Saya nak anjurkan hanya satu kementerian saja lagi iaitu belia dan sukan. Kedua-dua skop ini sangat luas dan sangat berat, perlu mempunyai strategi jangka pendek, jangka panjang. Bertukarlah menteri, berubah strategi namun kemajuan sukan dan juga kemajuan dalam belia juga tidak nampak. Saya mencadangkan supaya dijadikan dua iaitu Kementerian Belia - kementerian menjaga belia, Kementerian Sukan - menjaga sukan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat tidak melebihi masa langsung. Dato' Haji Abdul Rashid Ngah.

**4.50 petang.**

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Tuan Yang di-Pertua, turut sama berbahas dalam Bajet 2006 ini, sukalah saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat

berdoa mudah-mudahan negara kita di tahun-tahun akan datang dikurniakan Allah SWT stabil politiknya, aman dan stabil ekonominya, mudah-mudahan pertumbuhan yang dianggarkan sebanyak 5% lebih itu akan menjadi kenyataan malah mungkin lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa terhad saya bercadang hendak menyentuh dua, tiga perkara yang saya rasa belum disentuh oleh sahabat-sahabat yang lain tapi mungkin telah disentuh, tetapi seperti yang telah disebut dan ditekankan oleh Yang Berhormat sahabat kita yang baru ucap tadi ini menunjukkan bahawa perkara itu penting diberi perhatian, maka disebut oleh lebih daripada seorang Ahli-ahli Dewan ini.

B.21 berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, satu aspek daripadanya yang saya hendak ialah yang berhubung dengan pengeluaran ikan negara yang disasarkan sebanyak 2 juta tan. 500 ribu tan dianggarkan datangnya dari usaha laut dalam, 600 ribu tan dianggarkan datang dari usaha akuakultur dan 900 ribu tan dianggarkan daripada penangkapan ikan pantai. Saya rasa sasaran ini boleh bertambah dengan memberi perhatian yang lebih kepada usaha laut dalam yang sehingga ini saya rasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri mengakui belum sampai pada tahap yang boleh kita katakan puas hati terutama bila kita mengingatkan negara-negara jiran kita pernah menghantar bot-bot laut dalam mereka menangkap ikan di kawasan kita, yang sesetengah pendapat mengatakan lebih kaya daripada kawasan-kawasan di tempat yang lain.

Bukti-bukti jelas bila kita dapat menangkap bot-bot laut dalam daripada negara-negara lain seperti Taiwan, Thailand dan sebagainya. Amat jarang bot-bot nelayan kita yang ditangkap di kawasan-kawasan perairan negara-negara yang lain. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa kemungkinan besar kita boleh menambah pengeluaran ikan dari punca ini. Begitu juga halnya dengan akuakultur, laut, pesisiran atau pantai boleh dikatakan hampir-hampir sampai kepada peringkat yang tidak boleh ditambah lagi.

Tapi walau bagaimanapun dalam hari ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan satu kaedah untuk menambah pendapatan atau tangkapan di pesisir pantai iaitu dengan mengadakan ladang ikan. Ini saya asaskan kepada apa yang dibuat sekarang iaitu kejayaan kita mengadakan taman laut di Pulau Redang dan juga di Pulau Payar Kedah. Jadi semua kita faham bahawa di sini tidak dibenarkan pengunjung-pengunjung, pelawat-pelawat menangkap ikan dengan apa cara sekalipun tapi jelas di

sini menunjukkan bahawa ikan-ikan yang ada di situ telah membiak dengan baik dan ramai. Tidakkah boleh cadangan saya atas konsep yang sama, kita cari tempat-tempat yang tertentu, pesisir pantai, mungkin pulau ataupun teluk-teluk yang baik yang kita mengadakan tempat yang sama untuk pembiakan ikan dan kita boleh mendaftarkan sejumlah nelayan-nelayan mungkin barangkali 100 orang buat permulaan, boleh ditambah sampai kepada 500 orang untuk dibenarkan menangkap ikan di sini dengan satu cara sahaja iaitu memancing, tidak sama sekali dibenarkan untuk cara yang lain, memukat, ataupun menuba dan sebagainya.

Jumlah ikan yang ada di sini selain daripada dibiakkan boleh ditambah dari masa ke semasa. Kita hanya boleh membenarkan nelayan-nelayan kita mengair di sini pada satu peringkat di mana pendapatannya mungkin barangkali RM100 sehari, tidak lebih daripada itu dan kita benarkan hanya 25 hari seminggu. Jadi kalau apa yang saya katakan ini boleh menjadi kenyataan, ertinya pendapatan seorang nelayan lebih kurang RM2,500 sebulan. Tapi tentulah ada yang mengatakan bahawa nelayan-nelayan kita tidak mudah diajar untuk berbuat begitu, tapi sebenarnya kalau nelayan-nelayan kita termasuklah pelawat-pelawat boleh mematuhi peraturan-peraturan yang sedia terpakai di taman-taman laut sekarang saya tidak nampak mengapa perkara yang seumpama ini tidak boleh kita lakukan dengan mengadakan tempat-tempat yang tertentu di mana kita memberi kemudahan yang pertamanya mereka tidak payah lagi pergi ke laut. Mereka tidak payah lagi mengeluarkan banyak belanja untuk mengadakan bot dan sebagainya dan mereka tidak lagi mungkin barangkali keluar ke laut 24 jam atau lebih daripada itu, mungkin setengah hari sahaja, atau mungkin satu hari sahaja mereka telah boleh mendapat hasil sebanyak lebih kurang RM100 sehari. Tapi walau bagaimanapun ini tertaklukkan kepada keberanian kita untuk mencuba langkah-langkah yang saya cadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada dua kementerian yang kita berharap akan dapat melaksanakan strategi kita yang penting iaitu membangunkan modal insan iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam hal ini, berdasarkan jawapan kepada soalan saya berhubung dengan ada terdapat guru-guru yang menanggung beban kerja yang lebih dan ini memang diakui oleh kementerian berdasarkan kepada satu penyiasatan yang dijalankan ke atas lebih daripada 6,000 orang guru.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua, supaya langkah segera diambil supaya tidak timbul semacam rasa jemu kepada guru-guru ini sebab penyakit ini bila timbul di kalangan guru-guru, guru-guru tidak akan memberikan perhatian yang sebaik-baiknya kepada murid-murid, tambahan pula dengan beban-beban kerja yang tidak ada kena-mengena dengan pembelajaran seperti pentadbiran sekolah, menjalankan kokurikulum yang berlebihan ditambah pula dengan keadaan sekarang di mana guru-guru tidak dikehendaki lagi atau mereka tidak lagi mahu bekerja pada hari Sabtu.

Jadi dengan keadaan-keadaan itu masa mereka di sekolah terbatas. Dengan tambahan mata pelajaran yang bertambah daripada masa ke semasa, saya rasa tepat sekali penemuan Kementerian Pelajaran bahawa ada sebahagian guru walaupun tidak semua yang menanggung kerja lebih. Jadi hendaklah diselidiki dan diatasi secepat-cepatnya dalam masalah ini.

Masalah yang kedua berhubung dengan Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, ialah pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Saya juga seperti Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tidak mahu mempertikaikan masalah dasar atau keputusan dasar yang telah kita buat yang telah kita persetujui bahawa di peringkat sekolah rendah lagi mata pelajaran ini telah kita ajar di dalam bahasa Inggeris. Tetapi ada tanda, ada sungutan-sungutan yang mengatakan timbul masalah dalam pelaksanaan.

Jadi bila kita minta dikaji, saya menulis satu soalan minta penerangan, saya nampak kementerian salah faham sedikit. Saya tidak meminta supaya dasar pengajaran ini dikaji, tidak. Seperti yang saya katakan tadi kita telah terima. Tetapi masalahnya apakah tidak boleh selepas tiga tahun kita kaji di mana tidak kenanya, di mana kurangnya supaya masalah yang menjadi sungutan ibu bapa dan mungkin keyakinan ibu bapa kepada hasrat kita ini dapat diatasi. Itulah maka saya rasa sudah sampai masanya.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat telah banyak minta laluan. Saya ingat bagi peluang Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menolong menyekat laluan itu. Jadi saya rasa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun telah pun berucap dan telah pun diberi banyak peluang untuk dapat penjelasan dan saya....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa apa salahnya walaupun setelah tiga tahun, pada setengah orang dirasakan baru bermula, kita membuat kajian tentang pelaksanaan ini. Kemudian satu rayuan atau permohonan yang khusus daripada seorang yang datang daripada Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat kita yang sedia maklum, keputusan peperiksaan UPSR tahun 2005 yang baru diumumkan baru-baru ini menunjukkan Terengganu mendahului negeri-negeri lain bukan sahaja untuk tahun 2005, begitulah juga untuk tahun-tahun yang lain selama lima tahun berturut-turut. Jadi tidak bolehkah permohonan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa rahsia itu?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa rahsia di sebalik pencapaian itu?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Apakah tidak boleh Kementerian Pelajaran memberikan tambahan sedikit kepada anak-anak muda di Terengganu yang dapat 5A, yang bagus-bagus 5A daripada hampir 3,000 orang yang mendapat 5A untuk masuk ke sekolah-sekolah yang kita rasa sekolah yang lebih baik, sekolah asrama penuh, sekolah sains, sekolah elit, MRSM dan sebagainya sebagai satu penghargaan dan juga sebagai satu insentif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan kepada satu persoalan saya kepada Kementerian Sumber Manusia dinyatakan bahawa sekarang terdapat 59,000 orang siswazah yang telah mendaftar secara *online* melalui sistem *Electronic Labor Exchange*, Kementerian Sumber Manusia dalam tempoh Januari sehingga Oktober 2005. Daripada jumlah ini 35,588 orang ataupun 60% masih menganggur. Bagi meningkatkan *marketability*, dengan izin, dan *infallibility* siswazah ini, maka diadakan kursus-kursus untuk para graduan yang menganggur ini yang memakan belanja lebih daripada RM50 juta. Latihan-latihan yang diberikan yang bersifat memberikan penekanan kepada kemahiran bekerja (*working skill*), kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran berinteraksi, keterampilan diri dan aspek pengurusan yang meliputi *work ethic* dan *self motivation*.

Jadi pertanyaan saya kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan kepada kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua, apakah hal-hal ini tidak diajar di dalam universiti kita dan apa yang telah kita didik anak-anak, siswazah kita di universiti-universiti kita. Kerana kekurangan ini, maka kita terpaksa pula *retrain* mereka, dengan izin, dan memasukkan jenis-jenis pendidikan atau pelajar-pelajaran tadi untuk menjadikan mereka seorang siswazah yang unggul, yang lengkap dan yang dapat dipasarkan dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh simpulkan sekarang.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh simpul dan rumuskan sekarang.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya. Jadi saya rasa ini pun terpaksa dikaji semula dan kita rasa eloklah sekarang Tuan Yang di-Pertua mana-mana kursus atau pengajian yang tidak relevan lagi dengan kehidupan kita zaman ini perlahan-lahan kita kurangkan kalau tidak boleh kita hapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada pagi tadi wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab soalan saya mengatakan bahawa harga rumah selain daripada rumah murah yang dibina oleh pihak swasta ditentukan berdasarkan kepada pembeli dan penjual, ertinya *supply and demand*. Pada hari ini kita nampak kementerian langsung tidak campur tangan dalam penentuan harga.

Saya perhatikan banyak tempat di Kuala Lumpur ini di Lembah Klang ini, Tuan Yang di-Pertua, di mana rumah bukan rumah murah yang telah siap dibina, mungkin barangkali telah sedia untuk diduduki tetapi ada notis '*For Sale*', 'Untuk Dijual'. Jadi ertinya orang yang membeli rumah ini dengan membuat sedikit *renovation* mungkin ataupun tidak mengharapkan dapat mencari untung daripada penjualan rumah yang telah dibeli dengan harga-harga yang tertentu. Jadi di sini kita nampak tidak ada sebarang kawalan langsung. Kita terlalu memberi kebebasan kepada pemaju-pemaju perumahan. Jadi tidak hairanlah kalau rumah-rumah di Lembah Klang, di Kuala Lumpur ini terutamanya harganya begitu tinggi kerana terdapat unsur-unsur spekulasi dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya mohon kepada kementerian ini supaya dapat difikirkan sesuatu, mudah-mudahan dapatlah lebih ramai penduduk di Kuala Lumpur ini mendapat tempat duduk yang lebih baik dengan harga yang berpatutan dan tidaklah peluang terbuka luas



untuk pemaju-pemaju rumah ataupun spekulator membuat keuntungan tidak pada tempatnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat akhiri ucapan?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ha?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat akhiri ucapan?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua tiga perkara lagi tetapi walau bagaimanapun oleh kerana Tuan Yang di-Pertua mengatakan saya patut berhenti, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Parlimen, khususnya kepada Dewan Negara ini kerana mengadakan pegawai penyelidik kerana kita boleh menggunakan mereka untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tertentu, terutamanya saya nampak yang ada hubungannya dengan undang-undang ataupun rang undang-undang tertentu yang ditimbangkan di dalam Dewan ini.

Tetapi satu persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, bila kita hubungkan dengan apa yang berlaku yang banyak dibicarakan oleh sahabat-sahabat saya berhubung dengan masalah gambar ataupun gambar yang tidak bagus yang dibawa masuk oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Seputeh. Jadi saya nampak, apakah kita tidak mempunyai satu kaedah yang tertentu, yang boleh menyekat kemasukan begitu mudah. Parlimen kita ini bukan pasar, Parlimen kita ini bukan pawagam. Tetapi apa yang berlaku dengan penayangan gambar itu, saya nampak kita tidak mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu yang boleh mengawal keadaan yang semacam itu. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua tentu tidak bersetuju kalau saya bawa dua tiga orang duduk di sini sebagai pemerhati, di mana saya hendak membela kedudukan mereka, sedangkan Tuan Yang di-Pertua barangkali tahu saya buat masa ini hanya sebagai pemerhati sahaja.

Saya rasa ini pun patut diberi perhatian dan perkara yang ketiga berhubung dengan Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang pun saya dengar Tuan Yang di-Pertua menghadapi masalah iaitu masalah hendak mencatu masa. Saya perhatikan lebih kurang setahun menjadi ahli ini, kemampuan ahli-ahli Dewan ini berbahas, berbincang dalam Dewan ini, saya rasa membanggakan. Cara mereka mencelah perbahasan, meminta laluan dan mengubah laluan pun alhamdulillah, bagus dan kerana itu, kita dapati ada setengah-setengahnya masa terlalu suntuk. Tidakkah boleh Tuan Yang di-Pertua, menimbangkan supaya pada sesi-sesi yang akan datang

terutamanya kalau banyak perkara yang hendak timbangkan, masa sidang ini nanti tambah tidak banyak, barangkali 1, 2 hari lagi Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ambil perhatian.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Kita ambil perhatian dan kita cuba usahakan. Perjalanan sidang Dewan lebih memuaskan lagi pada hari-hari akan datang. Dato' Omar bin Faudzar.

#### 5.12 ptg.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ambil masa yang lama. Saya cuma ambil mungkin 10 minit. Terlebih dahulu saya hendak ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya sebab ada baki 18 minit lagi, saya bercadang hendak bagi tiga minit yang lebih itu kepada Yang Berhormat. Tetapi dah Yang Berhormat hendak berucap 10 minit, saya boleh cari orang lain.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya sudah menyelit banyak sangat Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya amat tertarik dengan perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merupakan mesra rakyat dan ada empat strategi yang telah dibentangkan. Satu daripada strategi, iaitu strategi kedua - menyediakan persekitaran mesra perniagaan; diberi banyak insentif untuk menggalakkan syarikat-syarikat swasta bersama-sama dengan kerajaan membantu menaikkan lagi ekonomi negara. Jadi dalam kita memberi insentif-insentif ini saya rasa masih ada lagi ruang-ruang yang boleh kita tengok dan bantu syarikat-syarikat swasta seperti contoh dalam strategi kedua yang dikatakan di sini, pada masa ini syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai tahunan semasa yang tidak kurang daripada anggaran disemak tahun sebelumnya.

Dengan fleksibiliti ini, syarikat akan dibenarkan membuat anggaran cukai pada tahap tidak kurang 85% daripada anggaran cukai tahun sebelumnya, berbanding dengan 100% pada masa sekarang. Jadi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, tujuan dia pada peringkat awal kita hendak pastikan supaya syarikat-syarikat ini membuat anggaran keuntungan tidak kurang daripada 100% daripada keuntungan yang dahulu, itu pada peringkat awal.

Sekarang ini diturunkan kepada 85% dan ada syarat-syarat lain juga dikenakan di sini, iaitu kalaulah sekiranya keuntungan saya ini tidak mencapai anggaran yang telah saya nyatakan tadi 85%, saya dikehendaki membayar penalti kepada kerajaan, sedangkan ini cuma *projected profit* Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita rugi saya kena bayar, kalau melebihi saya tidak kena bayar apa, saya cuma kena bayar cukai. Jadi, saya hendak mencadangkan di sini supaya angka 85% itu, kalau boleh dikurangkan lagi ke 60% ataupun mungkin bawah lagi. Sebab saya rasa kerajaan tidak rugi dalam hal ini. Sebagai contoh, katakanlah, saya punya anggaran *profit*, anggaran keuntungan untuk tahun hadapan, anggaran keuntungan saya, saya menyatakan 60% iaitu kalau tahun ini saya dapat RM1 juta, tahun depan katakan kalau saya anggarkan 60%, jadi keuntungan saya cuba RM600 ribu.

Kalau RM600 ribu, kalau saya dapat untung lebih, kerajaan masih lagi tidak rugi. Kerajaan akan tetap mendapat cukai walaupun keuntungan itu lebih. Kalau keuntungan itu kurang, dia tetap akan dapat penalti. Jadi lebih baiklah kita kurangkan angka 85% itu kepada angka yang lebih munasabah sebab sekarang ini kalau kita tengok, keadaan ekonomi bukanlah menentu sangat dengan kenaikan harga barang dan sebagainya. Kadang-kadang kita nampak susah kita hendak buat *projection*. Kita tengok *company-company* GLC sendiri pun tidak boleh hendak buat *projection* mengatakan untung, untung, untung akhirnya rugi. Kalau saya turun 50%, ataupun 40% sekalipun, tidak timbul satu masalah pun kepada kerajaan. Sebab sebelum ini, kalau syarikat-syarikat yang tidak termasuk dalam Bursa Saham ini, kita tidak ada *projected profit* dan sebagainya.

Apabila *year end*, kita *declare profit* dan kita bayar cukai, itu sahaja. Tetapi sekarang kita hendak kena adakan *projected profit* dan sebagainya amat membebankan syarikat. Jadi ini mungkin ada satu cara yang boleh kita bantu syarikat-syarikat swasta sebab banyak yang telah kerajaan beri saya rasa yang ini pun mungkin kalau diberikan pada syarikat-syarikat swasta sedikit sebanyak dapat membantu syarikat-syarikat ini untuk bersama-sama dengan kerajaan menaikkan lagi ekonomi negara.

Yang kedua, apa yang diberi oleh kerajaan di sini adalah sesuatu yang cukup baik, dia hendak pastikan ekonomi negara naik, syarikat-syarikat dalam negara kita ini maju, syarikat-syarikat dalam negara kita ini dipercayai oleh *investor-investor* luar. Jadi semalam saya bertanyakan satu soalan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah

mengenai NTA (*Net Tangible Asset*). Kebiasaannya dalam satu-satu syarikat dalam Bursa saham ini, yang *dilisted*, syarikat-syarikat ini dia ada aset, aset yang begitu banyak. Kadang-kadang berbilion aset dia.

Contoh UDA sendiri kalau kita tengok aset dia memang banyak. Tetapi hari ini, kementerian sudah putuskan supaya aset-aset yang dikatakan aset *leasehold* tidak boleh lagi dikategorikan sebagai satu aset dalam syarikat. Tidak boleh lagi *diconsiderkan* sebagai *tangible asset*. Kalau kita tidak boleh *considerkan* perkara itu sebagai *tangible asset*, bayangkan satu syarikat itu pada peringkat awal saham dia berbilion ringgit, tetapi disebabkan oleh *asset-asset* ini tidak boleh dikategorikan sebagai *tangible asset*, maka *the value* syarikat itu akan jatuh serta-merta. Kalau saya hendak beli satu-satu syarikat, saya akan tengok dua fakta untuk hendak tengok sama ada syarikat itu baik ataupun tidak.

Satu saya tengok keuntungan syarikat itu, kedua saya hendak tengok apa yang ada dalam syarikat itu. Kalau sekadar dia tunjuk dekat saya keuntungan pada hari ini, saya beli atas sebab keuntungan sahaja, tetapi akhirnya saya tengok dalam syarikat ini tidak ada lagi tanah-tanah yang boleh saya majukan. Jadi syarikat ini tidak bagus sedangkan kita tahu tanah itu ada dalam syarikat, tetapi tidak boleh dikategorikan sebagai *tangible asset*. Dan mungkin juga pelabur-pelabur luar sendiri pun akan takut. Kalau kita tengok UDA ya, Syarikat UDA yang dimiliki oleh Khazanah landas utama yang berapa orang dalam itu saya sendiri, syarikat saya sendiri pun ada dalam perbincangan untuk mengambil alih UDA, Syed Mokhtar Al-Bukhary, MRCB ramai lagi. Bukan sebab apa, sebab kita tahu UDA banyak tanah merata tempat, tanah yang ada *value*, yang ada nilai. Jadi syarikat itu sudah boleh dinaikkan taraf lagi, jadi saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kenapa aset-aset ini tidak boleh lagi dikategorikan sebagai *tangible asset*, pertama.

Dan yang kedua, kalaulah aset-aset *leasehold* ini tidak boleh lagi dikategorikan sebagai *tangible asset* dalam satu-satu syarikat mungkin juga aset-aset ini, tanah-tanah ini akan jatuh nilai dia. Bila akan jatuh nilai tanah itu, maka syarikat itu akan jatuh nilai dia, jadi saya minta kepada Kementerian Kewangan untuk bagi penerangan sedikit mengenai kedua-dua perkara yang telah saya bangkitkan tadi.

Dan yang ketiga ialah REITs, kerajaan bercadang membenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan berkaitan dengan bayaran guaman, penilaian, rundingan bagi penerbitan amanah pelaburan hartanah ataupun REITs. Tujuan membantu

meningkatkan kecairan syarikat hartanah yang mempunyai aset tetap yang besar. Jadi kalau kita tengok tadi kita bercakap fasal aset, di sini kita hendak mencairkan aset, hendak membantu syarikat di sebelah lagi kita hendak pastikan aset itu tidak dimasukkan sebagai *tangible asset*.

Saya masih kurang faham ada tiga empat perkara yang nampak berlainan dia punya konsep dan REITs, ini memanglah kalau apa yang telah kerajaan cadangkan memang satu perkara yang baik, cuma satu sahaja yang kita perlu ingat kita kena cari satu formula apabila kita bagi kelonggaran-kelonggaran ini, kita kena pastikan bahawa harta-harta ini tidak menjadi harta-harta luar negara. Kita tidak mahu syarikat-syarikat luar ambil peluang ini membeli harta-harta yang ada dalam negara kita.

Saya ambil contoh katakan Lot 10, Lot 10 dahulu hak orang Melayu, lepas itu YTL masuk dan sebagainya akhirnya daripada YTL REITs, lepas itu masuklah syarikat luar sedikit, jadi pegangan saham dalam bangunan-bangunan ini sudah berkurangan dari segi pegangan ekuiti negara, sudah kurang. Jadi saya takut kalau berlaku juga, kalau kita bagi peluang-peluang ini mungkin akan diambil oleh syarikat-syarikat luar, jadi kita kena cari satu formula supaya perkara-perkara ini tidak berlaku.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya hendak bangkitkan ialah program bantuan rumah untuk menyediakan dan baik pulih 4,000 rumah kepada rakyat termiskin di luar bandar. Saya hendak maklumkan di sini, sudah hampir tiga tahun saya di sini, kita tidak pernah bercakap tentang rakyat termiskin di bandar. Setiap kali kita bercakap, kita bercakap tentang rakyat termiskin di luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari Wilayah telah menyentuh perkara ini.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Mungkin saya tidak ada pada ketika itu. Jadi saya haraplah kepada kerajaan supaya tengok sama kemiskinan di bandar. Di kawasan saya sendiri, di kawasan Pulau Pinang ramai yang terlalu miskin yang papa kedana lebih daripada orang-orang di kawasan-kawasan luar bandar harus diberi perhatian, dipertimbangkan untuk semua. Dan kalau kita bercakap tentang kemiskinan rakyat, kita tidak payah lagilah bercakap tentang kemiskinan rakyat di luar bandar sahaja, kita bercakap tentang kemiskinan rakyat sahaja tidak payah luar bandar ataupun bandar. Tidak ada perbezaan di antara satu sama lain sama-sama adalah rakyat Malaysia.

Satu lagi ialah menambah baik taman bimbingan kanak-kanak Tabika KEMAS. Yang ini saya hendak menegur sedikit Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Dia

hendak membaik pulih, menambah baik taman bimbingan kanak-kanak dan sebagainya. Dalam peruntukan yang saya lihat, tidak ada satu peruntukan yang kita beri kepada kawasan-kawasan Parlimen baru. Setelah dua tahun ya masih tidak ada pejabat-pejabat KEMAS dalam kawasan-kawasan Parlimen ini. Saya rasa kementerian mengambil masa yang terlalu lama dan sekarang kalau kita hendak masukkan itu, kita hendak buat pejabat-pejabat KEMAS dalam kawasan Parlimen baru kita memerlukan peruntukan. Tetapi dalam peruntukan ini saya tidak nampak langsung ada menyatakan bahawa kita sediakan peruntukan-peruntukan untuk membangunkan KEMAS di kawasan-kawasan Parlimen baru.

Dan seterusnya saya hendak menyentuh ialah PROSPER. Kita tubuh PROSPER, kita hendak bantu orang-orang miskin, kita hendak bantu orang-orang yang tidak ada harta untuk berniaga. Saya bagi *recommendation* dekat kawan saya, seorang yang saya tengok dia kerja di restoran, sebab dia sahabat baik saya, saya bagi tahu dekat dia saya kata, "Eh! You pergi ke tengok kawasan itu ada lebih kurang 2,000 orang dalam satu kawasan kampung. Tidak ada kedai meniaga you pi buat kedai runcit". Saya kata dekat dia, "Okay, you pi buat yang lain bagi bini you duduk dalam meniaga kedai runcit".

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak simpulkan ucapan sekarang atau hendak tamatkan satu dua minit pada hari Isnin?

**Dato' Omar bin Faudzar:** Kalau boleh tambah 10 minit, tidak boleh Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya baca semula Peraturan Mesyuarat dia tidak semudahnya beri saya kuasa begitu ringan begitu.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya ingat dua minit Yang Berhormat saya ada dua perkara lagi Tuan Yang di-Pertua. Okay saya habiskan ya. Jadi PROSPER ini kalau kita hendak bagi pinjaman tidak payahlah kita kena ada *guarantee*. Dia minta pinjaman RM200,000 dia kena bayar 10%, kalau dia pinjam RM400,000 dia kena bayar 10% daripada RM400,000, RM40,000 lepas itu dia main minta dekat kita, kita mana hendak bagi RM40,000.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isunya faedah bayaran terlalu tinggi ke?

**Dato' Omar bin Faudzar:** Tidak, tidak payahlah ada *collateral* tidak payah ada *security*, because *security* itu adalah pegawai PROSPER yang *sign* cek itu. Itu *security* dia sebab kalau kita bagi pinjaman, kita sudah pastikan bahawa perniagaan itu boleh

berjaya dan cek-cek, duit-duit yang hendak dikeluarkan ditanda tangan oleh pegawai PROSPER dengan orang yang meminjam.

Yang akhir Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Amanah Harta Bumiputera mempertingkatkan pegangan hartanah bumiputera. Ini juga satu agenda yang memang baik sebab kita hendak pastikan bahawa unit-unit bumiputera ini masih kekal di tangan bumiputera. Tetapi saya rasa kita harus tengok.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau angka itu jadi 31 saya punya kewibawaan sudah rosak.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya ingat saya sambung hari Isnin Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi satu dua minit sahaja. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang. Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana walaupun saya dibekalkan dengan benda ini [*Sambil mengetuk*] saya tidak perlu guna sekalipun, jadi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kita boleh mengendalikan mesyuarat tanpa menggunakan alat tersebut.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pada hari Isnin pukul 10.00 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***